


l a p o r a n t a h u n a n

2013



kegigihan
pemacu
kejayaan





kegigihan pemacu kejayaan

Kegigihan dan komitmen dalam menuju kecemerlangan menjadi pemacu untuk Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) terus mara dalam usaha mencapai kejayaan yang berterusan.

Ketabahan dan daya-tahan merupakan ciri-ciri utama, yang menguatkan Bank untuk cekal menghadapi rintangan, bersiap sedia dan menjangka pergolakan yang sedang dan bakal melanda, untuk maju meneruskan perjalanan dalam menempah kedudukan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan.

Muka depan Laporan Tahunan 2013 adalah cerminan kegigihan dan keutuhan pasukan Bank untuk maju melepasi cabaran terus mara menerokai segala kemungkinan, menempa kemajuan, mencatat pencapaian.

kandungan

Tinjauan

04	Sorotan Kewangan 10 Tahun
05	Maklumat Korporat
06	Kualiti Aset
11	Pihak Berkaitan

Kepimpinan

14	Ahli Lembaga Pengarah
16	Profil Lembaga Pengarah
28	Jawatankuasa Syariah
30	Bidang Tugas Jawatankuasa Syariah
32	Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Syariah
34	Pengurusan Kanan
36	Profil Pengurusan Kanan

Sorotan

40	Perutusan Pengerusi
50	Perbankan Perniagaan
52	Perbankan Pengguna
60	Perbendaharaan dan Pasaran Modal
62	Perbankan Pelaburan
63	Modal Insan
66	Business Process Transformation
68	Pengurusan Kandungan Perusahaan
69	Muamalat Banking Solution
70	Perkhidmatan Pelanggan
72	Jabatan Syariah
76	Wakaf Selangor Muamalat
78	Tabung Mawaddah
80	Tanggungjawab Korporat
82	Takwim Peristiwa

Akauntabiliti

88	Penyata Tadbir Urus Korporat
98	Penyata Kawalan Dalaman
100	Penyata Pengurusan Risiko
108	Penyata Pematuhan

Kewangan

115	Penyata Kewangan Tahunan
300	Basel II – Pendedahan Tunggak 3

Lain-lain

360	Rangkaian Cawangan
-----	--------------------

visi

Untuk menjadi penyedia perkhidmatan
kewangan Islam pilihan

misi

Untuk memberikan nilai terbaik kepada
pihak-pihak berkepentingan

nilai

Prihatin

Hormat

Berwibawa

Inovatif

Berorientasikan Perkhidmatan



Logo dan identiti BMMB pada dasarnya terbentuk oleh garisan dinamik dalam gerakan berterusan. Objektif-objektif utama kecekapan dan kedinamikan ditunjukkan oleh garisan tunggal. Garisan tunggal menandakan visi yang cekap, jelas dan tertumpu. Ini menunjukkan hubungan yang kukuh di antara Bank dan pelanggan-pelanggannya.

Kubah adalah ciri reka bentuk asas dalam seni bina Islam. Ia digunakan bagi menandakan tempat menunaikan solat dan tempat untuk berteduh. Ini mewakili produk dan perkhidmatan yang Bank boleh tawarkan kepada pelanggan-pelanggannya. Lima (5) kubah mewakili lima rukun dalam Islam dan lima kali seseorang Muslim diwajibkan untuk menunaikan solat. Lima mercu juga digunakan berhubung dengan lima prinsip dalam Rukun Negara, menunjukkan objektif sebenar Malaysia mengenai kewujudannya. Hubungan kait di antara lima kubah dengan garisan tunggal menandakan perangkaian Bank dan hubungan di antara Bank, pelanggan-pelanggan dan persekitaran luarnya.


Perangkaian dan kebersamaan ini menterjemahkan maksud mendalam Muamalat itu sendiri, yang merupakan "hubungan sesama manusia". Jam pasir yang terbenam di tengah-tengah di antara reka bentuk logo bermaksud masa adalah sesuatu yang penting bagi Bank, seiring dengan pelaburan yang sentiasa berkembang pada sepanjang masa.

Dua warna yang digunakan dalam logo, warna biru Sultan, merupakan warna diraja yang digunakan untuk menunjukkan perasaan kekuatan dan keyakinan. Warna oren pula adalah warna yang hangat dan menguja. Ia memberikan sinar dan menandakan pertumbuhan. Warna oren digunakan adalah untuk menandakan kemesraan Bank, seiring dengan pertumbuhan berterusannya, tidak pernah statik tetapi sentiasa dinamik.


Sorotan Kewangan 10 tahun (2003-2013) – KUMPULAN

	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jan 2009 - Mac 2010	2011 Dinyatakan semula	2012 Dinyatakan semula	2013
Jumlah Dana Pemegang Saham (RM'000)	353,020	507,564	523,683	713,126	737,331	702,236	1,319,131	1,348,286	1,401,004	1,598,476
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai (RM'000)	7,267	(26,819)	41,251	103,409	64,238	44,068	142,061	186,785	103,006	235,963
Untung/(Rugi) Selepas Cukai (RM'000)	3,586	(28,720)	32,328	72,520	48,138	31,951	98,834	120,433	69,244	167,936
Jumlah Aset (RM'000)	7,315,942	8,070,831	10,269,647	13,450,636	13,808,090	14,398,645	16,733,420	18,659,940	20,504,037	21,071,590
Jumlah Deposit (RM'000)	6,846,533	7,455,010	9,373,971	12,178,691	12,172,868	12,447,970	14,920,856	16,216,173	18,151,087	18,744,179
Jumlah Pembiayaan (RM'000)	2,272,526	2,887,415	4,154,021	5,373,343	5,870,585	6,427,747	7,037,126	7,495,007	9,064,271	10,352,626
Bil. Cawangan	40	41	42	43	48	48	49	51	58	59
Bil. Pusat Khidmat/Kios	7	7	6	6	3	5	6	4	2	7
Bil. Cawangan Luar Pesisir/Labuan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Bil. Kakitangan	1,244	1,241	1,145	1,380	1,454	1,419	1,584	1,763	1,929	2,099
PULANGAN KE ATAS ASET (%)	0.10	(0.35)	0.45	0.87	0.47	0.31	0.73	1.06	0.53	1.14
PULANGAN KE ATAS EKUITI (%)	2.07	(6.23)	8.00	16.72	8.86	6.12	11.24	15.24	7.49	15.73


JUMLAH DANA PEMEGANG SAHAM
(RM'000)




JUMLAH ASET
(RM'000)



JUMLAH DEPOSIT
(RM'000)



KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI
(RM'000)



Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi

Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid

Ahli

Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh

(dilantik pada 27 Ogos 2012)

Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain

(dilantik pada 27 Ogos 2012)

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Haji Mohd Izani Ghani

Haji Ismail Ibrahim

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid

Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman

Dato' Azmi Abdullah

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff

SETIAUSAHA SYARIKAT

Nora Shikhen Ramli (LS 01587)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 20, Menara Bumiputra

Jalan Melaka

50100 Kuala Lumpur

Tel : 603-2615 7069

Faks : 603-2693 3367

JURU AUDIT

Ernst & Young

Tingkat 23A, Menara Milenium

Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara

50490 Kuala Lumpur

Kualiti Aset


JUMLAH ASET

Jumlah aset Kumpulan pada 31 Mac 2013 berkembang kepada RM21.0 bilion berbanding RM20.5 bilion pada 31 Mac 2012. Pertumbuhan dalam jumlah aset disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam portfolio pembiayaan pelanggan dan pelaburan kewangan masing-masing sebanyak RM1.3 bilion dan RM334 juta.


Berikutan keberkesanan strategi pengurusan aset liabiliti yang telah digunapakai, tunai dan dana jangka pendek telah turun sebanyak 6% kepada RM3.2 bilion berbanding RM4.4 bilion pada 31 Mac 2012.

JUMLAH ASET

Pada Mac 2013



Pada Mac 2012 (Dinyatakan semula)




PEMBIAYAAN MENGIKUT KONTRAK


Aset pembiayaan Bank dirumus berdasarkan prinsip Syariah yang diluluskan. Komposisi portfolio pembiayaan semasa Bank, sebahagian besarnya terdiri daripada Bai' Bithman Ajil (jual-beli secara bayaran tertanggung), 39.8%, Tawarruq (komoditi murabahah), 27.8%, Ijarah Thumma Al-Bai (sewaan berakhir dengan belian), 9.4%, sementara selebihnya terdiri daripada kontrak-kontrak lain seperti Murabahah (jual beli berdasarkan kos tambahan) and Istisna' (jual beli tempahan dengan bayaran beransur).

PEMBIAYAAN MENGIKUT KONTRAK

Pada Mac 2013



Pada Mac 2012 (Dinyatakan semula)




KOMPONEN	2008 RM Juta	Jan '09- Mac '10 RM Juta	2011 RM Juta	2012 RM Juta	2013 RM Juta
Aset					
- Pembiayaan Kasar	6,427.7	7,037.1	7,483.4	9,512.8	10,642.3
- Pelaburan Kewangan	2,901.9	4,041.0	4,360.1	6,213.7	6,547.1
- Tunai dan Dana Jangka Pendek	5,067.3	5,775.4	6,447.3	4,501.5	3,341.7
Pembiayaan Tidak Berbayar Kasar	592.2	513.8	378.3	452.3	271.4
Nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar Kasar	8.7%	6.9%	4.8%	4.8%	2.5%
Purata Industri*	4.1%	3.6%	3.3%	2.4%	1.6%
Nisbah Rizab Kerugian Pembiayaan	67.6%	79.7%	89.0%	87.8%	102.2%
Purata Industri*	76.5%	75.0%	90.8%	105.9%	120.1%

*Buletin Statistik Bulanan Mac 2013 Bank Negara Malaysia


Nisbah pembiayaan tidak berbayar kasar Bank merekodkan penambahbaikan yang membanggakan sebanyak 2.5% pada 31 Mac 2013 berbanding dengan 4.8% pada tahun sebelumnya, disebabkan pengukuhan proses analisa kredit, pemulihan secara agresif dan pengurusan akaun tertunggak secara proaktif.

PEMBIAYAAN MENGIKUT SEKTOR (RM bilion)



Portfolio aset pembiayaan Bank terus didominasi oleh pembiayaan kadar tetap yang mencakupi 61.9% daripada keseluruhan pembiayaan pada tahun kewangan 2013. Namun, ia telah menurun berbanding 63.5% pada tahun sebelumnya. Bank akan terus fokus untuk mengimbangi portfolionya agar lebih berdaya saing bagi menghadapi sebarang pergerakan menaik dalam kadar pasaran di masa hadapan.

PEMBIAYAAN KADAR TETAP DAN TERAPUNG




PEMBIAYAAN MENGIKUTJENIS


(RM bilion)

2013

Perniagaan




Konsumer




2012

Perniagaan




Konsumer



PELABURAN KEWANGAN


(RM bilion)




PENARAFAN SEKURITI HUTANG SWASTA

Peratus

2013



2012




Bank telah meningkatkan pemegangannya dalam Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia berbanding Sekuriti Hutang Swasta disebabkan oleh hasil yang lebih tinggi. Namun begitu, ia masih dalam lingkungan nisbah 60% / 40% (Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia / Sekuriti Hutang Swasta)

Pihak Berkaitan

Setakat 31 Mac 2013, jumlah pendedahan kredit Pihak yang Berkaitan mencatatkan 6% daripada jumlah pendedahan kredit RM20.21 bilion. Dari segi peratusan, pendedahan kredit adalah pada kadar 59.2% berbanding asas modal Bank sebanyak RM2.06 bilion. Kedua-dua kadar adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh BNM.


PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN MENGIKUT INSTRUMEN KEWANGAN

Pada Mac 2013




PIHAK BERKAITAN BERBANDING PENDEDAHAN PIHAK TIDAK BERKAITAN

Pada Mac 2013



KOMPOSISI PIHAK BERKAITAN MENGIKUT SEKTOR

Pada Mac 2013






prihatin

pemacu semangat



“Seluruh kaum muslim adalah ibarat sebuah dinding, kesemua bahagiannya saling menguatkan satu sama lain.” [Al-Bukhari]



Lembaga Pengarah



Belakang (Dari Kiri ke Kanan)

Nora Shikhen Ramli (Setiausaha Syarikat), Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh, Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain, Dato' Azmi Abdullah, Dato' Haji Kamil Khalid Ariff, Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman, Haji Abdul Jabbar Abdul Majid, Haji Ismail Ibrahim dan Haji Mohd Izani Ghani

Hadapan (Dari Kiri ke Kanan)

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid dan Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid



Profil Lembaga Pengarah



Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid Pengerusi

Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid merupakan Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) dan dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank pada 3 Jun 2008. Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Veto.

Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi) daripada London School Of Economics and Political Science (LSE) pada tahun 1971, di tempat yang sama beliau mendapatkan PhD dalam Hubungan Antarabangsa pada tahun 1978. Beliau kemudian mengajar di Jabatan Hubungan Antarabangsa di LSE dari tahun 1972 hingga 1975. Beliau juga merupakan Penganalisa Penyelidikan bagi Daiwa Europe NV di London dari tahun 1975 hingga 1978.

Dr. Munir menyertai New Straits Times Press (NST) pada penghujung 1978 sebagai penulis rencana pengarang dan kemudian menjadi Pengarang Kumpulan. Semasa di NST, beliau telah menerbitkan sejumlah artikel berhubung politik dan ekonomi negara dan antarabangsa. Beliau meninggalkan NST pada tahun 1986 dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif sebuah bank saudagar kecil, Pertanian Baring Sanwa (PBS), yang kemudian namanya ditukar kepada Commerce International Merchant Bankers (CIMB) yang kini menjadi salah sebuah peneraju bank saudagar di Malaysia. Beliau dijemput oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pengasas dan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang pertama pada tahun 1993, yang mana beliau berkhidmat bagi dua penggal

sehingga tahun 1999. Pada tahun 1997, beliau menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Cranfield. Selepas meninggalkan Suruhanjaya Sekuriti, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Telekom Malaysia Berhad selama empat tahun sehingga Jun 2004 dan menjadi Pengerusi anak syarikat telefon mudah-alihnya, Celcom (M) Berhad, dari tahun 2002 hingga 2004.

Pada Jun 2004, Dr. Munir menyertai Lembaga Pengarah Malaysian Airline System Berhad dan pada Ogos 2004, beliau dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif sehingga Julai 2011. Beliau telah berkhidmat dengan pelbagai Lembaga dan Jawatankuasa Kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE, kini Bursa Malaysia), Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), dan beberapa organisasi dan syarikat swasta seperti Kuala Lumpur Options and Financial Future Exchange (KLOFFE), Majlis Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia (AMBM), Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI). Beliau juga adalah pengasas dan Presiden Kuala Lumpur Business Club (2003-2008) dan kini dilantik sebagai Pengerusi Majlis Penasihatnya. Pada Mei 2004, beliau dilantik sebagai ahli Court of Fellows Institut Pengurusan Malaysia.

Pada Disember 2005, beliau dilantik menjadi Fellow Kehormat LSE . Pada 2008 beliau dilantik sebagai Fellow Pelawat Kanan di LSE IDEAS (Pusat Pengajian Hubungan

Antarabangsa, Diplomatik dan Strategi), di mana beliau memulakan dan menerajui Program Hubungan Luar Asia Tenggara. Dr. Munir juga adalah Profesor Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Govenor Universiti Terbuka Wawasan.

Dr. Munir adalah Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan PINTAR (sebuah badan untuk menyelia aktiviti pendidikan sukarelawan di sekolah-sekolah oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan) dan Forum Malaysia-Eropah. Beliau adalah ahli Institut Antarabangsa Pengajian Strategik (IISS) di London. Beliau telah melahirkan dan turut menjadi hos bagi program TV Fast Forward, di Radio Televisyen Malaysian (RTM 1).

Dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1948, Dr. Munir menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah St Mark di Butterworth dan Sekolah Tinggi Bukit Mertajam. Beliau meneruskan pendidikan menengah di Maktab Tentera Diraja di Sungei Besi, Kuala Lumpur, yang mana beliau mendapat Anugerah Komandan sebagai pelajar terbaik keseluruhan pada 1967. Beliau meneruskan pendidikan di London pada tahun berikutnya.

Profil Lembaga Pengarah

Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank), dicalonkan oleh DRB-HICOM Berhad pada 27 Ogos 2012. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Imbuan, Penamaan dan Veto.

Kini beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad. Beliau adalah mantan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum dilantik menjadi Ketua Pegawai Operasi – Kewangan, Strategi dan Perancangan di DRB-HICOM Berhad.

Beliau merupakan seorang Akauntan bertauliah, nFelo Persatuan Akauntan Bertauliah, United Kingdom dan Ahli Institut Akauntan Malaysia.

Sepanjang kariernya, beliau pernah menerajui beberapa syarikat senaraian awam termasuk Ranhill Utilities Berhad dan KUB Malaysia Berhad sebelum menerajui TNB sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada 2004. Beliau juga pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah di syarikat kumpulan United Engineers Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad dan Khazanah Nasional Berhad dari tahun 2000 hingga 2004, yang mana beliau turut menganggotai Jawatankuasa Eksekutif.

**Dato' Mohamed Hazlan
Mohamed Hussain**

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank), dicalonkan oleh DRB-HICOM Berhad pada 27 Ogos 2012. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat.

Sebelum pelantikan ke DRB-HICOM Berhad sebagai Pengarah Kumpulan bahagian Perkhidmatan, beliau adalah Pengarah Kumpulan Bahagian Komersil, Kumpulan Prasarana sejak 2011. Dato' Mohamed Hazlan telah memegang beberapa jawatan tinggi dalam pelbagai organisasi termasuk Pengarah Kumpulan bagi Bahagian Bas, Ketua Pegawai Operasi RapidKL, Ketua Strategik Korporat Offshore Works Sdn. Bhd. dan Ketua Pegawai Operasi Posmel, Pos Malaysia Berhad dari tahun 2007 hingga 2009.

Beliau memulakan karier dengan Arnold Hill & Co Chartered Accountants di London, United Kingdom sejak 1988 sehingga 1993. Dengan pelbagai pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan amanah dan audit, beliau kembali menyertai Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS), yang mana beliau mengetuai Jabatan Audit Dalaman pada tahun 1994. Pada 1998, beliau memimpin Jabatan Tol sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Wilayah II, mengurus operasi bagi Wilayah Tengah pada tahun yang sama. Beliau kemudian menjadi Pengurus Besar Divisyen Operasi pada September 1999 sehingga tahun 2003 dan dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan pada tahun 2004.

Beliau merupakan graduan Imperial College of Science and Technology, University of London dalam pengkhususan Kejuruteraan Awam yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.

Profil Lembaga Pengarah

**Dato' Haji Mohd Redza Shah
Abdul Wahid**
Ketua Pegawai Eksekutif /
Pengarah Eksekutif



Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) dan dilantik sebagai Pengarah Bank pada 1 November 2008.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi Dalam Perdagangan Dan Industri (Kepujian) daripada London School of Economics, University of London pada tahun 1986 dan memiliki Sarjana Sains Ekonomi dalam Perbankan Antarabangsa dan Kewangan daripada Universiti Wales, Cardiff.

Dato' Haji Mohd Redza Shah menjadi Akauntan Bertauliah Bersekutu (ACA) semasa beliau memulakan kerjayanya dengan Touche Ross & Co. London (kini dikenali sebagai Deloitte & Touche) pada tahun 1988 sebagai Akauntan Pelatih. Pada akhir tahun 1992, beliau menyertai Arab Malaysian Corporation Berhad sebagai Pengurus Audit Dalaman dan seterusnya dilantik sebagai Pengurus Kewangan Korporat.

Beliau kemudiannya menyertai Khazanah Nasional Berhad semasa syarikat tersebut memulakan operasinya pada bulan Julai 1994 sebagai Pengurus Kanan Kewangan dan berpindah ke Siltera Malaysia Sdn. Bhd., anak syarikat Khazanah Nasional Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Beliau meninggalkan Siltera Malaysia Sdn. Bhd. untuk menerajui Tradewinds Corporation Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dari September 2002 hingga November 2005 dan menjadi Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tradewinds (M) Berhad, yang mana beliau berkhidmat dari Mei 2004 hingga November 2005, sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan DRB-HICOM Berhad.

Beliau adalah ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) dan Jawatankuasa Pemandu FSTEP. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga Akauntan dalam Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), badan yang mengeluarkan dasar-dasar perakaunan dan audit berhubung perbankan Islam.

Dato' Haji Mohd Redza Shah adalah Presiden Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan juga menduduki Lembaga Pengarah Malaysian Electronics Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM).

Haji Mohd Izani Ghani

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Haji Mohd Izani Ghani dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank), setelah dicalonkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) pada 1 Mac 2009. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Imbuan, Penamaan dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Bank.

Beliau adalah lulusan London School of Economics and Political Science (LSE), memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), pengkhususan dalam perakaunan dan kewangan pada tahun 1991. Selepas tamat pengajian di LSE, beliau mendapatkan kelayakan akauntan professional daripada Persatuan Akauntan Bertauliah dan menerima pengiktirafan felo pada tahun 2000. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Kini beliau merupakan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan Khazanah. Dalam inisiatif kewangan Islam, beliau terlibat secara langsung dalam terbitan sukuk boleh tukar pertama dunia sebanyak AS\$750 juta pada tahun 2006, diikuti transaksi sukuk utama yang lain dalam dolar Singapura (SGD) dan Renminbi, masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Berhubung pembiayaan RM, beliau memainkan peranan penting dalam melaksanakan pelbagai program sukuk di Khazanah.

Pendedahan pertama dalam dunia korporat adalah pada tahun 1993 semasa beliau menyertai Kumpulan Renong. Pada tahun 1999 beliau terlibat dalam dalam pegangan konsesi pembangunan perbandaran Putrajaya, iaitu Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. untuk membantu dalam pembiayaan bagi pembinaan bangunan pejabat Kerajaan dan kuarters kakitangan awam. Beliau meninggalkan Putrajaya Holdings pada tahun 2005 untuk menyertai Khazanah.

Beliau juga adalah Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad dan Fajr Capital.

Profil Lembaga Pengarah

Haji Ismail Ibrahim Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Haji Ismail Ibrahim dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dicalonkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) pada 23 Mac 2001. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Imbuhan, Penamaan, Audit, dan Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat dan Veto.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau kini adalah Naib Presiden Khazanah. Beliau menyertai Khazanah sebagai Akauntan / Pengurus Kewangan pada tahun 1995. Beliau memulakan karier pada tahun 1985 dengan Jabatan Akauntan Negara berkhidmat sebagai Akauntan Perbendaharaan dalam Bahagian Pinjaman dan Pelaburan sehingga tahun 1991 dan kemudian dilantik sebagai Penolong Pengarah dalam Bahagian Pengurusan Dana sehingga tahun 1995.

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Haji Abdul Jabbar Abdul Majid dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sejak 13 Oktober 2004. Beliau adalah ahli Felo Institut Akauntan Bertauliah, Australia, dan juga Ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau merupakan ahli Majlis Eksekutif Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Audit dan ahli Jawatankuasa Imbuan, Penamaan dan Pengurusan Risiko.

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid memulakan karier pada tahun 1974 sebagai Pengurus Kanan Jabatan Audit Dalam dan Organisasi Bank Pertanian Malaysia. Pada tahun 1977, beliau menyertai KPMG Malaysia sebagai Pengurus dan menjadi rakan kongsi dua tahun kemudian. Pada tahun 1993, beliau mendapat kenaikan pangkat sebagai Timbalan Rakan Kongsi dan seterusnya menjadi Rakan Kongsi Kanan pada tahun 1995, jawatan yang digalas sehingga bersara pada tahun 2000.

Haji Abdul Jabbar kemudian menyertai Malaysia Derivatives Exchange Berhad pada tahun 2001 dan bersara sebagai Pengerusi Eksekutif pada 28 Februari 2004. Beliau adalah mantan Presiden MICPA. Beliau juga Profesor Adjung Fakulti Ekonomi dan Perakaunan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ahli Senat Lembaga Open University Malaysia.

Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Tradewinds Corporation Berhad dan Opcom Holdings Berhad.

Profil Lembaga Pengarah

Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sejak 18 April 2006 dan ditukar status sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif oleh Bank Negara Malaysia pada 16 Februari 2009.

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan ahli Jawatankuasa Imbuhan, Pengurusan Risiko, Audit dan Veto.

Tengku Dato' Seri Hasmuddin adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) Universiti Malaysia dan diterima masuk ke Badan Peguam pada tahun 1987. Sebagai peguam, beliau kini merupakan rakan kongsi prinsipal Messrs Hisham, Sobri & Kadir. Bidang kepakaran beliau adalah dalam pelbagai aspek dalam perbankan Islam dan kewangan, perbankan korporat dan pembiayaan projek, perihal korporat, perbankan Islam korporat Muamalat dan litigasi, serta perkara-perkara berkaitan dengan Syariah.

Beliau juga merupakan pengarah dalam beberapa syarikat termasuk Aliran Ihsan Resources Berhad, Institut Jantung Negara Sdn. Bhd., HSK Corporate Advisory & Consultancy dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.

Beliau juga adalah Ahli Pasukan Petugas bagi Kewangan Islam Labuan IOFC, Pengerusi Petugas Khas bagi Jawatankuasa Pemandu Kanun Tanah Negara AIBIM dan ahli Jawatankuasa Pemantauan dan Pengawasan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad.

Beliau aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial dan amal dan dilantik sebagai pemegang amanah untuk Yayasan Munarah, Yayasan Tuanku Najihah, Yayasan Institut Quran Kuala Lumpur, Tabung Amanah Pesakit Malaysia, Institut Quran Tuanku Jaafar dan Yayasan Kolej Islam Sultan Alam Shah.

Dato' Azmi Abdullah
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Azmi Abdullah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sejak 16 September 2009. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Imbuan dan Lembaga Pengurusan Risiko, ahli Jawatankuasa Penamaan, Audit, Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat dan Veto.

Sebelum menyertai Bank, beliau merupakan Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif pertama SME Bank dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, yang mana beliau berkhidmat lebih daripada 26 tahun di pelbagai jabatan.

Dato' Azmi mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera jurusan Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974. Beliau dianugerahkan Honorary Doctorate dalam Pentadbiran Perniagaan daripada universiti yang sama pada tahun 2006 dan kini merupakan Pengarah UKM. Beliau juga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Ahli Majlis Hospital UKM dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan Amanah Raya Berhad.

Profil Lembaga Pengarah

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Haji Kamil Khalid Ariff dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) pada 29 September 2011. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat, ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Audit.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Perniagaan Antarabangsa dari Michigan, Amerika Syarikat pada tahun 1979. Sebelum itu, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan daripada Syracuse University, New York dan Diploma dalam Pengurusan Awam daripada Institut Teknologi Mara (ITM). Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Mahkota Technologies Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai General Electric Company, UK) - terlibat dalam kejuruteraan elektrik/ industri bekalan. Selepas bersara, beliau dikekalkan sebagai Penasihat Kumpulan Mahkota.

Sepanjang 30 tahun lalu, beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan pengurusan dan lembaga di beberapa entiti korporat yang besar iaitu , The New Straits Times, Kumpulan Perangsang Bhd, Kumpulan Guthrie Bhd dan Idris Hydraulic Bhd. Ketika itu beliau didedahkan kepada pelbagai faset berbilang industri termasuk penerbitan dan pengiklanan, perdagangan serta pembuatan dan kejuruteraan. Beliau juga adalah pengasas dan pengarah pertama Pasaran Timah Kuala Lumpur, yang mana beliau menjadi sebahagian daripada Jawatankuasa Pemandu Kerajaan, yang membantu untuk penubuhan entiti tersebut pada pertengahan tahun 1980an.

Dato' Haji Kamil Khalid juga adalah Pengerusi Uni.Asia General Insurance Berhad dan Uni.Asia Life Assurance Berhad dan juga ahli Lembaga Pengarah Indah Water Konsortium serta beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarahnya sebagai Pengarah Bebas.



Jawatankuasa Syariah

Ustaz Azizi Che Seman

Pengerusi

Ustaz Azizi Che Seman adalah seorang Pensyarah di Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, jawatan yang disandangnya sejak 2002. Beliau menyertai Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sejak 1 April 2005. Sehingga kini, beliau diamanahkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah BMMB. Beliau telah dilantik sebagai Penasihat Syariah AIBIM. Dari segi kelayakan, beliau kini sedang melanjutkan pengajiannya dalam pasaran modal Islam. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2001 dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Malaya pada tahun 1996. Bidang pengkhususan beliau merangkumi Pasaran Modal Islam, Ekonomi Islam, Muamalat Fiqh dan Metodologi Penyelidikan Islam. Selain menjadi Penasihat Syariah, beliau turut menyumbang idea dan pengalamannya dalam pembangunan sistem teknologi maklumat di BMMB.



Hadapan (Dari Kiri ke Kanan)

Ustaz Azizi Che Seman, Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali,
Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Dr Wan Marhaini Wan Ahmad

Belakang (Dari Kiri ke Kanan)

Prof Madya Dr Mohamad Sabri Haron, Dr Ab Halim Muhammad

Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali

Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali mendapat pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar sehingga tahun 1986. Beliau kemudian melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang (kepujian Kelas Kedua Atas) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun berikutnya beliau menamatkan pengajian di universiti yang sama dalam Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah dengan kepujian Kelas Pertama. Beliau diterima sebagai peguam dan mendaftar sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1995. Beliau kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Jordan dan pada tahun 2000, Ustaz Engku Ahmad Fadzil berjaya memperoleh Ijazah Sarjana dalam Kehakiman Islam. Kemudiannya, beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Antara subjek yang diajar termasuk Hukum Pewarisan Islam, Usul Fiqh dan Undang-Undang Jenayah Islam. Beliau kini melanjutkan pengajian doktor falsafah (PhD) di Universiti Malaya dalam pemasaran berbilang peringkat (MLM) daripada perspektif Perundangan Islam. Beliau menjadi anggota Jawatankuasa Syariah BMMB sejak tahun 2005.

Prof. Madya Dr Mohamad Sabri Haron

Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Am di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga adalah Fellow Kanan Bersekutu di Institut Pengajian Asia Barat. Beliau memperoleh diploma dalam Pengajian Islam dari Kolej Sultan Zainal Abidin pada tahun 1985 dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah) di UKM pada tahun 1988. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana dalam Perundangan Perbandingan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1993. Beliau berjaya memperoleh Ph.D.

dalam Undang-Undang Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) pada tahun 1998 daripada Universiti Jordan. Beliau menyertai BMMB sejak Disember 2003. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Ekonomi Islam dan Tamadun Islam. Beliau ditugaskan sebagai Pengurus Kanan Pasaran Modal Islam di Suruhanjaya Sekuriti mulai 1 Jun 2009 hingga 31 Mei 2010.

Dr Ab Halim Muhammad

Dr. Ab. Halim Muhammad adalah lepasan graduan pada tahun 1972 dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan melengkapkan pengajian Ph.D. Syariah di Universiti St Andrews Scotland pada tahun 1977. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah dan dilantik sebagai Ketua Jabatan Quran dan Sunnah di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara subjek yang diajarnya termasuk Usul Fiqh (Muamalat, Perbankan Islam dan Kewangan Islam serta Takaful), Prinsip Perundangan Islam dan Undang-Undang Jenayah Islam. Beliau pernah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah BMMB sebelum menyertai Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada tahun 2004. Beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah BMMB sejak 30 November 2009. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Syariah ASDI, Unit Amanah Terengganu, Unit Amanah Apex dan Amanah Hartanah Pelaburan (REITs) Johor.

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri adalah ahli ulama di Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Terengganu dan melanjutkan pendidikan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi sebelum memasuki Universiti Ilmu-Ilmu Islam dan Arab, Syria untuk menamatkan Ijazah Sarjananya. Beliau berjaya memperoleh PhD di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

pada tahun 2004. Beliau kemudian bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia dari tahun 2006 hingga 2009. Beliau kini menumpukan lebih banyak masa menulis dan telah menghasilkan banyak buku Fatwa, Undang-Undang Islam dan Usul Fiqh. Beliau memiliki banyak pengalaman dalam perbankan Islam dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Pertanian Malaysia sebelum menyertai BMMB pada 1 April 2011. Beliau juga adalah pakar dan mampu memberi fatwa memandangkan beliau adalah Ahli Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Sembilan dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah dalam Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Dunia (INFAD) di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga kerap muncul di televisyen dan radio tempatan dalam membincangkan pelbagai cabang ilmu Islam.

Dr Wan Marhaini Wan Ahmad

Dr. Wan Marhaini Wan Ahmad merupakan pensyarah di Jabatan Kewangan dan Perbankan, Universiti Malaysia sejak tahun 2002. Beliau menamatkan pengajian Doktor Falsafah dalam Pelaburan Zakat di Universiti Edinburgh, United Kingdom pada tahun 2012. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 2002 dan Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 1996. Tumpuan penyelidikannya adalah dalam aspek Fiqh Muamalat, Ekonomi Islam, Kewangan dan Perbankan Islam. Di Universiti Malaya, beliau berpengalaman mengajar Ekonomi Islam dan Konvensional dan kewangan bagi program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kini beliau mengajar Prinsip Ekonomi Islam dan Kewangan Islam, selain Aplikasi Perbankan Islam Moden, Takaful dan Pasaran Modal Islam. Sebelum menyertai BMMB, beliau adalah Ahli Jawatankuasa Syariah bagi EONCAP Islamic Bank Berhad (April sehingga November 2011).

Bidang Tugas Jawatankuasa Syariah

OBJEKTIF/TUJUAN

Terma-terma Rujukan ini disediakan bagi memberitahu dan memaklumkan Jawatankuasa Syariah yang telah dilantik, berkenaan semua perkara yang relevan berkaitan dengan tugas, proses dan prosedur mereka.

AUTORITI

Terma-terma Rujukan ini dikawalselia oleh Central Bank Act 2009, Islamic Banking Act 1983 dan Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution (termasuk sebarang pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa) ("Akta dan Peraturan").

TUGAS, TANGGUNGJAWAB & KEBERTANGGUNGJAWABAN JAWATANKUASA SYARIAH

Tugas-tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

1. **Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban**
Jawatankuasa Syariah perlu memahami bahawa dalam melaksanakan urusan dan tanggungjawab sebagai ahli Jawatankuasa Syariah, mereka hendaklah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas semua keputusan Syariah, pendapat dan pandangan yang mereka berikan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Surat Perlantikan atau Surat Perlantikan Semula dan Akta dan Peraturan berkenaan tanggungjawab dan obligasi ahli Jawatankuasa Syariah.
2. **Memberikan nasihat kepada Lembaga Pengarah dan Bank termasuk subsidiari**
Jawatankuasa Syariah dikehendaki menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan termasuk subsidiari Bank dan memberi input kepada Bank berkaitan hal ehwal Syariah supaya Bank sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

3. **Mengendors dasar dan prosedur Syariah**
Jawatankuasa Syariah dikehendaki mengendors dasar dan prosedur Syariah yang disediakan oleh Bank dan memastikan kandungannya tidak mengandungi apa-apa unsur yang tidak selaras dengan Syariah.
4. **Mengendors dan mengesahkan dokumentasi berkaitan**
Untuk memastikan bahawa produk Bank mematuhi prinsip-prinsip Syariah, Jawatankuasa Syariah mestilah meluluskan:
 - i. terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi undang-undang lain yang digunakan dalam melaksanakan transaksi; dan
 - ii. manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan brosur yang digunakan untuk menggambarkan produk.
5. **Menilai kerja yang dijalankan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan Audit Syariah**
Menilai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan audit Syariah dalam usaha memastikan hal-ehwal Syariah yang membentuk sebahagian daripada tugas-tugas mereka di dalam memberikan penilaian mengenai maklumat kepatuhan dan jaminan Syariah dalam laporan tahunan ini.
6. **Membantu pihak-pihak yang berkaitan tentang hal ehwal Syariah**
Pihak-pihak berkaitan Bank seperti penasihat undang-undang, juruaudit atau perundingnya boleh mendapatkan khidmat nasihat berhubung hal ehwal Syariah daripada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberi bantuan yang diperlukan kepada pihak yang meminta.
7. **Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia**
Jawatankuasa Syariah boleh menasihati Bank supaya merujuk pada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) mengenai hal ehwal Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Sekiranya terdapat ketidakpastian dan perbezaan pendapat, Bank boleh mendapatkan nasihat dan

merujuk untuk mendapatkan fatwa daripada MPS. Permintaan untuk khidmat nasihat hendaklah disampaikan melalui Sekretariat MPS.

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah mestilah tidak bertindak dengan cara yang akan menggugat fatwa dan keputusan yang dibuat oleh MPS atau jawatankuasa yang diwakilinya. Mereka perlu menghormati dan mematuhi fatwa Syariah yang diterbitkan dan dikeluarkan oleh MPS dan tidak boleh menentang keputusan jawatankuasa yang mereka wakili di khalayak awam.

Sekiranya terdapat pertikaian dan prosiding mahkamah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam atau apa-apa isu Syariah yang timbul daripada operasi perniagaan Bank, mahkamah dan juga penimbang tara hendaklah mengambil kira fatwa yang diterbitkan oleh MPS atau merujuk isu sedemikian kepada MPS untuk mendapatkan fatwanya. Apa-apa fatwa yang dibuat oleh MPS yang timbul daripada rujukan yang dibuat hendaklah mengikat ke atas Bank dan mahkamah atau penimbang tara.

Sekiranya keputusan yang diberikan oleh Jawatankuasa Syariah Bank adalah berbeza dengan fatwa yang diberikan oleh MPS, fatwa MPS hendaklah mengatasi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Syariah dibenarkan untuk menerima pakai keputusan Syariah yang lebih ketat.

8. **Memberikan Pandangan Syariah Secara Bertulis**
Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberikan pandangan secara bertulis dari sudut Syariah sekiranya Bank merujuk kepada MPS untuk pertimbangan lanjut, atau sekiranya Bank menyerahkan permohonan kepada Bank untuk kelulusan produk baharu.
9. **Menyediakan garis panduan dan nasihat mengenai hal ehwal agama kepada Bank demi memastikan aktiviti Bank secara keseluruhan adalah berlandaskan Syariah.**
10. **Membuat keputusan mengenai perkara yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti Bank yang sedia ada dan pada masa depan yang mempunyai kesan dari sudut agama.**

11. **Melapor kepada para pemegang saham dan pendeposit bahawa semua aktiviti Bank adalah menurut Syariah.**
12. **Menyediakan khidmat nasihat dan rundingan Syariah dalam semua hal yang berkaitan dengan produk, transaksi dan aktiviti Bank, serta perniagaan lain yang melibatkan Bank.**
13. **Meneliti dan mengendors laporan kewangan tahunan Bank.**
14. **Menyediakan latihan kepada kakitangan Bank serta menyediakan nota atau bahan yang berkaitan untuk rujukan mereka.**
15. **Mewakili Bank atau menghadiri apa-apa mesyuarat dengan MPS atau badan berkaitan lain berhubung dengan apa-apa isu Syariah yang berkaitan dengan Bank.**
16. **Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan kerahsiaan maklumat dalaman BMMB dipelihara dan hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan maklumat sulit. Mereka hendaklah memastikan semua maklumat sulit dipelihara secara ketat, kecuali apabila pendedahan diberi kuasa oleh Bank atau diperlukan oleh undang-undang.**
17. **Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan keputusan Syariah dibuat secara berkualiti dan konsisten.**

PERUTUSAN

Pengerusi Jawatankuasa Syariah



Sejajar dengan visi Bank untuk menjadi Institusi Kewangan Islam pilihan, Bank telah memberikan contoh terbaik dalam industri sebagai salah sebuah peneraju perbankan Islam. Pematuhan Jawatankuasa Syariah dan pihak Bank kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam (SGF) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) telah meletakkan Bank di kalangan Institusi Kewangan Islam yang terbaik daripada aspek tadbir urus Syariah. Pihak Bank telah menunjukkan contoh inisiatif dalam mempromosikan Syariah dalam lingkungan produk yang ditawarkan dan merangkumi semua aspek dalam organisasi Bank.



Sebagai Jawatankuasa Syariah di Bank, kami memberikan dedikasi sepenuhnya dalam mengutamakan kualiti dan mempamerkan komitmen untuk memastikan pematuhan Syariah dalam produk-produk, proses, dokumentasi, pemasaran, sistem teknologi maklumat dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Dengan bantuan unit SGF yang lain di peringkat Bank, kami percaya bahawa kami telah memainkan peranan untuk memantau perkara-perkara berkaitan Syariah dalam operasi dan aktiviti perniagaan Bank. Selain perniagaan perbankan, Jawatankuasa juga menyokong pembangunan produk dan perkhidmatan inisiatif Bank yang berasaskan Syariah iaitu wakaf, Ar-Rahnu, zakat dan qardh untuk memenuhi keperluan ummah.

Kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan atas keprihatinan yang ikhlas dan semangat jitu untuk memastikan bukan sahaja keuntungan dan produktiviti Bank tetapi juga memastikan keperluan dan pematuhan Syariah diamalkan dan dipatuhi dengan baik. Malah, kami berterima kasih dan berbangga dengan kerjasama yang diterima daripada pihak Pengurusan dan kakitangan secara amnya, dalam menyediakan maklumat dan bahan-bahan yang tepat untuk pertimbangan Jawatankuasa demi memastikan setiap isu dapat diselesaikan sewajarnya.

Kami berharap dan secara munasabahnya menjangkakan bahawa pihak Bank akan mencatatkan keuntungan dan berjaya dalam perniagaan serta terus mematuhi pelaksanaan dan pendekatan Syariah dalam perbankan Islam tanpa menjejaskan usaha yang tiada berpenghujung untuk mendapatkan rahmat dan keberkatan Allah S.W.T

Terima kasih
Yang benar,

Ustaz Azizi Che Seman
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

Pengurusan Kanan

Dari Kanan ke Kiri

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid , Musa Abdul Malek, Mohd Asri Awang, Haji Ismail Ibrahim, PeerMohamed Ibramsha, Dato' Hj Salamat Haji Wahit dan Lim Teck Gam





Profil Pengurusan Kanan

Musa Abdul Malek

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Musa menyertai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 September 2010. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1979. Sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, beliau memantau Perbankan Perniagaan, Perbankan Pelanggan, Pembangunan Produk dan Pengurusan serta membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam perkara-perkara berkaitan dengan Bank.

Musa memiliki pengalaman luas lebih 31 tahun di dalam industri perbankan. Sebelum menyertai Bank, Musa memegang pelbagai jawatan dalam HSBC Bank Malaysia Berhad. Jawatan terakhir beliau ialah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif di HSBC Amanah Malaysia Berhad.

Mohd Asri Awang

Ketua Pegawai Risiko

Asri kini memegang jawatan Ketua Pegawai Risiko yang memantau secara langsung Pengurusan Risiko dan Jabatan Penilaian Kredit serta Pusat Kelulusan Wilayah yang menjadi unit pusat kelulusan bagi semua pembiayaan pelanggan. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Eksekutif Pengurusan Risiko, Pelaburan, Pemandu Teknologi Maklumat dan ALCO. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Muamalat Invest Sdn. Bhd. dan Muamalat Venture Sdn. Bhd., masing-masing adalah anak syarikat pengurusan aset dan modal teroka Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Sebelum ini, Asri pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Rating Corporation, agensi penarafan tempatan; Ketua Perancangan Korporat dan Pembangunan Perniagaan Amanah – MIDF Berhad; Perbendaharaan Negara bank yang sebelum ini dikenali sebagai Chase Manhattan Bank Malaysia; Pengurus Besar Perbendaharaan dan Bank Komersil Wilayah Selatan BSN dan Ketua Pegawai Eksekutif Kewangan Bersatu Berhad, sebuah syarikat kewangan.

Beliau adalah graduan ekonomi daripada Universiti Macquarie, Sydney.

Haji Ismail Ibrahim

Naib Presiden Eksekutif Operasi

Haji Ismail Ibrahim menyertai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sebagai Naib Presiden Eksekutif, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif pada April 2012 dan kemudiannya menggalas jawatan sebagai Naib Presiden Eksekutif, Operasi pada 1 Februari 2013, dengan memantau secara langsung Jabatan Transformasi dan Proses Perniagaan, Operasi Kredit, Pengurusan Dokumen, Pematuhan dan Pemprosesan Perbendaharaan dan Penyelesaian.

Sebelum menyertai Bank ini, Haji Ismail merupakan ahli Lembaga Pengarah Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau memulakan kerjaya di Agro Bank Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia Berhad) dan kemudian menyertai United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Chung Khiaw Bank (Malaysia) Berhad/Lee Wah Bank Limited) dan Affin Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Berhad).

Pada tahun 1992, beliau menyertai Public Bank Berhad sebagai Pengarah Operasi Kredit memantau penilaian kredit, pentadbiran kredit dan pemulihan pinjaman. Beliau adalah kakitangan perintis dalam pembangunan perbankan Islam di Public Bank Berhad dan memainkan peranan utama dalam mewujudkan Public Islamic Bank Berhad, anak syarikat milik penuh Public Bank Berhad.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Public Islam Bank dan kekal dalam jawatan itu sehingga bersara pada Januari 2011. Haji Ismail memiliki pengalaman selama 39 tahun dalam industri bank khususnya dalam penilaian kredit, pemulihan pinjaman, pentadbiran kredit, pengurusan cawangan dan operasi perbankan Islam

PeerMohamed Ibramsha

Naib Presiden Eksekutif, Kewangan

PeerMohamed Ibramsha kini berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif Divisyen Kewangan. Portfolio semasanya meliputi Kewangan, Komunikasi Maklumat dan Teknologi, Pengurusan Projek, Perundangan dan Pentadbiran & Servis. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia dan Felo Certified Practising Accountant (FCPA) dengan CPA Australia. Beliau menyertai Bank Muamalat Malaysia Berhad sejak November 2008. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Alam Flora Sdn. Bhd. selama hampir dua tahun dan CFO Glenmarie Properties Sdn. Bhd. hampir 10 tahun.

Lim Teck Gam

Naib Presiden Eksekutif, Pengurusan Kredit

Lim Teck Gam kini merupakan Naib Presiden Eksekutif bagi Divisyen Pengurusan Kredit. Beliau menyertai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) pada November 2008 sebagai Naib Presiden Kanan bagi Divisyen Sokongan Perniagaan. Teck Gam memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan daripada Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dan Akauntan Pengamal yang beriktiraf. Sebelum ini, beliau pernah menjawat pelbagai jawatan di Kumpulan DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM), antaranya Ketua Pegawai Kewangan Edaran Otomobil Nasional Berhad dan Pengurus Besar DRB-HICOM. Teck Gam juga pernah berkhidmat di beberapa syarikat senaraian awam dan di firma perakaunan antarabangsa sebelum menyertai DRB-HICOM.

Dato' Haji Selamat Haji Wahit

Naib Presiden Kanan, Hubungan Strategik

Dato' Hj Selamat Hj Wahit adalah Naib Presiden Eksekutif Hubungan Strategik dan dipinjamkan dari Kumpulan DRB-HICOM Behad. Beliau adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1981.

Sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank), beliau terlibat dalam membuat keputusan. Beliau juga berhubung dengan dengan pihak sektor awam dan swasta untuk membangunkan perniagaan dan menjalin hubungan strategik ke arah memajukan prestasi Bank.

Dato' Hj Selamat mempunyai pengalaman bekerja selama 32 tahun, 13 tahun dalam sektor awam dan 19 tahun di sektor swasta. Sebelum dipinjamkan, beliau adalah Ketua Hubungan Institusi dan Pembangunan Perniagaan Kumpulan DRB-HICOM. Sebelum ini, beliau merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pemeriksa bagi Kolej Antarabangsa Otomotif (ICAM), Pekan, Pahang dan Ahli Lembaga Pos Ar-Rahnu Sdn. Bhd., Feasible Services Sdn. Bhd. dan Saganet Sdn. Bhd.



Sesiapa yang tidak mengasihi orang muda dan tidak mengenali hak orang tua maka bukan dari kalangan kami” [At-Tirmidhi].

hormat
pemacu keyakinan



Perutusan Pengerusi

TAN SRI DATO' DR MOHD MUNIR ABDUL MAJID
Pengerusi





PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHARGAI;



Saya amat berbesar hati untuk menyampaikan perutusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 yang menyaksikan pencapaian terbaik Bank ini sejak penubuhannya pada tahun 1999. Walaupun pencapaian ini sesuatu yang dibanggakan, kita tidak boleh terbawa bawa dengan kejayaan ini. Persekitaran operasi sememangnya mencabar. Perubahan dalaman masih perlu dilaksanakan. Biarlah pencapaian yang diraih ini dijadikan batu loncatan, demi melangkah lebih jauh ke arah kejayaan lestari.



PERSEKITARAN OPERASI

Tahun lepas merupakan tahun mencabar bagi pertumbuhan ekonomi global dengan krisis hutang dan matawang Eropah yang sebahagian besarnya tidak dapat diselesaikan manakala ekonomi Amerika Syarikat terus suram. Sebaliknya, ekonomi negara-negara Asia pula mempamerkan daya tahan walaupun wujudnya tanda-tanda perkembangan yang sederhana di China.

Beberapa bulan pertama tahun 2013 nampak sedikit menggalakkan apabila potensi gangguan ekonomi Amerika Syarikat yang digelar tekanan fiskal berjaya diatasi sementara tekanan kewangan di kawasan euro pula mula reda. Tetapi, prospek pertumbuhan di China masih tidak pasti ketika negara itu merekodkan penyusutan pengeluaran perindustrian dan jualan runcit, baru-baru ini.

Walaupun pertumbuhan ekonomi global lemah, ekonomi Malaysia terus berkembang dengan sederhana, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar merekodkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.6% berbanding 5.1% pada tahun 2011. Kadar inflasi kekal rendah pada 1.6% manakala kadar dasar semalaman kekal pada 3.00%, tidak berubah sejak April 2011, mencerminkan dasar kewangan akomodatif yang berterusan.

Kedudukan keseluruhan industri perbankan Malaysia juga sebahagian besarnya kekal utuh, didorong oleh modal kukuh dan kemampuan kecairan, tahap permintaan swasta dan domestik yang tinggi dan inflasi yang rendah. Bagaimanapun, keluk hasil yang semakin mendatar telah menyebabkan pengurusan pendapatan bagi bank-bank lebih mencabar dengan adanya persaingan untuk meraih deposit serta pembiayaan.

Walau bagaimanapun, sektor kewangan Islam terus mencatat trend pertumbuhan yang rancak. Jumlah aset dalam Sektor Perbankan Islam (termasuk DFI) meningkat sebanyak 13.8% kepada RM494.6 bilion, menyumbang kepada 24% daripada jumlah sistem perbankan pada

akhir tahun 2012. Jumlah pembiayaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.4%, menyumbang 25.8% kepada keseluruhan jumlah pinjaman dan pembiayaan sistem perbankan. Kualiti aset yang bertambah baik dengan nisbah pembiayaan tidak terjejas adalah 1.2%, berbanding 1.6% pada akhir tahun 2011.

PENILAIAN PRESTASI

Sejajar dengan prestasi keseluruhan sektor kewangan Islam yang menggalakkan, Bank Muamalat mencatat prestasi yang cemerlang, mencapai paras tertinggi dalam sejarah dari segi keuntungan. Prestasi itu mencerminkan kegigihan pihak pengurusan dan kakitangan meningkatkan daya saing Bank dalam industri, dan komitmen mereka yang berterusan kepada aspirasi jangka panjang untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan.

Pada 31 Mac 2013, Bank telah mencatatkan RM236.0 juta bagi Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) dan RM167.9 juta bagi Keuntungan Bersih, paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun sejarah Bank. PBT dan Keuntungan bersih pada Mac 2013 adalah 129% dan 143% lebih tinggi masing-masing berbanding pada Mac 2012.

Prestasi menggalakkan itu dipacu oleh peningkatan pendapatan sebanyak 11.8% kepada RM999.3 juta yang disumbangkan terutamanya oleh kenaikan ketara dalam pembiayaan dan pendapatan yuran serta elaun lebih rendah bagi rosot nilai pembiayaan, yang mana faktor yang kedua ini mencerminkan tempahan kualiti aset yang lebih baik.

Pendapatan pembiayaan meningkat kukuh 18.2% kepada RM616.5 juta manakala pendapatan yuran mencatatkan pertumbuhan yang lebih teguh sebanyak 27.5% kepada RM94.7 juta. Peningkatan ketara Bank dalam pendapatan berasaskan yuran didorong terutamanya dari tumpuan

berterusan ke atas aktiviti-aktiviti pasaran modal dan perkhidmatan yang baru diperkenalkan, Ar-Rahnu (pajak gadaai Islam) dan perkhidmatan pengurusan kekayaan. Pada masa sama, prestasi kewangan ini juga menyaksikan peningkatan keseluruhan yang ketara dalam usaha pemulihan, yang mana Bank mencatatkan kemasukan semula RM20.2 juta berbanding kemerosotan kerugian bersih sebanyak RM52.7 juta pada tahun kewangan lalu.

Jumlah aset Bank bertambah sebanyak 2.8% kepada RM21.1 bilion pada Mac 2013. Pertumbuhan dicapai melalui pengembangan jumlah pembiayaan oleh Bank yang meningkat daripada RM9.5 bilion kepada RM10.6 bilion, dengan pembiayaan pengguna sebagai penyumbang utama. Nisbah Kasar pembiayaan terjejas terus mengecil kepada 2.5% berbanding 4.7% pada Mac 2012. Prestasi ini membuktikan usaha-usaha pemulihan berkesan serta standard taja jamin yang bertambah baik. Jumlah deposit meningkat secara sederhana 3.3% kepada RM18.74 bilion manakala deposit simpanan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.3% kepada RM967.2 juta.

Dari segi langkah-langkah kecukupan modal, nisbah modal utama Bank kekal kukuh, dengan teras nisbah modal berada pada 14.7% dan nisbah modal berwajaran risiko pada 19.2%, kedua-duanya berada di atas paras industri masing-masing dengan 11.0% dan 13.5%.

PROGRES DAN CABARAN

Pelan perniagaan Bank bagi tahun kewangan 2013 sebahagian besarnya didorong oleh Penyata Pengambilan Risiko (RAS) yang baru diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada awal 2012. Memandangkan persekitaran ekonomi tidak menentu yang wujud pada tahun kewangan sebelumnya, Bank telah menghasilkan strategi perkembangan berskala sederhana tetapi meletakkan penekanan lebih besar untuk mengekalkan portfolio bagi mengoptimumkan perniagaan teras, meningkatkan kualiti aset, mengekalkan kecairan dan mengukuhkan kecekapan operasi dan produktiviti.

Perutusan Pengerusi

Keluk hasil yang agak rata dan margin keuntungan yang tertekan bagi kebanyakan produk bank, kekal menjadi cabaran perniagaan terbesar di dalam membuat pemilihan pembiayaan dan pelaburan. Walaupun dengan tekanan persaingan yang tinggi, kami berjaya menghasilkan pertumbuhan yang kukuh dalam segmen-segmen utama produk pengguna iaitu pembiayaan perumahan dan pembiayaan peribadi serta mengekalkan margin pendapatan melalui strategi pembezaan harga di samping membina perhubungan yang baik dengan pelanggan. Segmen pembiayaan kereta bagaimanapun kekal kompetitif dan sensitif, oleh itu kami memilih untuk pertumbuhan yang lebih sederhana di dalam segmen ini.

Perbankan perniagaan memberikan cabaran yang lebih hebat. Didorong oleh kecairan pasaran yang tinggi dan persaingan yang hebat, yang mana ada kalanya sehingga menekan margin pendapatan pada tahap yang tidak realistik, pengambilalihan dan pengekalan pembiayaan pelanggan terbukti menjadi usaha yang mencabar.

Penekanan berterusan kepada strategi deposit juga adalah amat penting. Menyedari struktur ketidakseimbangan yang wujud dalam aset dan profail liabiliti, walaupun ianya biasa bagi kebanyakan bank-bank, yang mana memberi kesan kepada Nilai Ekuiti Ekonomi (EVE), baru-baru ini kami telah melaksanakan satu strategi yang agresif bagi meningkatkan komposisi deposit stabil dan menangani kebergantungan kepada deposit borong. Satu kempen pengambilan deposit runcit baru telah dilancarkan di seluruh negara dan kami juga dalam perancangan untuk menghasilkan produk-produk yang baru untuk sektor PKS bagi membantu mengembangkan deposit akaun semasa dari peruncit-peruncit PKS.

Dengan peningkatan kesedaran di dalam kredit dan risiko, kami lebih berhati-hati di dalam menjaga kualiti asset kami. Sehingga kini, sepanjang tahun kewangan ini, kami telah menilai semula dan mengetatkan standard taja jamin kredit dan memperkenalkan kad skor penarafan kredit baru untuk pengguna dan pembiayaan perniagaan runcit. Berikut pelancaran sistem penarafan kredit baru untuk

perniagaan korporat dan komersil pada November 2011, empat kad skor baru telah diperkenalkan pada Mac 2013, khususnya untuk kediaman, kenderaan, peribadi dan pembiayaan runcit PKS. Peningkatan ketara dalam kualiti aset jelas dilihat pada jumlah bank dan setiap portfolio dan kami akan mengekalkan standard ketat taja jamin dan proses pengurusan kredit kami.

Proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP) Bank, dibangunkan selaras dengan keperluan ketetapan kawal atur dan amalan terbaik pasaran, mendefinisikan rangka kerja bagi pengurusan modal dan penilaian kecukupan, penilaian risiko, tahap risiko dan kegunaan modal. Dokumen ICAAP telah selesai pada bulan Mac 2013 untuk dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Berikutan penyerahan itu, kami telah melantik perunding luar untuk menjalankan penilaian bebas ke atas metodologi dan dokumen ICAAP Bank. Di bawah Basel III Regime baru, kami menjangka pengawasan peraturan yang lebih ketat dan proses penyeliaan penilaian semula yang berterusan untuk menambahbaik dalam amalan pengurusan risiko utama, proses operasi dan kawalan, dan memperbaiki sistem penyampaian dan keselamatan yang lebih baik.

Lembaga Pengarah juga telah diberi kuasa melaksanakan sistem perbankan teras baru serta sistem persisian Perbendaharaan, Perdagangan Kewangan dan Sistem Pengurusan Risiko yang bermula pada bulan Disember 2012. Keseluruhan projek dijangka berfungsi sepenuhnya dan dilaksanakan sebelum akhir tahun 2014. Inisiatif di bawah Program Six Sigma dan Penambahbaikan Berterusan (*Continuous Improvements*) telah menjana penjimatan kos yang ketara dan peningkatan ketara dalam operasi dan proses kerja kami. Kami amat berbesar hati dengan peningkatan pengiktirafan yang telah diberikan oleh BNM pada suku pertama tahun 2013 bagi penarafan risiko bank ini, suatu pengiktirafan di atas usaha kami dalam menangani isu-isu risiko dan operasi yang dihadapi Bank.



Perutusan Pengerusi



Selaras dengan hasrat Bank untuk meningkatkan sumbangan daripada perniagaan berasaskan yuran, Bank telah mengembangkan perniagaan Ar-Rahnu dan mengukuhkan lagi perkhidmatan Pengurusan Kekayaan, perkhidmatan Perbankan Bancatakaful dan perkhidmatan Perbankan Pelaburan. Perkhidmatan Ar-Rahnu kini boleh didapati di 10 cawangan seluruh negara dan, selepas penambahbaikan kepada proses dan sistem, kami merancang untuk memperluaskan perkhidmatan ini di cawangan lain. Pasukan Pengurusan Kekayaan telah menyaksikan kemasukan kakitangan yang lebih berpengalaman dan kami menjangka untuk melihat pengenalan pelbagai produk pengurusan kekayaan dan bancatakaful pada tahun kewangan yang baru. Bank juga telah dianugerahkan lesen untuk mengendalikan Bureau de Change (BDC) di Terminal KLIA II yang baru. Operasi BDC akan memberi sumbangan yang bermakna kepada portfolio pendapatan yuran kami.

Pada 27 September 2012, dengan kolaborasi strategik bersama Perbadanan Wakaf Selangor, Bank telah melancarkan perkhidmatan baru, Wakaf Selangor Muamalat yang akan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menyumbang kepada Dana Waqaf melalui rangkaian cawangan kami. Wakaf Selangor Muamalat akan membolehkan pelanggan-pelanggan kami membuat pilihan pelaburan yang akan disalurkan untuk tujuan yang mulia. Sebagai permulaan, Bank membuat sumbangan pertama sebanyak RM1.0 juta.

Dari segi pengurusan aset, Ketua Pegawai Eksekutif baru bagi Muamalat Investment Sdn. Bhd (MISB) telah dilantik untuk mengukuhkan struktur organisasi dan merangka strategi baru. MISB adalah anak syarikat milik penuh Bank dan syarikat pengurusan penuh dana Islam yang memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada pelanggan institusi dan runcit. Pada bulan Januari 2013, MISB berjaya melancarkan dana borong pertama, Dana Al- Ikhwan

PROSPEK 2013-2014

Di tengah-tengah persekitaran luaran yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka berkembang stabil pada kadar sederhana sebanyak 5-6% pada tahun 2013, lebih tinggi sedikit daripada ramalan 4-5% pada tahun lepas. Aktiviti ekonomi akan disokong oleh permintaan domestik dan pelaburan swasta, yang kekal berdaya tahan. Inflasi dijangka berada sekitar 2-3% pada tahun 2013 berikutan jangkakan pergerakan yang sederhana dalam harga komoditi global dan juga pertumbuhan domestik yang sederhana. Sektor perbankan domestik, termasuk perbankan Islam, dijangka mencatat corak pertumbuhan yang sama seperti tahun lepas. Kami menjangka inisiatif berterusan di bawah Program Transformasi Ekonomi

dan dasar pengembangan Kerajaan, ditambah dengan kecairan pasaran yang mencukupi untuk terus menyokong pertumbuhan kredit.

Dalam pada kami menjangka tekanan persaingan dan penyusutan margin yang akan berterusan, kami tetap meramalkan prospek pertumbuhan kukuh dalam segmen perumahan dan pembiayaan peribadi kami. Pembiayaan perniagaan akan melihat strategi pertumbuhan yang berbeza dan lebih tertumpu kepada sektor-sektor terpilih dan yang kurang terdedah kepada kelembapan ekonomi. Teras utama bagi Bank adalah untuk membangun dan mengukuhkan aktiviti pendapatan yuran. Pengurusan Kekayaan, Bancatakaful, Pengurusan Aset, Ar-Rahnu dan perkhidmatan Perbankan Pelaburan menawarkan prospek menarik bagi Bank untuk meningkatkan pendapatan bukan berasaskan pembiayaan dan pasti akan menjadi bidang tumpuan strategik kami.

Pada masa yang sama, pelaburan kami dalam inisiatif pengurusan operasi, sistem dan risiko akan diteruskan tanpa henti. Sistem perbankan teras baru dan sistem aplikasi persisian akan meningkatkan kecekapan operasi, kualiti data dan hasil analisis serta meningkatkan ketepatan kami dalam sistem laporan pengurusan.

Usaha kami untuk menjana deposit baru di peringkat pengguna dan pengguna runcit PKS dan juga kaedah pengurusan liabiliti kami yang pelbagai, dijangka dapat menangani dengan berkesan, ketidakseimbangan dan ketumpuan risiko di dalam profail pembiayaan kami. Dengan berpandangan ke hadapan walaupun dengan pengambilan risiko dan disiplin kos yang konservatif, kami yakin mencapai progres berterusan dalam pertumbuhan pembiayaan berkualiti, peningkatan pendapatan berasaskan yuran, kepelbagaian profail pembiayaan dan amalan amalan pengurusan risiko berhemah boleh dicapai.

PENGHARGAAN

Pada bulan Julai dan Ogos 2012, Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil dan Dato' Lukman Ibrahim, masing-masing

telah bersara daripada Lembaga Pengarah. Kami telah mendapat manfaat daripada kepimpinan, penilaian, dan pengalaman mereka. Justeru itu, kami ingin mengucapkan penghargaan ke atas sumbangan mereka selama ini.

Saya juga turut mengalu-alukan Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh dan Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain yang menyertai Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 27 Ogos 2012. Kedua-dua mereka membawa bersama pengetahuan dan pengalaman yang luas.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas komitmen penuh dan sokongan mereka yang berterusan ke arah mencapai matlamat Bank.

Terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah, di atas masa, bimbingan dan dedikasi mereka melaksana tugas bagi memastikan kejayaan Bank yang berterusan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada para pelanggan yang terus menyokong dan yakin dengan keupayaan kami untuk memberikan perkhidmatan kepada mereka dan juga kepada para pemegang saham di atas sokongan mereka di atas pendekatan strategik dan berasaskan risiko yang telah diambil sepanjang perjalanan kami pada tahun 2012/13. Kami berharap dapat terus bekerjasama lebih rapat dengan mereka pada tahun akan datang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada badan kawal selia berkaitan yang telah menyediakan bantuan dan bimbingan yang diperlukan, khususnya Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan.

Yang Benar,

Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid



Dari Anas ibnu Malik:
RASULULLAH SAW bersabda bermaksud, “Iman seseorang hamba allah tidak akan lurus sebelum hatinya lurus, dan hatinya tidak akan lurus sebelum lidahnya lurus. Tidaklah akan masuk syurga barang siapa yang jirannya tidak aman dari bahayanya”

Sumber: Musnad Ahmad 12636

Berwibawa

pemacu kebolehan



percayaan

Perbankan Perniagaan

Pada tahun kewangan ini, Perbankan Perniagaan bermula secara berhati-hati berikutan situasi ekonomi yang tidak menentu. Walauagaimanapun, momentum melonjak pada penghujung bulan kelima di mana kelulusan pembiayaan menyaksikan peningkatan yang besar.

AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pada tahun ini, kualiti asset telah diperkukuhkan di mana akaun-akaun yang berisiko tinggi dikeluarkan secara berperingkat-peringkat dan disokong dengan kemasukan pelanggan-pelanggan yang mempunyai rekod yang baik. Jumlah pelupusan pembiayaan tidak berbayar (NPF) juga meningkat dengan menyaksikan kadar NPF menyusut kepada separuh.

Faktor di atas, disokong oleh beberapa pemulihan daripada akaun-akaun legasi telah menyumbang peningkatan tinggi hampir tiga kali ganda kepada keuntungan sebelum cukai. Portfolio komersil menunjukkan prestasi cemerlang dengan peruntukan yang berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun ini, Perbankan Perniagaan telah menjadi pengatur utama kemudahan bersindiket Islam sebanyak RM 525 juta untuk Tradewind (M) Berhad. Perbankan Perniagaan juga menguruskan secara bersama dengan institusi kewangan yang lain untuk pembiayaan



bersindiket Islam bagi Peninsular Medical Sdn. Bhd. sebanyak RM 458.3 juta, kemudahan seumpama yang pertama di bawah pengaturan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Skim Jaminan Usahawan Mara Skim (SJUM) yang telah diperkenalkan melalui kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk perniagaan Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Perbankan Perniagaan bersama dengan MARA akan terus mempromosikan SJUM bagi memastikan dana yang diperuntukan diguna sepenuhnya.

Berdasarkan saranan daripada pihak berkuasa, Perbankan Perniagaan telah memberhentikan kemudahan-kemudahan pembiayaan yang mempunyai elemen Inah, termasuklah pembiayaan di bawah konsep Inah, Istisna' dan kemudahan pembiayaan pusingan Murabahah. Semua kemudahan pembiayaan ini telah digantikan dengan kemudahan pembiayaan di bawah konsep Tawarruq yang mendapat lebih penerimaan daripada ulama' Syariah.

MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi tahun kewangan baru, Perbankan Perniagaan akan memulakan usaha agresif dengan menyasarkan pelanggan-pelanggan perbankan komersil yang diunjurkan mampu memberi hasil yang lebih baik. Bagi mempertingkatkan prestasi, Perbankan Perniagaan kini di dalam proses menawarkan produk-produk baru bagi memenuhi keperluan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan.



Perbankan Pengguna

PERBANKAN PENGGUNA: PENINGKATAN BERTERUSAN

Perbankan Pengguna telah secara konsisten mengekalkan prestasi pembiayaan yang menggalakkan dalam tempoh lima tahun walaupun di dalam keadaan ekonomi yang terus mencabar. Prestasi jumlah pembiayaan kasar menunjukkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 30% bersamaan RM1.63 bilion bagi tahun kewangan 12/13. Pembiayaan Perumahan dan Peribadi kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 85% daripada jumlah keseluruhan portfolio pembiayaan pengguna. Perkembangan portfolio pembiayaan pengguna telah mengekalkan standard kredit dengan mengambil kira infrastruktur kredit pengurusan risiko, harga berasaskan risiko dan dasar-dasar kredit yang ketat di pelbagai peringkat penilaian pembiayaan, dari proses permulaan permohonan pembiayaan sehingga kepada peringkat kelulusan pembiayaan. Ini telah menghasilkan pengurangan sebanyak 33% di dalam nisbah kasar pembiayaan tidak berbayar, menjadikan nisbah kepada 2.0%.

Deposit teras berkembang sebanyak 19% dengan fokus dan tumpuan aktiviti kepada pembangunan asas deposit teras pelanggan jangka panjang untuk memenuhi keperluan dana Bank. Deposit CASA (akaun semasa dan akaun simpanan) berkembang sebanyak 1.3% (RM48.6 juta), meningkatkan portfolio kepada RM3.77 billion dengan 23.6% nisbah CASA berbanding jumlah deposit bank.

Pada tahun kewangan yang disemak menyaksikan Perbankan Pengguna melaksanakan inisiatif-inisiatif utama yang memfokuskan kepada pertumbuhan mampan dengan pelaksanaan kedudukan kewangan yang agresif. Pihak Bank terus mengambil pendekatan berdedikasi dalam menyediakan pengalaman terbaik kepada pelanggan. Kami telah melaksanakan transformasi strategik, yang diterajui oleh tiga aspek strategik, iaitu perniagaan, operasi dan teknologi yang mana butirannya adalah seperti berikut:

Transformasi Perniagaan

Merekabentuk, membangunkan dan mengembangkan sebuah bank runcit tumpu-pelanggan yang mampan dengan keupayaan asas baru dalam menjadi salah satu institusi kewangan utama yang kompetitif untuk menepati segmen sasaran dengan menyediakan pengalaman pelanggan yang unggul dan tersendiri.


Transformasi Operasi

Memusatkan proses-proses lazim dan fungsi sokongan operasi ke dalam satu platform tunggal untuk mengoptimumkan kecekapan, penambahbaikan yang berterusan dan ekonomi berskala dengan memanfaatkan keupayaan dan menerapkan amalan terbaik.


Transformasi Teknologi

Meningkatkan sistem teras untuk menggabung dan menghubungkan semua operasi bagi mempertingkatkan jangkamasa operasi dan menyediakan sokongan jangka panjang pertumbuhan perniagaan yang mampan.

TREND JUMLAH PEMBIAYAAN ASET
(RM billion)



KOMPOSISI PEMBIAYAAN
Pada TK2013



PRESTASI PEMBIAYAAN

Pertumbuhan jualan yang memberangsangkan, dikaitkan dengan strategi jualan dan pengedaran yang agresif, telah menyebabkan peningkatan dalam pemerolehan pembiayaan baru oleh Perbankan Pengguna. Perbankan Pengguna menyaksikan pertumbuhan berterusan pembiayaan sebanyak 30% (tahun ke tahun) disokong oleh pengeluaran Pembiayaan Peribadi yang menyaksikan pertumbuhan luar biasa sebanyak 50%, Pembiayaan Perumahan sebanyak 21% dan Pembiayaan Kenderaan sebanyak 12% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Jumlah Pembiayaan Perumahan terus mengekalkan momentum. Pada tahun kewangan 2013, jumlah aset Pembiayaan Perumahan bertambah sebanyak 21%, merupakan 47% daripada pembiayaan kasar Perbankan Pengguna.

Bagi memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai dan bagi mengekal serta menambahkan jumlah pelanggan untuk portfolio Pembiayaan Perumahan, Perbankan Pengguna telah meneroka dan bekerjasama dengan unit perniagaan dan rakan niaga yang lain untuk memperkenalkan lebih banyak penyatuan produk dalam langkah memastikan ia kekal kompetitif.


Imbangan semula strategik portfolio asset Perbankan Pengguna menyaksikan Pembiayaan Peribadi diperuntukkan sebagai salah satu enjin pertumbuhan baru. Portfolio Pembiayaan Peribadi bertambah sebanyak 50% daripada tahun kewangan sebelumnya.

Pertumbuhan pada kunci kira-kira, selari dengan peningkatan dalam kadar keuntungan menyaksikan pendapatan Pembiayaan Peribadi meningkat sekali ganda, lebih daripada pendapatan tahun-ke-tahunnya, menyumbang 38% kepada jumlah keseluruhan portfolio Perbankan Pengguna.


Walaupun dengan produk pembiayaan yang berisiko

TREND PEMBIAYAAN PERUMAHAN


(RM bilion)

**TREND PEMBIAYAAN PERIBADI**

(RM bilion)

**TREND PEMBIAYAAN KENDERAAN**

(RM bilion)



tinggi, kedudukan NPF semasa menunjukkan paras lebih rendah pada 0.6% daripada 2% penanda aras industri, dan ini disebabkan aktiviti pemantauan kredit yang ketat.

Kawalan peraturan kredit yang ketat yang membebani institusi kewangan menimbulkan cabaran seterusnya kepada persekitaran perniagaan yang sangat kompetitif. Fokus kami ke atas Pembiayaan Kenderaan menyaksikan beberapa inisiatif utama dilaksanakan pada tahun kewangan 2013 bagi mempertingkatkan kualiti portfolio, mengukuhkan jualan dan keupayaan risiko.


Kini, Pembiayaan Kenderaan telah menggubal dasar kelulusan dan kredit yang lebih berstruktur dengan parameter yang jelas dan terperinci. Pembiayaan Kenderaan mencapai pertumbuhan sebanyak 12% dalam tahun kewangan 2013 meskipun menghadapi 16% kemerosotan dalam jumlah jualan kereta baru dalam tahun kewangan 2012.

Dalam mengekalkan kredit berhemat, Perbankan Pengguna komited untuk meluaskan portfolio pembiayaan tanpa mengabaikan standard kredit, yang boleh menjejaskan kualiti aset pada kunci kira-kira Bank dengan meletakkan infrastruktur pengurusan risiko kredit yang rapi dan dasar-dasar yang tegas pada tahap-tahap penilaian pembiayaan dari peringkat permulaan pembiayaan sehingga kelulusannya.


Di samping itu, Perbankan Pengguna sentiasa peka dan proaktif dalam mengenal pasti potensi pembiayaan tidak berbayar. Sumber-sumber yang signifikan diserap masuk untuk mengenal pasti dan memantau akaun-akaun pembiayaan tersebut, di samping usaha-usaha pemulihan yang proaktif, seperti berinteraksi secara aktif dengan pelanggan, memberi rundingan, menyusun semula, menjadual semula atau memulihkan pembiayaan bermasalah.

Kawalan Kerugian Pembiayaan diperkukuhkan lagi kepada 126% sementara nisbah pembiayaan tidak berbayar kasar bertambah baik pada 2%; memenuhi purata sistem perbankan. Bank akan terus mendokong falsafah


TREND NISBAH KESELURUHAN NPF
(%)



TREND TERAS DEPOSIT
(RM billion)



TERAS DEPOSIT KOMPOSISI
Pada TK2013



yang menekankan disiplin kredit yang teguh dalam menjalankan perniagaan Perbankan Pengguna.

PRESTASI DEPOSIT

Peningkatan dalam aset-aset pembiayaan yang disokong oleh program liabiliti yang kukuh telah mencatatkan peningkatan besar pada aras kedudukan deposit. Deposit yang berjumlah RM13.52 bilion pada tahun kewangan 2012 meningkat sebanyak 19% kepada RM16.03 bilion pada tahun kewangan 2013. Pada tahun ini, Bank mencatatkan lebih daripada RM2 bilion deposit tambahan dan 85,169 akaun semasa dan akaun simpanan yang baru. Rekod pertumbuhan berterusan tahun ke tahun sebanyak 14% ini disebabkan oleh kekuatan jenama dan langkah merealisasikan sinergi melalui produk Pembiayaan Peribadi serta dorongan tawaran yang berterusan dari produk dan kempen seperti Kempen Deposit OH YEAH.



Ini adalah hasil sokongan padu pelanggan terhadap Bank Muamalat sebagai bank yang diyakini.

SALURAN RANGKAIAN PENGEDARAN

Selari dengan strategi memposisi semula, Bank telah memperkukuh, merasionalisasi dan mempelbagaikan saluran pengedaran untuk menambahbaik kecekapan operasi dan proses serta perkhidmatan pelanggan untuk memenuhi pelbagai permintaan yang berbeza daripada pelanggan. Transformasi dan pertumbuhan agresif dalam saluran pengedaran menyaksikan hasil yang positif dalam semua segmen produk pada tahun kewangan yang disemak. Jualan meningkat lebih tinggi antara 1.5 hingga 3 kali ganda telah dicapai dalam semua segmen perniagaan – Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi, Kenderaan dan Banka-Takaful yang mana dapat terus kekal pada momentum tersebut.

Bank telah melaksanakan strategi agresif bagi memposisi semula cawangannya yang meliputi penempatan semula, pemodelan dan penjenamaan semula rangkaian cawangannya di seluruh negara bagi meningkatkan daya saing jangka panjang Bank dan kesesuaian dalam pasaran. Sejak 2010, Bank Muamalat telah membuka enam (6) cawangan baru, menempat semula lima belas (15) cawangan yang sedia ada ke pusat-pusat pasaran baru serta pembesaran dan menaik taraf premis dan perkhidmatan sepuluh (10) cawangan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat. Bank akan terus mewujudkan cawangan utama yang besar untuk menyediakan perkhidmatan peribadi dan cekap kepada pelanggan. Bank komited kepada pelaburan dan perkembangan berterusan dalam rangkaian cawangan.

Selari dengan arah aliran pengedaran industri, Bank juga menyediakan saluran Kiosk Jualan untuk menjana pemerolehan pelanggan pada kos jualan yang lebih rendah bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang perniagaan Bank. Saluran Kiosk Jualan akan melengkapkan cawangan yang sedia ada untuk membantu cawangan-cawangan menjalin hubungan dan menjalankan jualan-

silang (“cross-selling”) produk kepada pelanggan-pelanggan baru mengikut keperluan individu; seterusnya mewujudkan platform untuk menambahbaik pengalaman pelanggan.

Pelaburan yang besar telah dibuat dalam menyediakan perkhidmatan saluran layan-diri (SST) dan Perkhidmatan Perbankan Internet, dalam mengikuti arus kemajuan teknologi, perubahan gaya hidup dan peningkatan permintaan pelanggan. Bilangan pelanggan yang lebih terbuka kepada perbankan elektronik layan-diri, termasuk perkhidmatan Internet, telah meningkat. Jumlah urus niaga bagi perkhidmatan layan-diri elektronik mencatatkan peningkatan bersih sebanyak 9.1 juta transaksi berbanding tahun sebelumnya. Mesin layan-diri juga dipasang di sekitar kawasan bertrafik tinggi, termasuk pusat membeli-belah, stesen minyak bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Pada masa hadapan, Bank akan memperkembangkan semua perkhidmatan saluran elektronik SST untuk berfungsi 24 jam 7 hari.

MELANGKAH KE HADAPAN : PERTUMBUHAN MAMPAN DALAM EKONOMI MENCABAR

Cabaran dasar ekonomi dan kewangan semasa bergerak pantas. Asia, khususnya Asia Tenggara terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan momentum pasaran disokong oleh asas-asas ekonomi yang teguh dan pengurusan dasar yang kukuh. Di Malaysia, Negara akan terus menyaksikan kadar pertumbuhan yang stabil pada tahun depan, dipacu oleh peningkatan pelaburan dan penggunaan domestik yang berdaya tahan.

Bagaimanapun, industri perbankan akan terus mencabar dengan peningkatan peraturan dan persaingan sengit daripada lebihan kecairan dalam sistem dan kemasukan pesaing baru. Setelah meletakkan tanda asas untuk sinergi integrasi kami, Bank akan terus menyusun semula untuk menjadi Bank yang mengutamakan pelanggan dan pada masa yang sama menggapai tahap kecekapan serta mencipta nilai dalam menyokong transformasi ekonomi

negara dan memperkembangkan cawangan kami. Bank akan terus fokus dan komited untuk membina hubungan jangka panjang yang mantap dengan para pelanggan, memberikan pulangan dan nilai yang berterusan kepada pemegang kepentingan, kekal berdaya saing dan relevan untuk membawa Perbankan Pengguna Bank Muamalat ke peringkat seterusnya.

Pertumbuhan dalam semua barisan perniagaan tersebut merupakan petanda baik untuk meletakkan kami pada kedudukan kewangan yang lebih kukuh pada masa hadapan. Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kekuatan dan keupayaan untuk membina perniagaan pengguna yang mampan dalam menghadapi cabaran pasaran. Tunggak pendokongnya terdiri daripada prinsip-prinsip berikut:

- 1) **Kehadiran Dalam Komuniti**
Keutamaan terpenting kami adalah mentransformasi rangkaian kami supaya ia boleh membezakan keupayaan pemasaran dan pengedaran Bank dan merupakan tunggak hubungan kami dengan pelanggan dan komuniti.
- 2) **Kepelbagaian Pengedaran dan Capaian**
Kiosk Jualan juga menyediakan perkhidmatan cekap kepada segenap lapisan pelanggan melalui pelbagai saluran pengedaran dan pusat capaian pelanggan, pusat panggilan masuk dan pusat telepemasaran canggih yang menjual pelbagai produk, pemasaran langsung dan perkhidmatan perbankan Internet.
- 3) **Produk Tumpu-Pelanggan Dan Inovatif**
Penekanan masih tertumpu kepada pembangunan spektrum tawaran produk pelanggan yang relevan dan inovatif dan tahap kualiti perkhidmatan pelanggan.
- 4) **Memperkembang Perniagaan Ar Rahnu**
Selain daripada permintaan kukuh daripada pasaran berpotensi untuk Ar Rahnu, Bank yakin perniagaan

tersebut akan menjadi penyumbang yang signifikan kepada pendapatan tahunan Perbankan Pengguna. Strategi terperinci telah dapat membuktikan kejayaan penawaran Ar Rahnu sebagai pembiayaan alternatif mudah bagi komuniti kecil. Bank juga yakin Ar Rahnu dapat menarik pelanggan bukan Islam dengan yuran penyimpanan yang rendah dan tempoh bayaran balik yang berpatutan di samping keyakinan dalam menguruskan barang gadaian.

Skim Ar Rahnu Bank ini telah berkembang secara signifikan dengan kenaikan sebanyak RM82.20 juta sehingga tahun kewangan 2013 berbanding tahun sebelumnya sementara penembusan pajak gadaian Islam ke dalam pasaran semasa dalam negara masih kurang daripada 50 peratus.

Kini terdapat sepuluh (10) cawangan Ar Rahnu di Bank Muamalat di seluruh negara dengan majoriti pelanggan Bank Ar Rahnu adalah berbangsa Melayu dan India. Pelan strategik telah dirangka dan dalam proses untuk meluaskan cawangan-cawangan Ar Rahnu pada masa hadapan dan keuntungan yang akan dipacu dengan pembukaan 15 buah cawangan baru pada tahun kewangan akan datang.

- 5) **Memperkenalkan Bureau De Change (BDC)**
Bank Muamalat dalam proses memperkenalkan Bureau De Change (BDC) yang pertama bagi memberikan perkhidmatan kepada komuniti dan bandar baru di kawasan ekonomi membangun iaitu KLIA2 Terminal Berlepas. Pertukaran matawang asing sering dilihat sebagai satu bahagian perniagaan yang perlu bagi perjalanan antarabangsa.
- 6) **Perluasan Perniagaan Pengurusan Kekayaan**
Bagi mengukuhkan perniagaan BankaTakaful dan untuk terus kekal kompetitif sebagai peserta pasaran, Bank telah merombak dan memperluaskan produk BankaTakaful untuk memenuhi keperluan perlindungan pelanggan mengikut peringkat-peringkat umur yang berbeza. Keseluruhan spektrum

produk BancaTakaful meliputi keperluan kesihatan, pelaburan, pendidikan dan simpanan yang diperlukan oleh rakyat Malaysia dari segenap lingkungan umur – kanak-kanak, pelajar, golongan muda, ibu bapa, pesara dan warga tua. Perniagaan ini juga akan terus dikembangkan mengikut pendekatan segmentasi pelanggan, memfokuskan kepada segmen sasaran utama. Kempen mendapatkan pelanggan baru akan terus dilaksanakan secara agresif untuk meningkatkan bahagian pasaran terutama dalam segmen pelanggan yang berpendapatan tinggi. Bank akan terus optimis untuk mengukuhkan perniagaan pengurusan kekayaan bagi memanfaatkan sepenuhnya pengkalan pelanggan dari Perbankan Komersial, Korporat dan Perbankan Pelaburan, selaras dengan objektif strategik untuk meningkatkan pendapatan.

Dalam usaha meluaskan pilihan pelanggan untuk produk simpanan dan pelaburan melangkaui produk-produk deposit konvensional, Bank bercadang untuk memasarkan secara aktif produk simpanan alternatif dengan melancarkan pembangunan produk baru, pemasaran yang inovatif dan memperkenalkan insentif jualan. Bank juga telah merancang untuk melancarkan produk pelaburan berstruktur dan akan terus memperkenalkan produk-produk seumpamanya pada masa hadapan.

7) **Pengurusan Pelanggan Strategik**

Keutamaan pelanggan strategik adalah untuk mewujudkan nilai tambah kepada pelanggan bagi mendapatkan jumlah pulangan yang lebih tinggi dalam setiap perhubungan serta meningkatkan lagi kualiti kakitangan, saluran perkhidmatan dan penerapan budaya kredit. Pada masa hadapan, kami yakin bahawa pendekatan “Share of Wallet” yang kami laksanakan pada tahun ini akan memberi pengaruh yang positif kepada pendapatan pada tahun kewangan akan datang serta dalam usaha kami untuk menjadi penjana nilai yang berterusan

kepada para pelanggan. Ini dapat menyediakan platform yang kukuh bagi pertumbuhan mampan serta menguntungkan dalam prestasi Perbankan Pengguna.

Dengan mempertingkatkan pendekatan pemasaran secara “Share of Wallet”, pihak Bank dapat melaksanakan pemasaran secara produktif untuk merangsang pendapatan berbanding meningkatkan dalam penguasaan pasaran. Pemasaran secara “Share of Wallet” dilakukan dengan menambah produk-produk atau perkhidmatan baru yang lebih berdaya saing untuk ditawarkan kepada para pelanggan sedia ada. Ini juga dapat dilakukan melalui pendekatan “cross-selling” dalam syarikat sama. Pendekatan ini telah dilaksanakan antara setiap bahagian di dalam Bank bagi meningkatkan “Share of Wallet” pelanggan.

Bank terus berusaha untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan inovatif bagi memberi nilai tambah yang berterusan kepada peningkatan pengalaman pelanggan melalui pendekatan menyeluruh seiring dengan pelaksanaan proses yang selaras dan sistematik dalam menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kewangan dan perancangan kewangan kepada kakitangan Kerajaan, angkatan tentera dan institusi-institusi awam lain bagi mempermudah pembelian-silang.

Walaupun adanya amalan-amalan perbankan yang beretika, Bank telah memperkukuh dan menyelaraskan bahagian sokongan dan infrastruktur bagi meningkatkan kesetiaan pelanggan seterusnya berupaya memberikan pelanggan lebih daripada apa yang diharapkan. Usaha ini dapat meningkatkan keupayaan yang melebihi jangkaan agar para pelanggan menjadi pelanggan setia kepada jenama kami. Pendekatan taktikal dan fokus ke atas tingkah laku pelanggan melahirkan reputasi positif ke atas seluruh produk dan perkhidmatan kami.



Perbendaharaan dan Pasaran Modal

Perbendaharaan menyaksikan prestasi yang mengagumkan pada tahun ini dengan semua sasaran pendapatan urus niaga melepasi jangkauan. Bagaimanapun, margin keuntungan yang mengecil menjadi cabaran besar dalam aspek pendapatan berasaskan dana.

DAGANGAN DAN PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Perbendaharaan memulakan tahun ini dengan melengkapkan penebusan bon diikuti dengan beberapa pengambilan untung dalam sekuriti-sekuriti terpilih selari dengan jangkauan kenaikan kadar pada separuh kedua 2012. Bagaimanapun dalam situasi Eropah dan Amerika Syarikat yang masih berusaha untuk bertahan, pasaran Malaysia pula sebaliknya menyaksikan pemampatan hasil. Keadaan ini telah mengecilkan peluang pihak Bank untuk lebih agresif mengumpul lebih banyak kertas komersil tetapi dari segi positif, ia meningkatkan pegangan.

Pihak Bank telah mencatat urusniaga sehingga RM6.90 bilion dari segi kos (sehingga Mac 2013) berbanding RM6.06 bilion (April 2012) dengan jumlah sekuriti matang bernilai RM1.34 bilion sepanjang tahun. Berikutan itu, pihak Bank telah mengumpul lebih daripada RM2.0 bilion sekuriti pada tahun kewangan 2012/13.

PASARAN WANG

Pasaran kekal kompetitif dalam aspek kadar, bagaimanapun kadar-kadar korporat masih lagi melepasi kadar antara bank tetapi lebih rapuh pada suku akhir tahun kewangan pihak Bank disebabkan kelonggaran tarikh akhir pematuhan Kecairan Basel III.



PENGURUSAN DAN JUALAN PERTUKARAN ASING

Pihak Bank memberi sepenuh komitmen dalam menyediakan perkhidmatan terbaik dan kini meningkatkan kumpulan pelanggan dengan penambahan ahli-ahli baru. Perniagaan dari pihak kerajaan juga merupakan segmen penting kepada Perbendaharaan dan pihak Bank melakukan penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dan diberikan.

DARI PERBENDAHARAAN - APA YANG MENANTI UNTUK TAHUN KEWANGAN AKAN DATANG

Pihak Bank akan berjaga-jaga dan berhati-hati pada

tahun ini untuk mengharungi ketidakstabilan pergerakan pasaran-pasaran pendapatan tetap dan matawang. Dengan margin keuntungan bersih yang mengecil dan hasil keluk yang mendatar. Perbendaharaan sedang meninjau untuk melanjutkan tempoh pihak Bank menambah peningkatan hasil.

Dalam perkembangan lain, Perbendaharaan juga akan memulakan langkah mempertambah pelanggan secara agresif, dengan sasaran para pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan pelanggan korporat di luar kawasan Lembah Klang.

Perbankan Pelaburan

Prestasi Perbankan Pelaburan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) terus berkembang walaupun berada di dalam persekitaran pasaran modal yang mencabar. Pihak Bank tetap berupaya dan berkemampuan untuk menjadi peneraju perbankan pelaburan Islam di Malaysia.

Pada tahun ini, pihak Bank telah terlibat selaku penaja jamin kepada dua tawaran awam permulaan (IPO) antara yang terbesar di dunia; (i) penyenaian Felda Global Ventures Berhad bernilai RM10.5 bilion, dan (ii) IHH Healthcare Berhad bernilai RM6.7 bilion. Pihak Bank juga telah terlibat selaku penaja jamin kepada penyenaian Gas Malaysia Berhad pada Jun 2012.

Di dalam pasaran modal hutang, pihak Bank merupakan perintis bagi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang berlandaskan pembiayaan kewangan Islam bersindiket yang ulung untuk pembangunan kemudahan hospital yang bernilai RM460 juta. Pihak Bank juga telah berjaya mengatur dan mengurus penerbitan Sukuk berjumlah RM300 juta untuk Program Sukuk Tanpa Penarafan yang pertama kali oleh Columbia Asia Sdn. Bhd., merupakan pengendali hospital yang berkembang pesat dalam industri kesihatan di rantau Asia. Mengakhiri tahun kewangan yang cukup memberangsangkan ini, pihak Bank juga telah menerima mandat menjadi Pengurus Utama Bersama di dalam penerbitan Sukuk Murabahah bernilai RM3.29 bilion oleh Tanjung Bin Energy Issuer Sdn Bhd. Terbitan ini telah menerima pengiktirafan RAM Ratings berhad sebagai "Transaksi Penerbitan Modal Paling Inovatif" pada tahun 2012.

Jabatan Perbankan Pelaburan bersedia dan berkeyakinan tinggi dapat memberikan sumbangan pendapatan yang signifikan terhadap prestasi kewangan Bank di masa hadapan.



Modal Insan

Fokus untuk tempoh dua (2) tahun mendatang bagi Modal Insan ialah Pembangunan Insan kerana kakitangan adalah aset utama kami dan melalui kakitangan kami mampu membawa Bank ke tahap yang lebih tinggi.

Penguksuhan kecekapan operasi dan pembangunan keupayaan insan terus menjadi tumpuan untuk memastikan daya saing dalam industri. Selain itu, ia penting untuk kami meneruskan komitmen melabur dalam pembangunan modal insan, berikutan itu beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan lalu demi memastikan kelestarian bakat seiring dengan pertumbuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

MENARIK DAN MENGEKALKAN BAKAT

Bank ini komited untuk membawa masuk bakat-bakat professional yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan. Setakat ini, kami mempunyai lebih daripada 2,000 orang kakitangan di seluruh negara. Pertambahan jumlah kakitangan jualan di Perbankan Pelanggan, Perbankan Perniagaan dan Pengurusan Kekayaan dan Perniagaan Ar Rahn adalah penting berikutan perkembangan perniagaan.

Pelbagai usaha juga telah diambil untuk memastikan kaedah-kaedah dan strategi pengambilan pekerja yang efektif dan dilaksanakan untuk menarik bakat yang betul. Kami juga telah mengenal pasti program-program untuk mengekalkan kakitangan yang berprestasi tinggi dan antaranya menghantar mereka ke luar negara untuk mendapatkan pendedahan baru. Pelan-pelan pembangunan telah dibuat untuk kumpulan kakitangan ini untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan bakat di Bank ini.

MELAKSANA AUDIT BAKAT

Sumber Manusia dengan sokongan kumpulan pengurusan telah memulakan pencarian bakat utama dalam Bank. Sehingga kini, sebanyak 203 profil telah disiapkan menggunakan Perkakasan Profil Bakat Chally,

Modal Insan

menjurus kepada lima (5) profil pekerjaan. Setiap profil mendedahkan pandangan mengenai kecekapan yang akan menentukan aspek kekuatan dan peluang-peluang pembangunan oleh individu atau kumpulan. Ini bertujuan untuk mewujudkan profil aspek kekuatan korporat secara menyeluruh bagi mengatur keutamaan inisiatif pembangunan yang lebih efektif serta mengenalpasti perancangan penggantian dan potensi yang tinggi.

MENGUKUHKAN PRESTASI MODAL INSAN

Sumber Manusia berterusan mendidik kakitangan melalui siri-siri taklimat dan jerayarama jelajah ke seluruh negara khusus untuk mengetengahkan pengurusan sistem dan juga pengurusan prestasi. Pengurus-pengurus di latih secara mendalam dan terperinci untuk menambah kefahaman dalam pelaksanaan sistem pengurusan prestasi.

Bagi kakitangan yang berprestasi lemah, pihak pengurusan juga menyediakan program bimbingan komprehensif dan program mentor. Program Pelan Pengurusan Penambahbaikan kini sudah memasuki tahun kedua pelaksanaan dan ini membolehkan kakitangan yang berprestasi lemah membaiki prestasi masing-masing di bawah proses yang tersusun selari dengan parameter yang sah di sisi undang-undang.

Tatatertib Matrix telah dibangunkan dan diperkenalkan kepada cawangan Bank kami di seluruh Negara. Ini merupakan lanjutan dalam bentuk pengurusan prestasi serta disiplin kakitangan. Ketua-ketua jabatan juga telah diberi mandat untuk melaksanakan kawalan di peringkat masing-masing.

TINJAUAN KEPUASAN KAKITANGAN

Pihak Pengurusan percaya akan pentingnya hubungan antara kakitangan dengan majikan. BMMB sekali lagi mengendalikan Tinjauan Kepuasan Kakitangan untuk mengukur tahap kepuasan mereka terhadap organisasi. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan berdasarkan maklum

balas yang diterima daripada tinjauan tersebut.

Indeks Kepuasan Pelanggan yang diperoleh daripada Tinjauan Kepuasan Kakitangan, terus dimasukkan dalam Penunjuk Prestasi Utama Korporat (KPI) bagi tahun ini. Untuk menyatakan keseriusan terhadap tinjauan ini, semua jabatan perkhidmatan dalaman perlu merangka pelan penambahbaikan yang kemudiannya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan.

MEMBINA KEUPAYAAN INSAN

Di semua peringkat pembangunan sumber manusia, kepentingan latihan dan pembangunan tidak boleh dipinggirkan. Dalam menyokong objektif dan pelan pembangunan untuk menonjolkan bakat yang betul sebagai pemacu pertumbuhan, kami menggalakkan supaya lebih banyak latihan dan pembangunan dianjurkan di seluruh bank dalam tahun kewangan yang dirujuk. Sasaran telah ditetapkan bagi semua kakitangan untuk mencapai purata empat hari latihan setahun melalui kehadiran dalam pelbagai latihan yang dianjurkan sama ada di peringkat dalaman atau luar.

Bagi tahun kewangan 2012/2013, sebanyak RM4 juta telah dilaburkan oleh Bank bagi tujuan latihan dan pembangunan yang meliputi latihan luar dan juga dalaman serta melepasi keperluan berkanun. Perbelanjaan latihan bagi kakitangan bank adalah sebanyak 3.09% berbanding jumlah kasar pendapatan pada tahun 2012. Jumlah ini telah melepasi standard minima Bank Negara Malaysia yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 2.5%.

Sepanjang tahun lalu, Bank telah memulakan latihan-latihan utama berikut bagi pembangunan kakitangan:

- Program Pembangunan Kepimpinan (LDP) bagi Ketua-Ketua Jabatan dan Pengurus-Pengurus Cawangan
- Program yang dinamakan 'My Job and My Pride'

Objektifnya adalah untuk memberikan pendedahan



tentang asas-asas kerja berpasukan kepada eksekutif-eksekutif baru yang telah diberikan kenaikan pangkat, supaya tugas harian di pejabat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

- Program Profesional Penguasaan Jualan yang beriktiraf
- Perancangan Kewangan, Jualan Berimpak – Banca dan Jualan Berimpak – Program Unit Amanah
- Asas Komunikasi Perniagaan dan Komunikasi Perniagaan Lanjutan
- Profesional Kredit Beriktiraf (CCP)
- Program Six Sigma Yellow Belt dan Green Belt
- Latihan Rangsangan Jualan
- Pematuhan bank terhadap Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) terus menjadi agenda utama bank. Kami juga meneruskan e-Pembelajaran dalam perbankan Islam dan AMLA untuk melengkapkan latihan dalam kuliah.

Tersebut adalah beberapa inisiatif yang dilaksanakan dalam tahun kewangan yang dirujuk untuk mengurus dan membina kakitangan Bank selari dengan matlamat kami untuk menjadi tenaga kerja bertaraf dunia.

Seterusnya, kami akan meneruskan usaha secara progresif bagi melaksanakan inisiatif pembangunan yang telah diperkenalkan pada 2013/2014 sebagai asas untuk membangunkan dan mengurus bakat yang ada dengan tumpuan yang lebih kepada kepimpinan dan fungsi kecekapan.

MENGEKALKAN HUBUNGAN BAIK DAN KEHARMONIAN DI TEMPAT KERJA

Pada tahun kewangan ini, Bank telah mengadakan rundingan dan memperbaharui Perjanjian Kolektif (CA) yang pertama dengan Kesatuan Negeri Sarawak- Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Sarawak (KPPBS). Perjanjian itu meliputi semua kakitangan di peringkat eksekutif Gred 11 dan Gred 12. Ia juga membabitkan kedudukan tertentu di Gred 10.

Sejumlah 33 kakitangan mendapat manfaat daripada pembaharuan Perjanjian Kolektif yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2012 hingga 30 November 2015. Majlis rasmi menandatangani Perjanjian Kolektif itu telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 15 April 2013.

Business Process & Transformation

'THINK AND DO BETTER'

Tema tahun kewangan 2013 adalah '**Think and Do Better**', dilancarkan semasa Program '*Continuous Improvement*' pihak Bank. Program tersebut bermula pada bulan Oktober 2012 dan memberi fokus kepada tiga (3) kempen atau aktiviti teras iaitu:

- WorkSmart Campaign
- 5S Workplace Organisation Initiative
- Lean Six Sigma – 'School of Wizardry'

WorkSmart Campaign adalah satu inisiatif yang memberi fokus kepada penambahbaikan berterusan samada dalam unit, seksyen atau jabatan yang boleh menghasilkan penjimatan kewangan, peluang perniagaan dan faedah yang bukan berbentuk kewangan kepada Bank. Setakat ini, kempen tersebut telah menerima 80 cadangan penambahbaikan, yang mana 39 daripadanya telah diterima dan dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif berkenaan telah menjana penjimatan kewangan sebanyak RM3.43 juta dan keuntungan yang bukan berbentuk kewangan berjumlah RM461 ribu sejak dilancarkan tujuh (7) bulan lalu.

5S Workplace Organisation Initiative telah dilancarkan di Bank dengan objektif menyemai budaya berdisiplin dan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja lestari, selamat dan kondusif. Bagi tahun akhir kewangan 2013, sejumlah lapan (8) jabatan dan satu (1) cawangan telah dipilih. Pusat Kelulusan Wilayah dan Jabatan Proses & Transformasi Perniagaan telah dipilih untuk melengkapkan kesemua tiga (3) fasa dan diaudit oleh Kumpulan DRB Hicom. Kedua-dua jabatan diberi pengiktirafan 'EMAS'.

Lean Six Sigma – 'School of Wizardry' merupakan lanjutan fasa kedua pelaksanaan program Lean Six Sigma (LSS). Fokus bagi tahun kewangan 2013 adalah melahirkan pakar terlatih dalam bidang ini. Sehubungan itu, latihan tertumpu kepada membangunkan pengamal LSS 'Black Belt'. Setakat ini terdapat 29 projek LSS yang aktif merangkumi lima (5) 'Black Belt' dan 24 'Green Belt'.





Program ini memberi fokus kepada empat (4) kategori bagi menambahbaik bidang-bidang berikut:

- Peningkatan Pendapatan
- Kitaran Masa Operasi
- Kualiti Perkhidmatan
- Pengekalan Kakitangan

Sebanyak 88 penambahbaikan dan penyelesaian utama disyorkan, yang mana apabila dilaksanakan sepenuhnya berupaya menjana anggaran keuntungan kewangan dan bukan kewangan sebanyak RM1.48 bilion. Sebanyak 213 'quick fixes' sedang dilaksanakan atau telah dikenalpasti daripada inisiatif-inisiatif tersebut.

Tema bagi tahun kewangan 2014 ialah '**Transformation through People, Process & Technology**' – yang akan meluaskan inovasi dan transformasi melangkaui proses. Ia akan memberi fokus kepada bidang-bidang utama bagi memastikan penambahbaikan lestari bagi kesemua inisiatif seperti berikut:

- ISO 9001:2008 / MS 1900:2005, menetapkan asas untuk Bank Muamalat mendapatkan pensijilan.
- Program "Small Rapid Change" atau "Action Work Out" untuk pemimpin-pemimpin Bank Muamalat.
- Lanjutan inisiatif 5S Organisasi di Tempat Kerja kepada lebih banyak cawangan Bank.
- Penilaian dan kajian produktiviti atas setiap jenis cawangan dan kiosk untuk mengoptima sumber.

Pengurusan Kandungan Perusahaan

KEMAJUAN PENGURUSAN KANDUNGAN PERUSAHAAN ECM-EDMS

Kemajuan Pengurusan Kandungan Perusahaan ECM-EDMS. Progres Inisiatif ECM-EDMS menyaksikan fasa kemajuan dalam Pengurusan Proses Perniagaan (BPM) dan Pengurusan Pemprosesan Borang (FPM).

Kewajipan Bank Muamalat memajukan perkembangan dan evolusi dalam Pengurusan Kandungan Perusahaan kini mengambil langkah seterusnya dengan memberi fokus terhadap automasi dalam proses perniagaannya.

BPM menyepadukan proses-proses kendalian manusia di mana interaksi-interaksi yang melibatkan kendalian manusia dijalankan secara bersiri atau selari melalui penggunaan teknologi dengan objektif mengoptimumkan dan menyampaikan proses berkualiti, pada masa sama mengekalkan pematuhan peraturan.

Melalui pelaksanaan FPM, maklumat akan diperolehi secara digital dan dimuat naik dalam medan data dan kemudian ditukar kepada format pemboleh - proses yang merangkumi borang-borang daripada permohonan kecil sehingga berskala besar.

Dalam memenuhi kehendak pelanggan, pendekatan holistik dalam menyelaraskan proses bukan sekadar untuk menggalakkan keberkesanan dan kecekapan tetapi juga merupakan usaha ke arah inovasi, fleksibiliti dan integrasi dengan teknologi baru.

Sebahagian besarnya, inisiatif-inisiatif ini dapat meminimumkan dan mengurangkan proses yang panjang berulang-ulang dan membosankan pekerja dengan tujuan untuk memperbaiki masa penyampaian dan memendekkan proses membuat keputusan.



Muamalat Banking Solution

Program 'Muamalat Banking Solution' (MBS) merupakan agenda transformasi utama Bank ini, yang bersedia untuk mengtransformasikan Bank menjadi pesaing yang inovatif dan kompetitif dalam pasaran kewangan. Ini melibatkan penggantian sistem perbankan utama yang masih silo dan berasingan dan juga aplikasi sokongan sedia ada dengan set penyelesaian patuh syariah tunggal yang bersepadu dan menyeluruh. Program ini bermula pada 13 Disember 2012 dan dijangka siap pada tahun 2014.

Penyelesaian baru, 'Silverlake Axis Intergrated Islamic Banking Systems' (SIIBS) dan Sunguard Treasury mempunyai ciri-ciri pelantar penyesuaian yang dilengkapi set ciri-ciri keselamatan yang tinggi bagi memastikan pemeliharaan maklumat sulit, ketulenan data dan pencegahan penipuan. Penyelesaian pelantar sistem tunggal yang mantap ini mensasarkan pencapaian berikut:

- Operasi perniagaan yang diperkemas
- Penambahbaikan tahap kepuasan perkhidmatan pelanggan
- Paparan tunggal antara - muka pelanggan (Single Customer View), dan
- Penambahbaikan masa penyampaian produk kepada pasaran

Sebagai pemangkin dalam transformasi perniagaan, MBS bersedia untuk mempertingkatkan produktiviti dan menambahbaik kualiti perkhidmatan penyampaian kami demi meraih pulangan lestari yang lebih tinggi kepada para pemegang saham. Ianya sebagai pelaburan untuk menambah keberkesanan dan kecekapan teknologi kami, yang mana ianya perlu untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan visi kami menjadi penyedia perkhidmatan kewangan pilihan.



Perkhidmatan Pelanggan

Pengukur sebenar perkhidmatan pelanggan adalah sebaik mana penilaian pelanggan terhadap perkhidmatan yang diterima dan juga tahap kepuasan mereka terhadap perkhidmatan tersebut. Menurut Wikipedia, kepuasan pelanggan ditakrifkan sebagai “ukuran bagaimana produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah syarikat memenuhi atau melebihi harapan pelanggan”. Tidak disangkal bahawa perkhidmatan pelanggan merupakan faktor kompetitif penting yang membezakan sesebuah perniagaan dan di Bank Muamalat, kami memahami dan mengiktiraf perlunya untuk menyampaikan tahap perkhidmatan yang tinggi dan konsisten dan sememangnya menjadi tumpuan kami di tahun-tahun yang lalu - untuk membangunkan dan menyemai budaya perkhidmatan yang terbaik di Bank Muamalat. Sejak bermulanya program khidmat pelanggan pada tahun 2009, Bank telah menunjukkan kemajuan yang patut dipuji.

Pembelian misteri merupakan penunjuk kepada penyediaan perkhidmatan Bank sejak fasa pertama dimulakan pada tahun 2011. Hasil tinjauan terkini fasa keempat untuk tahun kewangan berakhir pada 2013 mencatatkan skor indeks 87.2 untuk penilaian perkhidmatan seluruh Bank, yang mana ianya menyaksikan satu perkembangan yang patut dipuji berbanding 85.1 hasil tinjauan fasa ketiga pada tahun 2012, justeru menandakan satu peningkatan luar biasa dari skor garis dasar 75.9 pada fasa pertama.


Sektor hubungan pelanggan utama iaitu Zon Teler mengekalkan skor indeks yang tinggi meskipun mencatat sedikit penurunan daripada 86.3 kepada 85.0. Paling menarik adalah peningkatan pada Zon Jualan dan segmen Memenuhi Keperluan Pelanggan yang masing-masing merekodkan skor indeks 81.5 dan 80.9, peningkatan sebanyak 6.1% dan 7.5% berbanding skor tinjauan fasa ketiga sebanyak 75.4 dan 73.4. Peningkatan dalam memenuhi keperluan pelanggan bertambah bukan sahaja pada perkhidmatan yang konsisten di zon teler malah peningkatan perkhidmatan di zon jualan pelanggan jua.

Satu lagi perkhidmatan yang penting kepada pelanggan ialah masa menunggu. Skor pada permulaannya mencecah

Berada setanding dalam soal harga dan kualiti hanya menempatkan anda ke dalam permainan. Perkhidmatan yang memenangi permainan.”

– Tony Allesandra.

PENUNJUK PERSEPSI PELANGGAN



70.0 pada fasa pertama, namun menurun ke 62.9 di fasa ketiga sebelum ditutup agak tinggi sedikit sebanyak 67.3 di fasa keempat. Menyedari hakikat ini, pihak Bank sedang berusaha untuk mengurangkan masa menunggu demi memenuhi ekspektasi pelanggan.

Pengumpulan data adalah penting kerana ia merupakan pengukur persepsi pelanggan dari mana organisasi ini boleh memastikan pengalaman positif. Sesuatu pengalaman positif yang berhubungkait dengan kepuasan pelanggan akan membawa kepada kesetiaan pelanggan dan seterusnya pengekalan pelanggan. Pelanggan yang berpuas hati akan mengesyorkan organisasi ini kepada orang lain dan ini merupakan kelebihan pemasaran yang kuat. Di fasa pertama, 19% daripada pelanggan yang ditinjau akan mengesyorkan Bank ini kepada yang lain. Di fasa keempat, angka ini telah meningkat kepada 62% - satu tanda kukuh yang menunjukkan bahawa inisiatif Bank membuahkan hasil positif.

Selain itu, tinjauan dalaman Bank ke atas perkhidmatan pelanggan secara langsung di cawangan-cawangan melalui skrin sentuh interaktif juga mencatatkan tahap

kepuasan pelanggan yang tinggi dengan lebih 90% mengesahkan pengalaman yang positif. Usaha ke arah menyediakan produk dan perkhidmatan cemerlang secara berterusan merupakan satu cabaran yang gentar, namun, di Bank Muamalat kami yakin dengan kelebihan budaya yang memberi tumpuan kepada pelanggan yang teguh. Ganjaran yang diperolehi oleh organisasi yang berupaya menyediakan perkhidmatan yang sentiasa melangkaui harapan pelanggan akan menjangka pertumbuhan dan keuntungan jangka panjang.

Petikan daripada Sam Walton, pengasas Wal-Mart,

Matlamat sesebuah syarikat ialah untuk mempunyai perkhidmatan pelanggan yang bukan sahaja terbaik, tetapi menjadi legenda."

Dari itu, kami menanam aspirasi, dan indeks tinjauan baru-baru ini yang mempamerkan perkhidmatan keseluruhan berkualiti yang kukuh disediakan oleh Bank melengkapi usaha jualan, sememangnya mencerminkan hakikat bahawa kami berada di atas landasan yang betul.

Jabatan Syariah

SEKSYEN SEKRETARIAT DAN KHIDMAT NASIHAT SYARIAH

Seksyen ini berfungsi sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Syariah (JS) dan secara efektif menyediakan khidmat nasihat dan rundingan Syariah.

Peranan Sekretariat Syariah dalam melaksanakan fungsinya membabitkan penyediaan input dan sokongan kepada JS termasuk menyelaraskan mesyuarat, mengumpul kertas cadangan, menyebarkan keputusan-keputusan Syariah kepada pihak-pihak berkepentingan' yang relevan, berhubung dengan pihak-pihak yang berkaitan yang memerlukan perbincangan lanjut mengenai isu-isu berkaitan daripada JS dan memastikan kebajikan ahli-ahli JS diberikan sewajarnya.

Dalam aspek fungsi khidmat nasihat dan perundingan Syariah, peranannya termasuk membantu dan memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak relevan berdasarkan keputusan JS, termasuk kelulusan pra-produk, proses operasi, dokumentasi, aktiviti-aktiviti Unit Perniagaan, Unit Sokongan, anak-anak syarikat Bank dan pelanggan-pelanggan luar (berdasarkan permintaan).

Sepanjang tahun kewangan 2012/2013, beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk penerbitan Keputusan Umum Syariah bagi tajuk-tajuk terpilih kepada semua kakitangan, menganjurkan program pengenalan kepada JS, menganjurkan Sesi Perancangan Strategik dengan Organ-Organ Tadbir Urus Syariah (TUS) dan menguruskan Analisis Keperluan Latihan untuk JS.

Antara keputusan Jawatankuasa Syariah dalam tahun kewangan ini adalah untuk pihak Bank meneroka dan menawarkan kontrak alternatif bagi isu kontroversi berhubung kontrak Bai' Inah dan Bai' ad-Dayn bagi produk-produk Bank, sebagai contoh Tawarruq dan Bai' ad-Dayn bi as-Sila'. Jawatankuasa Syariah juga menyokong pembangunan produk-produk dan perkhidmatan berasaskan Syariah termasuk pembiayaan mikro berasaskan Qardhun Hasan, perkhidmatan wakaf, zakat dan ar-rahnu. Matlamat produk-produk ini pada akhirnya



adalah untuk mencapai objektif yang dikehendaki Syariah (Maqasid Syariah) dan perlindungan masalah kemanusiaan (kepentingan umum).

SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH

Peranan Penyelidikan Syariah adalah untuk melaksanakan penyelidikan dan pengajian terperinci mengenai perkara-perkara berhubung Syariah termasuk menyediakan khidmat nasihat dan perundingan Syariah harian kepada pihak-pihak yang berkenaan, khususnya yang terlibat dalam proses pembangunan produk. Bagi tahun kewangan ini, sejumlah dua puluh lapan (28) kertas penyelidikan telah disiapkan membabitkan isu-isu Syariah, pembangunan produk dan permintaan khas oleh Jawatankuasa Syariah dan pihak-pihak lain.

Selain penyelidikan dalaman, pihak Bank juga mengambil langkah seterusnya dengan menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui geran penyelidikan, yang mana perinciannya adalah seperti berikut:

Universiti	Geran Penyelidikan	Status
IIUM	1. Persepsi Pihak-pihak Berkepentingan Bagi Pelaksanaan Pembiayaan Perumahan Berasaskan Konsep Musyarakah Mutanaqisah: Kes Bank Muamalat Malaysia Berhad	Telah disediakan
	2. Kajian Empirikal Berhubung Keberkesanan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Malaysia 2011	Telah disediakan
USIM	3. Meningkatkan Perbandingan Laporan Maklumat Kewangan Dalam BMMB melalui Pengharmonian Amalan Semasa Dengan laporan akhir AAIOFI dan IFSB	Penyediaan

Penerbitan

Bagi tahun kewangan ini, Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Syariah telah menyiapkan sebuah (1) buku, empat (4) buku panduan dan empat (4) risalah al-Muamalat dalam pelbagai topik tetapi tidak terhad kepada Perbankan dan Kewangan Islam, Wakaf dan sebagainya. Jenis-jenis penerbitan ini adalah sebagai panduan dan rujukan khususnya kepada kakitangan bank dan orang awam untuk mereka memahami kontrak asas dan isu-isu dalam Perbankan Islam dan Kewangan.

KESEDARAN AWAM

Menyedari terdapat keperluan serius untuk mendidik masyarakat tentang Perbankan dan Kewangan Islam , pihak Bank telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program-program kesedaran yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman terhadap Perbankan dan Kewangan Islam di seluruh negara. Antara program-program yang dilaksanakan oleh bank adalah:

- Menaja program radio dan TV seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam di TV1, Tazkirah Ramadan di TV3, Slot 30 minit bersama Ustaz Don di TV al-Hijrah dan Slot Bicara Muamalat di IKIM.
- Bicara awam/ taklimat mengenai Perbankan dan Kewangan Islam dan Wakaf kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pusat-pusat pendidikan dan badan-badan agama, yang mana sebahagian program dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Khutbah Jumaat mengenai Perbankan dan Kewangan Islam dan Wakaf di beberapa masjid di Malaysia.

Bagi tahun kewangan ini, Jabatan Syariah telah berjaya melaksanakan 120 program kesedaran awam. Kesemua program yang dilakukan telah menerima maklum balas yang baik daripada khalayak ramai. Ini adalah platform untuk mendidik orang awam dan memahami

kepentingan perbankan dan kewangan Islam dan ia juga menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial pihak Bank kepada komuniti. Program-program yang dilaksanakan telah berjaya mewujudkan kesedaran kepada masyarakat serta menjadi medium pemasaran terbaik untuk memperkenalkan Bank Muamalat Malaysia Berhad kepada masyarakat.

PERBANKAN BERTANGGUNGJAWAB



Sejajar dengan Garis Panduan BNM berhubung Kewangan Bertanggungjawab yang dikeluarkan pada 1 Januari 2012, institusi perlu memastikan pembiayaan dan perkhidmatan memenuhi kemampuan para pelanggannya.

Penilaian kredit kepada pelanggan

Sebagai institusi kewangan Islam, Bank ini menyediakan penilaian kredit yang betul kepada pelanggan dalam menegakkan konsep keadilan dalam Islam. Perbankan Islam mesti membuat pertanyaan dan semakan yang sesuai terhadap pendapatan pelanggan selepas potongan berkanun bagi cukai dan KWSP serta mengambil kira semua tanggungan hutang dalam menilai keupayaan pelanggan.

Pemasaran Dan Pengiklanan

Pemasaran dan pengiklanan adalah penting untuk menjamin ketelusan antara institusi kewangan dan para pelanggan. Bank perlu memastikan semua bahan-bahan promosi dan pengiklanan produk-produk pembiayaan yang ditawarkan adalah jelas, adil dan lengkap. Sementara itu, para pelanggan dinasihatkan membaca dokumen yang berkenaan secara teliti sebelum menurunkan tandatangan.

Caj Dan Pembayaran

Pelanggan layak membayar ansuran secara bulanan untuk caj yang dikenakan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui antara pelanggan dan Bank. Bagaimanapun, Bank bertanggungjawab untuk menyatakan dengan jelas mekanisme pembayaran dan caj yang dikenakan kepada pelanggan.

Proses Pemantauan Dan Pemulihan

Bank perlu memantau dan mengenal pasti punca kegagalan pembayaran oleh para pelanggan dan menawarkan pelan pembayaran alternatif untuk membantu pelanggan membuat pembayaran terbaik. Perbankan Islam juga perlu menyediakan maklumat yang spesifik kepada para pelanggan berhubung jumlah sebenar pembayaran dan jumlah kos keuntungan serta kesannya terhadap kenaikan kadar pembiayaan untuk memastikan para pelanggan memahami implikasi penuh sesuatu keputusan pembiayaan.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Etika, nilai-nilai moral dan tanggungjawab sosial adalah antara cabaran utama adalah antara lain yang dihadapi oleh pengurusan-pengurusan perniagaan yang berbeza dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Perbankan Islam bukan sahaja mempengaruhi keuntungan/kerugian pemegang kepentingannya tetapi juga memacu ekonomi negara secara keseluruhannya. Bagi BMMB pembiayaan mikro bertindak sebagai bahagian penting dalam pergerakan tanggungjawab sosial korporat. Proses pembiayaan mempunyai dua kebaikan. Yang pertama, ia membantu usahawan-usahawan baru memiliki tanggungjawab sosial dan kedua, menggalakkan pembangunan ekonomi.



Wakaf Selangor Muamalat

Wakaf Selangor Muamalat (WSM) adalah inisiatif kolaborasi antara Bank dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang telah dilancarkan pada 27 September 2012 oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor. Di bawah kolaborasi ini, WSM menguruskan dana wakaf yang dikutip daripada masyarakat dan menguruskan dana tersebut bersama PWS dalam sektor kesihatan dan pendidikan.

Perkhidmatan WSM adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat Bank untuk membantu masyarakat khususnya golongan yang memerlukan tanpa mengira perbezaan agama.

Visi, Misi, Objektif dan Nilai WSM adalah :

Visi :

Memartabatkan kecemerlangan Institusi Wakaf

Misi :

Mengurus secara berkesan dan memberi nilai tambah kepada aset wakaf dengan memupuk budaya wakaf untuk kebaikan ummah menjelang 2015

Objektif:

Berusaha untuk memupuk amalan wakaf dan meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan aset wakaf untuk ekonomi ummah melalui pendekatan yang holistik dan berkesan serta konsisten dengan undang-undang Islam.

Nilai :

W- Wasatiah

A - Amanah


K – Kualiti

A - Akhlak


F – Fisabilillah

Kutipan dana wakaf adalah untuk dan bagi pihak PWS serta dikreditkan ke dalam akaun kutipan PWS, manakala agihan dana diuruskan secara bersama oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Laporan kewangan kutipan dan agihan dana tersebut adalah sebahagian daripada seliaan PWS.

STRUKTUR ORGANISASI JPB



KUTIPAN DANA WSM PADA MAC 2013



Dengan kutipan dana bersaiz sederhana pada awal pelaksanaannya, WSM telah mula melaksanakan beberapa projek kebajikan dan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Bil.	Penerima Bantuan WSM	Jenis Bantuan	Nilai dalam Ringgit (RM)
1	Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Ulumuddin, Sg Besar	Peralatan asrama	43,100.00
2	Perkhidmatan Klinik Bergerak (akan dikendalikan oleh KPJ)	Klinik bergerak	254,900.00
3	Hospital Sungai Buloh, Sungai Buloh	Peralatan perubatan	37,030.00
4	Pusat Dialisis Nur'Ain, Rawang	2 unit mesin Dialisis	76,000.00
5	Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia	1 unit mesin Braille Embosser	14,634.00
Jumlah Sumbangan			425,664.00

Jumlah kutipan dana WSM sehingga Mac 2013 ialah RM1,618,543.75

Tabung Mawaddah

Jawatankuasa Tabung Mawaddah (TM) telah beroperasi sejak 2002, untuk membantu dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan kepada penerima Asnaf lapan (Fakir, Miskin, Amil, Mualaf, Riqab, Gharimin, Fisabillah dan Musafir) dan penerima bukan Asnaf. Sumber TM adalah daripada zakat dan sedekah yang disumbangkan oleh Bank dan kakitangan Bank.

Objektif penubuhan Jawatankuasa TM:


- Menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada yang memerlukan;
- Memastikan setiap derma, kebajikan dan sedekah disalurkan kepada kumpulan sasaran;
- Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat Bank kepada masyarakat berasaskan *Maslahah Ammah*;
- Menerapkan semangat dan budaya penyayang di kalangan rakyat Malaysia bagi membentuk masyarakat harmoni; dan
- Mengamalkan ajaran Islam dari aspek membantu golongan yang memerlukan;

Selain bantuan sekali sahaja (*one off*), TM juga menyediakan peruntukan bulanan kepada:


- Program makanan kepada golongan gelandangan
- Skim pembiayaan mikro untuk membantu usahawan kecil
- Maahad Tahfiz Mawaddah, Lembah Beringin, Hulu Selangor
- Program Komuniti Masih Ada Yang Sayang (MAYS)
- Program Dakwah Serantau, Yayasan Amal Malaysia

Saiz dana yang diagih dan corak permohonan bantuan TM bagi tahun kewangan 2012/2013 adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.

JUMLAH SUMBANGAN TM MELALUI ASNAF & BUKAN ASNAF



JUMLAH PERMOHONAN TM DALAM TK 2012/2013



Tanggungjawab Korporat

Tanggungjawab Korporat (CR) membentuk sebahagian penting daripada budaya urus niaga kewangan dalam usaha kami untuk mencapai kecemerlangan dalam perniagaan. CR adalah kewajipan yang ditanggung oleh syarikat bagi semua pihak yang berkepentingan dalam operasi dan aktivitinya, dengan sasaran utama untuk memperolehi pembangunan mapan dalam ekonomi, sosial dan persekitaran.

CR merupakan satu alat ajaib yang mampu menggerakkan perniagaan bagi meningkatkan imej korporat dan meningkatkan pengaruh agar diterima masyarakat umum di samping mempertingkatkan visibiliti di mata umum. Justeru, CR dilihat sebagai sifat dermawan yang tidak menjejaskan keuntungan perniagaan syarikat. Bagi Bank Muamalat, CR adalah jantung kepada perniagaan dan matlamat kami adalah untuk beroperasi secara bertanggungjawab terhadap persekitaran, masyarakat dan kakitangan.

Bank dan cabang dermawan kami, Tabung Mawaddah, bekerjasama secara rapat dengan agensi-agensi dan organisasi kerajaan dan pihak bukan kerajaan (NGO) untuk menyokong projek-projek yang paling relevan kepada keperluan komuniti, selanjutnya menghubungkan dan mengoptimalkan impak perniagaan kami dengan komuniti bagi membantu mereka berkembang dengan sejahtera.



Program-program kami termasuk memberi sokongan kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif berkaitan pendidikan, bantuan untuk rumah anak yatim dan rumah orang-orang tua, masjid dan surau dan juga membekal makanan kepada golongan gelandangan di Kuala Lumpur. Satu lagi inisiatif baru yang diperkenalkan ialah wakaf tunai. Dana ini digunakan khususnya untuk tujuan perubatan seperti mengadakan klinik-klinik bergerak dan juga untuk tujuan pendidikan.”

Sumbangan kewangan merupakan ukuran komitmen kami, dan tidak terkecuali sumbangan produk serta masa, kepakaran dan sumber melalui kerja-kerja sukarelawan. Pada 2012/2013, sumbangan kebajikan oleh bank melalui CR kami dan program Tabung Mawaddah berjumlah RM10.5 juta.

TEMPAT KERJA YANG BAIK

“Kejayaan masa depan kita bergantung kepada keupayaan kita untuk menarik minat, melatih dan membangunkan pekerja yang betul dalam organisasi” - Abe Reichental

Tunggak sesebuah organisasi adalah kakitangannya dan Bank ini sememangnya menekankan pembelajaran dan pembangunan serta program kesihatan dan keselamatan berterusan untuk tenaga kerjanya. Bank ini juga menggalakkan kewujudan persekitaran bekerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Pelaburan-pelaburan berterusan yang dibuat untuk meningkatkan standard tempat kerja, mengukuhkan lagi reputasi kami sebagai sebuah syarikat yang memenuhi tanggungjawab sosialnya dan disegani. Kakitangan kami dilayan dengan penuh hormat dan bermaruah tanpa mengira jantina, budaya dan perbezaan individu.

Program CR yang diperkenalkan meliputi taklimat mengenai produk dan perkhidmatan, penguasaan kemahiran diri, penguasaan kepimpinan, penguasaan kepakaran perniagaan, kesedaran kesihatan dan latihan kebakaran, yang menggalakkan pembangunan sumber manusia selain melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan semasa mengenai perbankan. Pelbagai latihan berkaitan AMLA dan Syariah juga dianjurkan.

KOMUNITI

“Kami Prihatin, Kami Berkongsi” adalah falsafah di sebalik kisah kejayaan kami. Ini merupakan komitmen berterusan yang menjadi sebahagian daripada struktur bank sejak awal penubuhannya lagi. Kami berpegang teguh kepada kepercayaan kami dalam memberi kesan yang lestari

dan positif kepada komuniti di mana kami beroperasi. Syarikat kami menyokong pertumbuhan ekonomi melalui perluasan produk dan perkhidmatan, pekerjaan dan pewujudan pekerja berpendidikan. Kami percaya bahawa kami dapat memberi sumbangan signifikan dalam peningkatan standard kehidupan melalui inisiatif-inisiatif termasuk penajaan, sumbangan kebajikan dan bantuan bencana.

TEMPAT PASARAN

Bank komited untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab bukan sahaja terhadap komuniti tetapi juga terhadap rakan-rakan perniagaan. Sehubungan dengan itu, kami berusaha memupuk hubungan jangka panjang berdasarkan kejelasan tujuan, intergriti, rasa hormat, jujur serta adil dan saksama. Aktiviti seperti golf persahabatan, bowling dan lain-lain aktiviti sukan turut diadakan.

KESIMPULAN

Bank percaya untuk menjadi entiti perniagaan yang berjaya, ia bukan hanya sekadar menjana pendapatan atau membuat keuntungan tetapi harus menyumbang balik kepada komuniti dan memenuhi tanggungjawab sosial sebagai warga korporat. Kami akan terus menambahbaik operasi dan hasil perniagaan melalui tadbir urus korporat yang bertanggungjawab dan komited – kepada pematuhan prinsip CR. Sebagai sebuah entiti korporat, kami mengakui bahawa kemampuan kami untuk membangun dan berkembang dalam perniagaan yang mapan amat bergantung kepada usaha kami dalam meningkatkan hubungan dengan pelanggan, kakitangan, pembekal, pemegang saham, pengawal selia, dan juga komuniti.

Dalam usaha kami mencapai nilai pemegang saham yang lebih tinggi melalui perniagaan sedia ada dan yang dirancang, kami akan sentiasa menekankan kepentingan dalam memelihara kakitangan, komuniti dan pasaran.



Golf Pelawanan Persahabatan dengan Jabatan Perdana Menteri



Majlis Penyampaian hadiah "Oh Yeah!"



Santai 1Raya 2013



Lawatan oleh Peserta Dari Central Bank Of Nigeria



Majlis Menandatangani Microfinancing



55 Tahun Merdeka Janji Ditepati



Pelancaran Wakaf Selangor Muamalat

Takwim Peristiwa



KLIFF



Pemberian Beras kepada kakitangan BMMB



Lawatan oleh Aichin Gakuin University, Tokyo



Perlancaran "Continuous Improvement Programme"

- 29 Apr 2012 Majlis Penyampaian Hadiah "Continuous Improvement Programme"
- 27 Mei 2012 2012 Perlawanan Persahabatan Antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Jabatan Perdana Menteri
- 16 Jun 2012 Majlis Anugerah Kecemerlangan Anak-anak DRB-Hicom
- 29 Jun 2012 Perasmian Cawangan Bank Muamalat Tawau, Sabah
- 05 Jul 2012 Majlis Penyampaian hadiah "Oh Yeah!"
- 20 Jul 2012 Majlis Menandatangani MoU Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Of Shi Zui Shan, China
- 10 Ogo 2012 Pemberian Beras Kepada Kakitangan BMMB
- 28 Ogo 2012 Lawatan oleh Aichin Gakuin University, Tokyo
- 29 Ogo 2012 Bank Muamalat Rumah Terbuka Kakitangan "Santai 1Raya 2012
- 31 Ogo 2012 55 Tahun Merdeka Janji Ditepati
- 12 Sep 2012 Perlancaran "Continuous Improvement Programme"



Lawatan oleh KUIM



BGGT 2012



Majlis Menandatangani MBS



DRB-Hicom Auto Fest 2013



Ceramah Perdana
Sambutan Maulidur Rasul
" Bumi Bergolak Syria "



Management Roadshow



Management Roadshow



Kempen Minggu Kesihatan



Kempen Minggu Kesihatan



DRB-Hicom Auto Fest 2013



Lawatan oleh UITM Kedah



Lawatan oleh UiTM Dungun, Terengganu



Majlis Penyerahan Peralatan Perubatan Sumbangan Wakaf Selangor Muamalat kepada Hospital Sungai Buloh



Majlis Kesyukuran BMMB 2013

03 Sep 2012 Lawatan oleh Peserta dari Central Bank Of Nigeria

27 Sep 2012 Pelancaran Wakaf Selangor Muamalat

03 Okt 2012 Lawatan oleh Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

15-18 Okt 2012 The 9th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2012

24 Okt 2012 Majlis Menandatangani Microfinancing

08 Nov 2012 Lawatan oleh UiTM Dungun, Terengganu

17 Nov 2012 BMMB Golf Get Together 2012, Kuala Lumpur

6 Dis 2012 Lawatan oleh UiTM Kedah

13 Dis 2012 Majlis Menandatangani Kontrak MBS Contract dan "Project Kick Off" antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Silverlake Structured Services Sdn Bhd

15 Jan 2013 BMMB 2013 Roadshow Head Quarters & Central Region

20 Jan 2013 DRB-Hicom Auto Fest 2013

24 Jan 2013 Sambutan Maulidur Rasul - Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah

30 Jan 2013 Majlis Penyerahan Peralatan Perubatan Sumbangan Wakaf Selangor Muamalat kepada Hospital Sungai Buloh

12 - 14 Mac 2013 Kempen Minggu Kesihatan BMMB

16 Feb 2013 41st Inter-Financial Institutions Golf Tournament 2013

19 Mac 2013 Lawatan oleh Politeknik Metro Johor Bharu

21 Mac 2013 Majlis Kesyukuran BMMB 2013

27 Mac 2013 Lawatan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Idris Shah, Kapar, Klang

28 Mar 2013 Lawatan oleh Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

30 Mar 2013 Treasury & Capital Markets Friendly Golf Tournament



Kata Ibnu Hajar: Imam Syafie, sesungguhnya Bidaah itu ada 2 jenis. Bidaah mahmudah (yang dipuji) dan bidaah mazmumah (yang dikeji). Apa yang menepati sunnah, ianya dipuji. Apa yang melanggar sunnah, ianya dikeji.”



inovatif
pemacu kejayaan



Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah Bank mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik adalah asas organisasi yang berkesan dan bertanggungjawab. Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dengan cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod Semakan Semula) serta Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi bank-bank Islam berlesen (Semakan Semula BNM/GP-i) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Berikutan itu, Lembaga Pengarah sentiasa berusaha memastikan amalan-amalan terbaik diguna pakai dalam mewujudkan akauntabiliti dan integriti Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Oleh itu, Lembaga Pengarah akan terus memastikan kepimpinan, polisi, strategi dan kawalan dalaman yang betul berada dalam kawalan yang baik untuk menyampai dan melestari anjuran nilai Bank secara berterusan bagi manfaat pemegang kepentingannya secara umumnya dan pada masa yang sama, memastikan momentum berterusan ke arah mencapai aspirasi Bank untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan.

LEMBAGA PENGARAH Struktur, Komposisi dan Proses Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga kini adalah seimbang. Seperti yang dibentuk, Lembaga mempunyai kestabilan, kesinambungan dan komitmen serta keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Lembaga kini dianggotai seramai 10 orang ahli, seorang Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif dan sembilan orang Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana lima daripadanya adalah Pengarah Bebas. Pengarah-pengarah bukan bebas dan bukan eksekutif mewakili pemegang saham termasuk DRB-HICOM Berhad dan Khazanah Nasional Berhad. Komposisi semasa Lembaga adalah patuh pada Semakan Semula BNM/GP1-I iaitu lebih satu pertiga daripada ahli-ahli Lembaga merupakan pengarah bebas.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan harian Bank dan tidak mempunyai sebarang urusan perniagaan dan hubungan dengan Bank agar mereka mampu membuat pertimbangan secara bebas dan bertindak demi kepentingan bank dan para pemegang saham.

Senarai profil setiap ahli pengarah boleh dilihat di helaian 16 hingga 26 di dalam Laporan Kewangan ini.

Tata Etika Pengarah

Pengarah-pengarah sentiasa mematuhi kod etika berdasarkan kod tata laku seperti yang diharapkan daripada Pengarah-Pengarah Institusi Kewangan sepertimana yang dinyatakan dalam BNM/GP7 – Kod Etika 1: Garis Panduan Kod Etika bagi pengarah, pegawai dan kakitangan dalam industri perbankan dan Kod Etika Pengarah-Pengarah Syarikat yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Syarikat-Syarikat Malaysia.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bimbingan strategik Bank, memantau keberkesanan pengurusan dan akauntabiliti terhadap Bank dan pemegang kepentingan. Dalam menggalas tugas-tugas, Lembaga bertindak dengan berpengetahuan penuh, secara jujur, tindakan wajar dan berhemat demi kepentingan Bank dan pemegang saham.

Pengarah-pengarah yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab sentiasa prihatin dengan kepentingan awam dan kemusykilan komuniti perniagaan, khususnya para pelanggan, pemegang saham dan pemegang kepentingan yang lain.

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah termasuk:

- Memberi panduan mengenai pelan perniagaan tahunan Bank dan hala tuju keseluruhannya.
- Meluluskan bajet tahunan Bank dan menjalankan penilaian ke atas kemajuan yang dibuat oleh pelbagai bahagian operasi terhadap sasaran

perniagaan masing-masing.

- Memantau operasi perniagaan Bank dan prestasi kewangan.
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama Bank.
- Mengkaji dan meluluskan pelantikan pengarah dan emolument dan faedah selaras dengan garis panduan berkaitan.
- Dari semasa ke semasa, menyemak dan meluluskan pelantikan dan ganjaran untuk ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dan kakitangan pengurusan kanan utama yang memegang fungsi Ketua Pegawai Eksekutif dan fungsi-fungsi lain yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.
- Meluluskan perubahan kepada struktur organisasi korporat.
- Memulakan dasar komprehensif, proses dan infrastruktur bagi memastikan pematuhan Syariah dalam semua aspek operasi, produk dan aktiviti-aktiviti perbankan Islam.
- Memastikan bank Islam mempunyai pengaruh yang baik terhadap kesejahteraan ekonomi masyarakat.

Pengarah-pengarah juga boleh mendapat nasihat profesional, dengan perbelanjaan ditanggung pihak Bank semasa menunaikan tanggungjawab mereka.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Akses Kepada Maklumat

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bank dijadualkan lebih awal sebelum akhir tahun kewangan, khususnya sebelum akhir tahun bagi membolehkan ahli-ahli Lembaga Pengarah merancang dan menyelaraskan jadual Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa dengan jadual masing-masing.

Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap bulan dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila ada isu-isu penting/atau keputusan penting yang perlu diambil di antara mesyuarat yang dijadualkan. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan disusun dengan agenda yang ditetapkan lebih awal.

Pengarah-pengarah disediakan dengan agenda dan kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat berkaitan dengan perkara-perkara yang akan dibincangkan lebih awal daripada tarikh mesyuarat untuk penelitian mereka. Pada setiap mesyuarat, Lembaga Pengarah menerima maklumat terkini daripada Pengerusi/wakil Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa tersebut serta perkara-perkara yang memerlukan perhatian.

Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada maklumat Bank melalui Pengurusan Kanan serta khidmat Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat memastikan korum hadir pada permulaan setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa untuk pengesahan mesyuarat.

Lembaga Pengarah telah bersidang dalam 13 mesyuarat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 dan kehadiran setiap pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah Mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	13	100
Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *melepaskan jawatan pada 4 Julai 2012	3	2	67
Dato' Lukman Ibrahim (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *melepaskan jawatan pada 29 Ogos 2012	4	4	100
Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *Dilantik pada 27 Ogos 2012	9	6	67
Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif *dilantik pada 27 Ogos 2012	9	9	100
Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif)	13	13	100
Haji Mohd Izani Ghani (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	13	12	92
Haji Ismail Ibrahim (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	13	13	100
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	12	92
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	13	100
Dato' Azmi Abdullah (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	13	100
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	12	92

Program Latihan Untuk Pengarah

Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab untuk meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan ahli-ahlinya mengenai undang-undang dan peraturan baru dan risiko komersial yang berubah-ubah, serta mengikuti perkembangan dalam industri perkhidmatan kewangan. Setiap pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan, yang akan dikenal pasti secara khusus oleh Bank bagi para pengarah pada tahun kewangan.

Proses Pelantikan Pengarah

Bank ini berada di bawah kawalan Semakan Semula BNM/GP1-I bagi pelantikan pengarah baru dan pelantikan semula pengarah-pengarah sedia ada ekoran penamatan tempoh perkhidmatan yang diluluskan oleh BNM. Semua pelantikan pengarah-pengarah tertakluk kepada BNM.

Tanggungjawab utama bagi pelantikan dan pelantikan semula pengarah-pengarah dibuat oleh Jawatankuasa Penamaan. Jawatankuasa Penamaan itu secara eksklusif membabitkan pengarah-pengarah bukan eksekutif dengan Pengerusi dan majoriti pengarahnya adalah pengarah bebas. Selari dengan Semakan Semula BNM/GP1-i, Jawatankuasa Penamaan akan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon-calon yang sesuai bagi jawatan pengarah dan pelantikan pegawai-pegawai kanan utama Bank dan anak-anak syarikat yang berkenaan. Jawatankuasa Penamaan juga memastikan para calon menepati keperluan dari segi kemahiran dan kompetensi teras sebagai ahli pengarah dan layak serta sesuai dilantik sebagai pengarah mengikut kelayakan dan kriteria yang ditetapkan.

Jawatankuasa Penamaan, pada tahun kewangan yang dinilai, telah menilai dan mencadangkan pelantikan Dato' Sri Che Khalib Mohamad dan Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain (calon DRB-HICOM Berhad) untuk menggantikan Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil dan Dato' Lukman Ibrahim sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dalam Lembaga Pengarah Bank.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pelantikan pengarah-pengarah tersebut di atas, yang mempunyai kemahiran unik, pengalaman dan pengetahuan masing-masing dalam sektor komersial dengan pendedahan dalam industri berkaitan kewangan, akan memastikan jurang kompetensi yang dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah ditangani dan dapat memberi pandangan baru yang akan membantu Bank untuk berhadapan dengan cabaran yang mendatang.

Pelantikan Semula Pengarah-Pengarah

Selari dengan Artikel Pertubuhan Bank, semua pengarah-pengarah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran pada interval yang ditetapkan dalam putaran. Bagi yang layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula, satu proses yang membolehkan para pemegang saham mengundi mereka untuk khidmat semula.

Pengarah-pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan atau untuk mengisi kekosongan biasa sepanjang tahun tersebut adalah tertakluk pada pemilihan semula oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang berikutan pelantikan mereka

Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah

Salah satu tanggungjawab Jawatankuasa Penamaan adalah menyediakan prosedur formal dan telus untuk menilai keberkesanan pengarah secara individu dan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya. Bagi tujuan itu, selaras dengan Semakan Semula BNM/GP1-i Jawatankuasa Penamaan telah melaksanakan dan mewujudkan kriteria pemilihan yang telus, proses dan prosedur bagi menilai keupayaan setiap pengarah dalam menyumbang kepada keberkesanan Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan. Tambahan pula, penilaian juga akan dibuat bagi mengukur keberkesanan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan.

Pelaksanaan penilaian tahunan Lembaga Pengarah dibuat terutamanya berdasarkan jawapan kepada soal selidik

khas yang disediakan oleh pihak dalaman. Setelah menjalankan penilaian tahunannya, Jawatankuasa Penamaan berpuas hati bahawa saiz Lembaga Pengarah Bank adalah optimum dan wujud gabungan pengetahuan, kebolehan serta kompetensi teras yang sewajarnya dalam komposisi Lembaga Pengarah. Kesemua Pengarah memenuhi kriteria 'sesuai dan wajar' yang telah ditetapkan oleh BNM dalam Semakan Semula BNM/GP1-i

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang mana komposisi dan terma rujukan mengikut pematuhan Semakan Semula BNM/GP1-i termasuk amalan terbaik berdasarkan Kod Semakan.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Bank adalah seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah terdiri daripada secara eksklusifnya Pengarah Bukan Eksekutif, yang bertanggungjawab untuk memenuhi fungsi pengawasan berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan laporan kewangan, pengurusan risiko dan pematuhan polisi-polisi dalaman, prosedur-prosedur dan peraturan luar dan peraturan yang diguna pakai.

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang tugasnya dan mempunyai akses tidak terhad kepada juruaudit dalaman dan luar dan pihak Pengurusan Kanan Bank.

Komposisi Jawatankuasa Audit dan kehadiran mesyuarat yang diadakan pada tahun kewangan dalam semakan adalah seperti di bawah:-

Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit	Jumlah mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20	20	100
Haji Ismail Ibrahim (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20	17	85
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20	18	90
Dato' Azmi Abdullah (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20	20	100
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20	19	95

Objektif dan aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah pada tahun di dalam semakan diringkaskan dalam Penyata Kawalan Dalaman yang dinyatakan di halaman 98 untuk 99 dalam Laporan Tahunan ini.

2. Jawatankuasa Penamaan

Jawatankuasa Penamaan menyediakan satu prosedur rasmi dan telus bagi pelantikan pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah serta penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai pengurusan kanan utama.

Jawatankuasa Penamaan terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengerusi yang bebas. Mesyuarat diadakan apabila perlu bagi Jawatankuasa Penamaan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan. Ahli-ahli Jawatankuasa Penamaan dan kehadiran bagi tahun dalam semakan adalah seperti berikut: -

Ahli Jawatankuasa Penamaan	Jumlah mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6	6	100
Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) * melepaskan jawatan pada 4 Julai 2012	2	1	50
Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik pada 30 Oktober 2012	2	2	100
Haji Mohd Izani Ghani (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	6	5	83
Haji Ismail Ibrahim (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	6	5	83
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6	6	100
Dato' Azmi Abdullah (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6	6	100

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Penamaan adalah seperti berikut: -

- Menetapkan keperluan minimum bagi Lembaga Pengarah iaitu, gabungan kemahiran, pengalaman, kelayakan, serta kompetensi teras lain yang dikehendaki dari seorang pengarah. Jawatankuasa Penamaan juga bertanggungjawab untuk mewujudkan keperluan minimum bagi Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menyarankan dan menilai calon-calon untuk jawatan pengarah, ahli-ahli jawatankuasa lembaga, dan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah serta Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menyelia komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi kewajaran saiz dan kemahiran, dan keseimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas melalui penilaian tahunan.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pemecatan pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif / ahli Jawatankuasa Syariah daripada Lembaga Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif / Ahli Jawatankuasa Syariah dan pengurusan jika didapati tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

- Mewujudkan satu mekanisme untuk penilaian rasmi tahunan terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, penilaian prestasi para pengarah secara individu, prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai pengurusan kanan utama yang lain (Naib Presiden Eksekutif (EVP) dan ke atas).
- Menyelia pelantikan, perancangan penggantian anggota pengurusan dan penilaian prestasi pegawai-pegawai pengurusan kanan utama.
- Menyarankan kepada Lembaga penyingkiran pegawai pengurusan kanan utama jika mereka tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

3. Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan menyediakan satu prosedur rasmi dan telus bagi membangunkan polisi imbuan untuk Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai pengurusan kanan utama dan memastikan bahawa pakej saraan Bank adalah kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif dan strateginya.

Di samping itu, Jawatankuasa Imbuan juga bertanggungjawab untuk membangunkan polisi imbuan untuk ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang setara dengan peranan dan tanggungjawab mereka. Jawatankuasa Imbuan akan menyokong cadangan pakej imbuan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Komposisi Jawatankuasa Imbuan dan kehadiran mesyuarat yang diadakan pada tahun kewangan dalam semakan adalah seperti di bawah:-

Ahli-ahli Jawatankuasa Imbuan	Jumlah Mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Dato' Azmi Abdullah (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5	5	100
Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *melepaskan jawatan pada 4 Julai 2012	2	1	50
Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik pada 31 Januari 2013	2	2	100
Haji Mohd Izani Ghani (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	5	5	100
Haji Ismail Ibrahim (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	5	5	100
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5	4	80
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5	5	100

Tanggungjawab khusus Jawatankuasa Imbuan antara lain termasuk seperti berikut:

- Menyediakan prosedur yang formal dan telus bagi membangunkan imbuan bagi Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Syariah serta pegawai pengurusan kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah kompetitif dan selaras dengan budaya Bank, objektif dan strateginya.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dasar, strategi dan rangka kerja untuk Bank berhubung dengan imbuan, ganjaran dan faedah.
- Mengesyorkan imbuan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah untuk kelulusan penuh Lembaga Pengarah. Imbuan ini hendaklah setimpal dan mencerminkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah.

4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko memantau aktiviti-aktiviti pengurusan dalam menguruskan kredit, pasaran, kecairan, operasi, risiko undang-undang dan lain-lain serta memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersedia dan berfungsi. Di samping itu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa infrastruktur pengurusan risiko yang menyeluruh tersedia untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musyarakah.

Komposisi dan kehadiran Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah bagi tahun dalam semakan adalah seperti berikut: -

Ahli-ahli Jawatankuasa Risiko	Jumlah Mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Dato' Azmi Abdullah (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	14	14	100
Haji Mohd Izani Ghani (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	14	13	93
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	14	14	100
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	14	12	86
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	14	13	93

Objektif dan aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko sepanjang tahun dalam semakan diringkaskan dalam Penyata Pengurusan Risiko seperti yang dinyatakan di muka surat 100 hingga 107 dalam Laporan Tahunan ini.

5. Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat

Selain jawatankuasa tersebut di atas, Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat (Jawatankuasa MBS). Jawatankuasa Khas Lembaga Pengarah ini dibentuk untuk memberi hala tuju, bimbingan dan pengawasan bagi pembangunan penyelesaian IT, pelaksanaan dan penyelenggaraan bagi Bank dan juga untuk memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyelesaian yang dicadangkan.

Komposisi dan kehadiran Jawatankuasa MBS bagi tahun kewangan dalam semakan adalah seperti berikut:-

Ahli-ahli Jawatankuasa MBS	Jumlah Mesyuarat		
	Bersidang	Kehadiran	%
Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik sebagai Pengerusi pada 29 Ogos 2012	13	12	92
Dato' Lukman Ibrahim (Pengerusi dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *melepaskan jawatan pada 29 Ogos 2012	4	2	50
Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain (Pengerusi/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik pada 21 September 2012	8	8	100
Haji Ismail Ibrahim (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	13	12	92
Dato' Azmi Abdullah (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13	13	100

Tanggungjawab khusus Jawatankuasa MBS antara lain termasuk:-

- Memastikan Penyelesaian Perbankan Muamalat selaras dengan objektif dan keperluan perniagaan dan dilaksanakan mengikut jadual.
- Memastikan pengurusan projek termasuk pelaksanaan projek, permulaan, kesan-jejak dan pemantauan dilaksanakan.
- Memastikan penyediaan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi dan kompeten dalam pelaksanaan.

6. Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan selaras dengan keperluan Akta Perbankan Islam, 1983 serta Artikel Pertubuhan Bank, yang menetapkan penubuhan sebuah badan Syariah bagi memastikan pengendalian hal ehwal Bank adalah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah terdiri daripada ulama terkenal dengan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam Fiqh Muamalat.

Maklumat lanjut Jawatankuasa Syariah ini dinyatakan pada mukasurat 28 untuk 31 dalam Laporan Tahunan ini.

7. Aktiviti Audit Dalaman dan Kawalan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhannya bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang menyediakan jaminan munasabah terhadap keberkesanan dan kecekapan operasi dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan, selain prosedur dan garis panduan dalaman.

Kenyataan Kawalan Dalaman dan aktiviti Bank dirumuskan pada muka surat 98 hingga 99 Laporan Tahunan ini.

8. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Butiran urus niaga pihak berkaitan dengan Bank dinyatakan di muka surat 212 di bawah Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 Laporan Tahunan ini.

9. Laporan Pengurusan

Pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, laporan kemajuan projek-projek yang sedang dijalankan oleh Bank berkaitan produk dan perkhidmatan, teknologi maklumat, pengambilan pekerja, sumber manusia, dasar dan prosedur, keperluan kawal selia dan pendapatan serta perbelanjaan diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan.

10. Tanggungjawab Korporat

Sebagai sebahagian daripada nilai-nilai yang dikongsi bersama, Bank akan terus membangun dan mengukuhkan hubungan dengan komuniti. Melalui inisiatif Tanggungjawab Korporat, Bank bersedia menyumbang kembali kepada masyarakat, bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga melalui penyediaan produk, perkhidmatan serta mendidik masyarakat tentang kepentingan perkhidmatan kewangan Islam melalui siri-siri ceramah.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif Tanggungjawab Korporat dibentangkan di halaman 80 hingga 81 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata Kawalan Dalaman

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) mengakui akan tanggungjawabnya memastikan sistem kawalan dalaman bank adalah mencukupi dan efektif untuk menguruskan profil risiko dalam lingkungan selera risiko bank. Bagaimanapun, sistem tersebut dirangka untuk menguruskan bidang-bidang risiko utama bank dalam lingkungan selera yang boleh diterima, dan bukannya menjamin penghapusan keseluruhan kegagalan risiko untuk mencapai objektif dan matlamat bank. Oleh itu, sistem kawalan dalaman hanya boleh menyediakan jaminan munasabah berbanding jaminan mutlak terhadap risiko salahnyata dan maklumat kewangan atau rekod terhadap penipuan dan kerugian.

Bagi tahun kewangan yang dirujuk sehingga tarikh penerbitan laporan tahunan dan penyata kewangan, BAC berpendapat sistem kawalan dalaman di bank adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak yang berkepentingan dan aset-aset Bank.

BAC disokong oleh Jabatan Audit Dalaman (IAD), satu bahagian penting yang membentuk proses tadbir urus dalam bank. Juruaudit-juruaudit dalaman menilai dan menyumbang kepada penambahbaikan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan proses menggunakan pendekatan sistematik dan berdisiplin. IAD membantu BAC dengan menyediakan jaminan munasabah dan cadangan nilai tambah dalam kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan laporan kewangan dan pematuhan polisi-polisi dalaman, prosedur dan peraturan luaran yang boleh digunapakai.

IAD menjalankan audit bebas berasaskan risiko berdasarkan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh BAC. Dalam penyediaan pelan audit, IAD telah mengambil kira strategi perniagaan, objektif, risiko dan persekitaran kawalan dalaman bank dan aktiviti-aktiviti bagi unit-unit sokongan dan operasi sebagai pertimbangan.

IAD menilai risiko-risiko, kawalan dalaman dan ehwal pematuhan melalui pendekatan audit berasaskan risiko berstruktur dan audit berkala ke atas unit, cawangan

dan proses utama perniagaan, yang mana kekerapannya di tentukan oleh tahap penilaian risiko. Ia menyediakan laporan-laporan bebas dan objektif untuk disemak dan dipertimbangkan oleh BAC dalam mesyuarat berkala mereka.

BAC menyemak semua ulasan penemuan, pemerhatian, cadangan dan pelan tindakan penting yang dilaporkan oleh IAD, pengurusan, juru audit luar dan pengawal selia. Status tindakan yang diambil terhadap cadangan juru

audit dalaman dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Pemantauan Resolusi Audit (ARMC), yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada pengurusan kanan. Minit-minut mesyuarat ARMC dibentangkan untuk perbincangan BAC. Polisi dan prosedur bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman serta syarat dan undang-undang berkenaan termaktub dalam manual masing-masing, garis panduan dan arahan terbitan bank dan pihak berkuasa kawal selia yang dikemas kini dari semasa ke semasa.



Penyata Pengurusan Risiko

BMMB mengambil pendekatan pengurusan risiko yang berstruktur untuk menyediakan pengurusan risiko yang komprehensif dan berkesan merentasi semua peringkat dalam Bank, bertujuan untuk mengimbangi tahap risiko yang diambil dengan objektif perniagaan dan memastikan prestasi yang konsisten dan mampan dicapai dalam jangka panjang.

Rangka kerja pengurusan risiko dibina berdasarkan tadbir urus rasmi dan fungsi pengawasan yang ditetapkan, disokong oleh dasar dan prosedur yang membolehkan Bank mengenal pasti, menilai, mengukur, mengawal dan memantau pendedahan risiko dan kebergantungannya.

Apa yang penting kepada pendekatan ini ialah proses sistematik mengenal pasti dan mengukur risiko, mewujudkan selera risiko dan menjajarkan rancangan perniagaan dan objektif, dan kemudiannya, membangunkan strategi yang sesuai untuk menguruskan risiko. Oleh itu, pengurusan dan kawalan ke atas bidang utama risiko kredit, pasaran, mudah tunai dan pembiayaan, operasi, pematuhan syariah, pengurusan modal, kawal selia, risiko reputasi dan strategik disepadukan dengan baik untuk mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan dan memperoleh kelebihan daya saing yang strategik.

Tadbir Urus Risiko

Struktur tadbir urus risiko Bank memastikan kebebasan penuh fungsi pengurusan risiko daripada bidang perniagaan dan operasi. Berdasarkan pendekatan fungsi pengagihan, risiko tadbir urus dan pengurusan berada di bawah tiga barisan pertahanan berbeza. Baris pertama terdiri daripada unit perniagaan, yang bertanggungjawab menguruskan semua risiko yang ditanggung dalam aktiviti-aktiviti harian dan operasi. Mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan proses untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam persekitaran masing-masing sejajar dengan selera risiko sedia ada.

Barisan pertahanan kedua, yang terdiri daripada risiko, pematuhan dan fungsi kawalan dan jawatankuasa memastikan penyeliaan bebas dan pengurusan risiko

penting diambil kira oleh Bank dan tanggungan risiko turut diperhatikan. Mereka menyediakan sumber-sumber yang khusus untuk membangunkan rangka kerja risiko, polisi, metodologi dan alat bagi mengenal pasti risiko, pengukuran dan kawalan, dan memantau risiko dengan menggunakan petunjuk utama dan laporan terkecuali terhadap selera risiko yang ditetapkan dan had toleransinya.

Akhir sekali, barisan pertahanan ketiga melibatkan audit dalaman, menyediakan kajian bebas dan jaminan terhadap kecukupan proses pengurusan risiko dan keberkesanan dua baris pertama pertahanan dalam memenuhi mandat mereka.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap rangka kerja keseluruhan tadbir urus dan pengurusan risiko, termasuk menentukan strategi risiko, menetapkan selera risiko dan memastikan risiko dipantau dan dikawal dengan berkesan. Ia juga bertanggungjawab untuk mewujudkan struktur pengurusan risiko yang jelas dengan peranan dan tanggungjawab yang berbeza dan memastikan bahawa mereka melaksanakan sewajarnya.

Selain tanggungjawab individu yang diberi untuk pengurusan risiko, terdapat satu struktur formal untuk


kedua-dua lembaga pengarah dan jawatankuasa pengurusan yang menjelaskan tanggungjawab dan serahan kuasa untuk pengurusan risiko.

Di peringkat pengurusan, beberapa jawatankuasa risiko telah ditubuhkan untuk mengawasi bidang risiko dan fungsi kawalan, seperti pengurusan aset-liabiliti, penilaian dan pengurusan kredit, pelaburan dan pengurusan risiko operasi. Satu Jabatan Pengurusan Risiko, yang bebas daripada saluran dan sasaran perniagaan, menyokong jawatankuasa tersebut dalam menjalankan fungsi-fungsi pengurusan risiko harian.

Selera risiko

Rangka kerja selera risiko BMMB terdiri daripada struktur tadbir urus dan satu set penyata selera risiko (RAS) yang telah digariskan berdasarkan harapan pihak berkepentingan. Ia berfungsi sebagai asas bagi budaya risiko Bank dan menetapkan prinsip dan dasar-dasar untuk membimbing aktiviti pengambilan risiko dan proses membuat keputusan dalam mencapai keseimbangan yang optimum antara risiko dan pulangan.

Rangka kerja selera risiko mentakrifkan proses, dasar, metrik pengukuran, struktur tadbir urus dan kajian berterusan selera risiko sebagai sebahagian daripada



strategi perniagaan keseluruhan dan objektif pengurusan risiko. RAS digunakan dalam perancangan perniagaan dan strategik serta dalam operasi perniagaan harian dan pengurusan risiko. Ia telah dibangunkan bersama-sama dengan saluran bidang perniagaan, sekali gus memastikan akauntabiliti dan pematuhan yang berterusan, dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan akan dikaji semula secara berkala .

RAS, yang mentakrifkan selera risiko, toleransi risiko dan had risiko, digubal berdasarkan kedudukan kewangan Bank, kapasiti risiko dan kekuatan pendapatan terasnya. Ia mewakili tahap dan jenis risiko yang sedia diambil oleh Bank bagi mencapai objektif strategik dan perniagaan dan menyediakan asas untuk pengambilan risiko Bank. Had dan langkah-langkah toleransi risiko dirangka berdasarkan selera risiko yang berfungsi sebagai titik rujukan untuk memantau semua aktiviti pengambilan risiko dan mencetuskan tindakan yang sewajarnya apabila garis sempadan risiko dihipir atau tidak dipatuhi.

Selera risiko juga menggabungkan petunjuk prestasi utama Bank seperti turun naik pendapatan, kecairan dan nisbah modal, dan menyatakan toleransi terhadap reputasi dan ketidakpatuhan Syariah. Di peringkat strategik, selera risiko mentakrifkan keupayaan risiko Bank dari segi tahap modal yang diperlukan untuk menyokong aktiviti perniagaan serta memastikan penampungan modal yang cukup untuk memenuhi keperluan undang-undang kawal selia dan strategik. Toleransi Bank bagi turun naik pendapatan dan jurang atas nisbah mudah tunai utama juga dinyatakan dengan jelas untuk memudahkan urus tadbir dan pengawasan yang sesuai. Selera risiko kepada pertumbuhan perniagaan menyediakan hala tuju strategik bagi pembiayaan yang disasarkan dan segmen pasaran serta kelas aset pilihan dan profil risiko pelanggan dan portfolio.

Pengurusan Modal

Pembangunan rangka kerja pengurusan modal BMMB dipandu oleh garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung "Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk bank-

bank Islam (CAFIB)", yang distruktur berdasarkan kepada tiga tonggak:

- **Rukun 1**
Berkaitan dengan keperluan modal kawal selia minimum
- **Rukun 2**
Merujuk kepada proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP), yang tertakluk kepada Kajian Penyeliaan dan Proses Penilaian yang akan dijalankan oleh BNM
- **Rukun 3**
Berkaitan dengan disiplin pasaran dengan modal penerbitan dan amalan pengurusan risiko

Selaras di atas, Bank telah melaksanakan rangka kerja pengurusan modal berasaskan risiko dan prinsip-prinsip yang didorong oleh selera risiko dan strategi perniagaan, dengan mengambil kira persekitaran operasi dan kawal selia. Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan penggunaan sumber modal kewangan yang cekap berdasarkan modal keseluruhan Bank, sasaran perniagaan dan sasaran strategik. Oleh itu, dasar-dasar dan amalan pengurusan modal dibangunkan bertujuan memastikan tahap modal mencukupi dikekalkan untuk menyokong objektif perniagaan Bank dan untuk menampung risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ini .

Dalam menilai keperluan modal, Bank menggunakan Pakai Pendekatan Berpiawaian untuk Risiko Kredit dan Pasaran dan Pendekatan Penunjuk Asas bagi Risiko Operasi bagi mengukur dan mengira kuantiti Aset Berwajaran Risiko (secara kolektif dirujuk sebagai 'Rukun 1'). Bank kemudian menilai risiko-risiko lain yang tidak dilindungi di bawah pendekatan ukuran Rukun 1 bagi menentukan sebarang keperluan modal tambahan, yang ditetapkan di bawah ICAAP dan sewajarnya menetapkan sasaran modal dalaman. Di samping itu, Bank menggabungkan ujian

¹ Merujuk kepada Basel III, "Basel III: Satu rangka kerja kawal selia global bagi bank-bank dan sistem perbankan yang berdaya tahan" dan "Basel III: rangka kerja antarabangsa untuk ukuran, piawaian dan pemantauan risiko kecairan".

tekanan sebagai alat perancangan modal untuk menilai kesan faktor-faktor makro-ekonomi dan risiko khusus pada tahap kecukupan modal dan untuk merangka strategi pengurusan modal yang sesuai.

Pelaksanaan Basel III

Pada bulan November 2012, BNM mengeluarkan semakan semula garis panduan CAFIB yang memperincikan standard kawal selia baru bagi kecukupan modal dan pengurusan risiko mudah tunai. Garis panduan ini meluas selaras dengan Basel III Undang-Undang 1 diterbitkan oleh Jawatankuasa Basel untuk Penyeliaan Perbankan (BCBS) pada tahun 2010 dan 2011 dengan pengecualian aplikasi pelarasan pengawalseliaan yang lebih ketat terhadap modal teras.

Garis panduan yang disemak semula dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2013, membawa perubahan besar kepada definisi modal pengawalseliaan dan bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan keupayaan modal untuk menyerap potensi kerugian secara berterusan. Ekuiti biasa ditekankan sebagai komponen utama modal pengawalseliaan Tahap 1 dan untuk penguatkuasaan, satu ekuiti biasa minimum baru untuk nisbah aset berlawanan risiko (nisbah CET1) telah diperkenalkan. Instrumen modal yang diterbitkan sebelum 1 Januari 2013 yang tidak memenuhi syarat-syarat baru, secara berperingkat-peringkat, akan dimansuhkan sebagai modal kawalan dalam tempoh 10 tahun. Sebagai tambahan, modal penamparan yang baru dalam bentuk pemuliharaan modal dan penamparan modal pusingan (Countercyclical) akan dilaksanakan secara berperingkat, mulai tahun 2016.

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah sumber utama risiko Bank. Ia ditakrifkan sebagai kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan rakan niaga kredit untuk memenuhi kewajipan kepada Bank apabila ia matang. Ini meliputi semua pendedahan dan termasuk risiko kredit ke atas jaminan dan kemudahan yang belum digunakan tidak boleh dibatalkan. Untuk tahap yang lebih kecil, Bank

juga terdedah kepada lain-lain bentuk risiko kredit, seperti akibat daripada aktiviti penyelesaian di mana risiko adalah akibat daripada menjalankan aktiviti, berbanding pengambilan aktiviti.

Satu rangka kerja risiko kredit telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada rangka kerja tadbir urus keseluruhan untuk mengukur, mengurangkan dan menguruskan risiko kredit, di mana pendedahan risiko dikawal dan diuruskan pada setiap peringkat proses kredit. Di peringkat kelulusan kredit, tahap kelulusan pihak berkuasa dan had telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan tertakluk kepada semakan berkala untuk menilai keberkesanan serta pematuhan. Untuk meningkatkan proses mengenal pasti risiko dan memastikan kualiti keseluruhan cadangan kredit, semakan kredit bebas dan penilaian risiko dijalankan oleh jabatan penilaian kredit yang berkaitan mengenai cadangan pembiayaan sebelum diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan.

Risiko yang terhasil daripada perubahan dalam kualiti kredit kekal sebagai ciri utama perniagaan Bank. Perubahan buruk dalam kualiti kredit pelanggan atau kemerosotan umum dalam keadaan ekonomi boleh menjejaskan pemulihan dan nilai aset Bank dan seterusnya prestasi kewangannya jua. Sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko kredit, satu mekanisme penarafan risiko kredit telah dilaksanakan untuk kedua-dua perniagaan dan juga pembiayaan pengguna. Model penarafan dalaman dikenali sebagai Penilaian Kredit Perniagaan ('BCR') dan Penilaian Kredit Pengguna ('CCR'). Sistem penarafan digunakan sebagai salah satu alat sokongan dalam proses membuat keputusan kredit dan dalam penilaian portfolio kredit, pemantauan dan pelaporan.

Bank memantau secara dekat pendedahan kreditnya berdasarkan kepada tumpuan dan segmen portfolio untuk memastikan bahawa pendedahan ini dibendung dalam lingkungan selera risiko dan tahap toleransi risiko yang diluluskan Lembaga. Kajian dan laporan analitikal

ini juga menyediakan asas bagi strategi pengurusan risiko dan penggubalan dasar dan dibentangkan kepada jawatankuasa pengurusan risiko pada setiap bulan.

Pengurusan risiko kredit dikawal oleh dasar-dasar yang berkaitan kredit, iaitu Polisi Risiko Kredit ('CRP') dan Garis Panduan untuk Polisi Risiko Kredit ('GCRP') dan prosedur operasi yang berkaitan. Dasar-dasar dan prosedur ini menggariskan polisi risiko yang sesuai dan had berhemat, penarafan risiko dan standard pengunderaitan pembiayaan, pihak yang diberi kuasa melulus, pengurangan risiko, mengkaji semula, pemulihan dan penstrukturan semula, dan peruntukan bagi pembiayaan lapuk. Dasar-dasar ini dikaji semula secara berkala dan dikemaskini untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian yang berterusan.

Risiko Pasaran & Pengurusan Aset-Liabiliti

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian akibat daripada pergerakan harga pasaran, khususnya perubahan kepada kadar keuntungan, kadar tukaran asing, harga ekuiti dan komoditi, yang mempunyai impak kepada kedudukan kunci kira-kira tidak seimbang Bank. Pengurusan Aset-Liabiliti ('ALM') merujuk kepada pengurusan kunci kira-kira yang selaras, merangkumi aset, liabiliti dan modal. Tumpuan utama ALM adalah pada prestasi keseluruhan yang diukur dari segi pendapatan bersih. Penentu utama pendapatan bersih adalah kedudukan keseluruhan pulangan risiko Bank.

Objektif utama pengurusan risiko pasaran dan Aset-Liabiliti adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran, supaya risiko pulangan Bank dapat dioptimumkan, di samping mengekalkan profil pasaran yang konsisten dengan pelan strategik Bank.

Bank mempunyai fungsi kawalan risiko pasaran yang bebas, bertanggungjawab untuk mengukur pendedahan risiko pasaran sejajar dengan dasar dan garis panduan yang ditetapkan. Unit ini melapor kepada Jawatankuasa Kerja ALCO pada setiap bulan untuk membincangan secara proaktif kunci kira-kira dan pengurusan modal Bank; dan

kemudiannya akan melanjutkan apa-apa cadangan dan keputusan kepada ERM, BRMC dan Lembaga Pengarah.

Risiko pasaran dan proses pengurusan Aset-Liabiliti Bank yang merangkumi kenal pasti risiko, ukuran, pengurangan, pengawasan dan laporan dikawal oleh Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Risiko & Pengurusan Aset-Liabiliti ('MRAPG') dan Penyata Dasar Buku Dagangan ('TBPS').

Kadar Pulangan Risiko

Kadar pulangan risiko merujuk kepada kebolehubahan aset-aset dan liabiliti bank yang terhasil daripada kadar penunjuk aras pasaran yang volatil, dan merujuk kepada buku urus niaga dan perbankan. Bank secara aktif menguruskan risiko-risiko seperti berikut:

Risiko-risiko	Definisi
Risiko Penentuan Semula Harga	Perbezaan masa dalam kematangan dan penentuan semula harga aset dan liabiliti Bank
Risiko Keluk Hasil	Anjakan keluk hasil yang tidak dijangka yang mempunyai kesan buruk ke atas pendapatan Bank dan nilai-nilai ekonomi
Risiko Asas	Terhasil dari hubungan yang tidak sempurna dalam pelarasan kadar yang diperolehi dan dibayar pada instrumen yang berbeza dengan ciri-ciri semakan semula harga yang sama
Pilihan	Risiko ini timbul daripada pilihan yang terdapat dalam aset Bank, liabiliti dan portfolio di luar kunci kira-kira
Risiko Komersial	Risiko yang mungkin dihadapi oleh Bank di bawah tekanan komersial untuk membayar pulangan lebih tinggi daripada kadar yang diperolehi dari aset yang dibiayai oleh pemegang akaun pelaburan

Perubahan dalam kadar pulangan boleh memberi kesan buruk pada kedua-dua pendapatan Bank dan nilai ekonomi. Dalam menilai dan menguruskan kadar pendedahan pulangan risiko, Bank melihat kepada dua perspektif, iaitu pendapatan berisiko ('EaR') dan perspektif

nilai ekonomi ekuiti ('EVE'). Di samping itu, Bank juga menggunakan pendekatan nilai berisiko ('VaR') untuk mengira kerugian maksimum yang dijangka daripada pelaburan dalam tempoh masa yang diberikan. Justeru, had toleransi risiko dibina di sepanjang ukuran sensitiviti bagi mengurus dan mengurangkan pendedahan risiko yang berkaitan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai kegagalan pihak Bank untuk menyediakan sumber-sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan, seterusnya yang membawa kepada ketidakupayaan untuk menyokong aktiviti perniagaan seperti biasa dan memenuhi keperluan peraturan kecairan yang ditetapkan.

Ini penting bagi Bank untuk memastikan terdapat tunai sedia ada yang mencukupi dan aset cair untuk memenuhi obligasi jangka pendek dan jangka panjang dan ini dijalankan melalui pengurusan aktif dan berkesan dalamimbangan kira-kira.

Fokus utama pengurusan kecairan Bank adalah untuk menilai semua aliran masuk berbanding aliran tunai keluar. Ini adalah untuk mengenal pasti sebarang kekurangan bersih untuk masa hadapan, termasuk keperluan pembiayaan untuk komitmen di luarimbangan kira-kira.

Bank memberi perhatian khusus kepada keupayaan untuk menampung sebarang kekurangan dalam kecairan sehingga tempoh masa satu bulan diikuti dengan penilaian jangka sederhana bagi kecairan sehingga satu tahun. Pengukur dan had yang digunakan untuk memantau dan menguruskan risiko kecairan adalah seperti yang ditetapkan di bawah rangka kerja kecairan BNM, iaitu Rangka Kerja Kecairan Baru (NLF), Nisbah Liputan kecairan (LCR) dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (NSFR). Untuk mengurangkan risiko, Bank menggunakan strategi kepelbagaian pembiayaan dan mewujudkan pelan kontingensi kecairan.

Untuk memastikan bahawa ia bersedia menghadapi

sebarang krisis kecairan, Bank telah menubuhkan satu rangka kerja pengurusan prakrisis yang membolehkan ia untuk mengenal pasti dengan cepat potensi krisis kecairan sebelum ia berlaku dan mempunyai mekanisme tindak balas krisis yang berstruktur dan tersedia. Proses ini melibatkan pemantauan yang berterusan pelbagai petunjuk yang bertindak sebagai isyarat amaran awal.

Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian akibat daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, sumber manusia dan sistem serta berpunca dari pelbagai faktor luaran. Objektif Pengurusan Risiko Operasi ('ORM') adalah untuk menguruskan risiko dengan berkesan untuk mengurangkan kerugian kewangan yang mungkin disebabkan oleh risiko-risiko operasi.

Bank telah mewujudkan sistem laporan Pengumpulan Data Pengurusan Insiden ('IMDC') di mana semua insiden kehilangan material, potensi kerugian atau insiden yang hampir terlepas pandang dilaporkan serta-merta. Laporan IMDC direka sebagai alat untuk membuat laporan dan mendapatkan maklumat mengenai semua kejadian yang boleh menimbulkan kerugian operasi, termasuk Syariah dan ketidakpatuhan peraturan.

Bank juga telah memulakan proses Penilaian Risiko dan Kawalan Sendiri (RCSA) yang berpendekatan ke hadapan dalam menilai risiko operasi untuk mengenal pasti dan menutup mana-mana jurang kawalan yang lazim dalam proses perniagaan. Di samping itu, Petunjuk Risiko Utama ('KRI') diserapkan ke dalam proses perniagaan untuk memudahkan pemantauan dan pengesanan pendedahan risiko operasi dari masa ke masa.

Pengurusan risiko operasi disasarkan untuk mencegah kejadian risiko dan kerosakan (dari segi proses dan kawalan pengurusan), dengan pengendalian situasi

kritikal (melalui pelan luar jangkaan dan pengurusan kesinambungan perniagaan ('BCM')) dan mengurangkan potensi kerugian (cagaran). Sistem dan kawalan pengurusan risiko yang digunakan adalah selaras dengan tahap risiko operasi dan prosedur standard operasi dalaman Bank. Dengan mewujudkan dan melaksanakan sistem kawalan prosedur yang sejajar dengan risiko-risiko, Bank menghadkan pendedahannya kepada tahap yang terkawal mengikut selera risiko Bank.

Berhubung dengan pengurusan risiko operasi, organ-organ risiko utama yang memainkan peranan penting dalam rangka kerja keseluruhan pengurusan risiko bersepadu adalah Unit Pengurusan Risiko Operasi, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi ('ORMC'), Audit Dalaman, Pematuhan dan Unit Perniagaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC)

ORMC terdiri daripada ketua-ketua jabatan unit perniagaan/sokongan, yang secara kolektif bertanggungjawab bagi pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi dalam Bank. ORMC bermesyuarat setiap bulan untuk mempertimbangkan, mengkaji dan mencadangkan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan risiko operasi. Antara tanggungjawab ORMC adalah untuk:

- Menilai dan mengesyorkan selera risiko operasi.
- Melapor risiko operasi material dan kejadian kerugian kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan untuk pengawasan dan untuk mereka membuat keputusan.
- Menyelia kecukupan strategi pengurangan risiko operasi Bank.
- Memastikan laporan risiko berjadual unit perniagaan/sokongan disediakan tepat pada masanya dan mengikut rangka kerja pengurusan risiko operasi.
- Mengkaji secara berkala kecukupan polisi pengurusan risiko operasi, kawalan dan sistem dalam Bank.

Pengurusan Risiko Syariah

Risiko pematuhan Syariah ditakrifkan sebagai risiko yang timbul daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang ditentukan oleh pihak majlis kawal selia atau jawatankuasa Syariah.

Mengikut keperluan kawal selia BNM seperti yang digariskan di bawah Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ('SGF') bagi Institusi Kewangan Islam, Bank telah menubuhkan Unit Pengurusan Risiko Syariah ('SRMU') pada Mei 2011 dalam rangka kerja pengurusan risiko bersepadu. Bertanggungjawab untuk pengurusan risiko Syariah, SRMU perlu memastikan bidang-bidang risiko Syariah, yang berhubungkait dengan risiko operasi, risiko kredit dan risiko pasaran, dikenal pasti proaktif, dinilai dan dikawal, dan kemudiannya dilaporkan kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah tepat pada masanya.

Tanggungjawab umum SRMU adalah:

- Menggubal dasar dan garis panduan mengenai pengurusan risiko pematuhan Syariah.
- Mengenal pasti dan menilai risiko pematuhan Syariah dalam operasi perniagaan dan aktiviti-aktiviti serta produk dan perkhidmatan.
- Menilai keberkesanan kawalan yang sedia ada dan mencadangkan kawalan yang sesuai atau pelan pengurangan.
- Memantau risiko pematuhan Syariah dan melaporkan secara berkala risiko berkenaan kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan Pengurusan.
- Mengenal pasti sebarang keuntungan yang bakal diperoleh daripada operasi perniagaan dan aktiviti-aktiviti yang tidak boleh diiktiraf sebagai pendapatan halal (yang sah dalam Syariah) kepada Bank disebabkan ketidak patuhan terhadap syarat-syarat Syariah.
- Merangka prosedur pembersihan pendapatan tidak halal dan memantau proses nyah-pengiktirafan.



- Menjalankan program latihan dan kesedaran mengenai risiko pematuhan Syariah untuk memupuk budaya mementingkan risiko patuh Syariah.
- Menilai produk baru dan prosedur operasi yang baru / sedia ada dari perspektif risiko pematuhan Syariah

Pengurangan risiko untuk risiko Syariah yang wujud meliputi usaha mengurangkan kebarangkalian / kemungkinan atau akibat daripada ancaman. Risiko Syariah boleh dielakkan apabila Bank enggan menerima perkara yang melibatkan risiko dengan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang tidak patuh Syariah yang akan membawa kepada kerugian kewangan yang disebabkan pendapatan tidak patuh Syariah.

Secara amnya, pengurusan dan pengurangan risiko Syariah dijalankan dan dikawal oleh Rangka Kerja Pengurusan dan Pematuhan Syariah, Garis Panduan pada Kelulusan Produk Baru dan dasar, prosedur serta keputusan umum yang berkaitan risiko pengurusan Syariah.

Pengurusan Risiko Reputasi

Risiko reputasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada persepsi negatif terhadap imej Bank oleh orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan.

Bank mengakui bahawa risiko reputasi, yang boleh memberi kesan buruk kepada nilai pemegang saham berlaku akibat daripada kegagalan untuk menguruskan semua jenis risiko secara berkesan. Bank meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap tadbir urus risiko secara keseluruhan dan khususnya dalam memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip Syariah. Sebagai institusi kewangan Islam sepenuhnya, persepsi negatif pada pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain boleh merosakkan jenama dan membawa kesan buruk yang lain.

Pengurusan reputasi risiko merupakan tanggungjawab setiap individu dalam organisasi, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan komersial dalam fungsi dan bidang perniagaan masing-masing.

Penyata Pematuhan

Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) adalah institusi kewangan Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengiktiraf undang-undang dan peraturan yang dikenakan oleh pelbagai agensi kawal selia seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Syarikat-Syarikat Malaysia (SSM) dipatuhi, diurus secara proaktif dan berkesan dengan budaya pematuhan bagi semua aktiviti perniagaan Bank.

Mengurus keperluan pematuhan kawal selia yang semakin berkembang dan memastikan pematuhan Bank terhadap keperluan dilakukan secara strategik dan sistematik, memandangkan kesan ketidakpatuhan tidak terhad kepada sekatan undang-undang dan sekatan dari pengawal selia, tetapi juga potensi kerugian kewangan dan terjejasnya reputasi Bank. Memandangkan agensi kawal selia berusaha menambahbaik tadbir urus dan membina sistem kewangan yang mantap dan berdaya tahan, mereka dari semasa ke semasa, memperkenalkan atau mengubah dan mempelbagai keperluan kawal selia dan garis panduan yang dikenakan ke atas institusi kewangan.

Ditakrifkan sebagai pematuhan terhadap peraturan berkanun, polisi dalaman dan prosedur termasuk kod tatalaku Bank, peraturan dan piawaian Syariah yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perbankan Bank.

Untuk menguruskan risiko pematuhan dengan lebih baik, Rangka Kerja Pematuhan dan Piagam Pematuhan (Rangka Kerja) yang berkaitan dengan strategi, pendekatan dan proses Bank untuk memastikan pematuhan kepada peraturan berkanun, operasi dan keperluan Syariah dibangunkan dan digunakan oleh Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan.

Objektif rangka kerja itu antara lain bertujuan:

- Mengenal pasti dan menguruskan risiko dan tanggungan-tanggungan pematuhan
- Mengelakkan insiden ketidakpatuhan

- Mengesan insiden ketidakpatuhan pada masa yang tepat
- Memberi maklum balas dan menyelesaikan insiden ketidakpatuhan secara berkesan dengan segera
- Menerap budaya pematuhan ke seluruh Bank

Pembinaan Rangka Kerja berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Komitmen untuk mematuhi keperluan kawal selia yang relevan dan memastikan operasi, polisi dalaman dan prosedur, kod dan standard tatalaku diguna pakai dalam aktiviti bank selari dengan keperluan kawal selia.
- Perkongsian tanggungjawab bagi pematuhan undang-undang berdasarkan konsep tiga (3) barisan pertahanan:
 - Barisan pertahanan pertama – pengurusan, unit perniagaan dan unit sokongan adalah pihak utama yang bertanggungjawab untuk pengurusan risiko dan tanggungan-tanggungan pematuhan dan penyampaian hasil pematuhan.
 - Barisan pertahanan kedua – Jabatan Pematuhan akan mengawas, mengkoordinasi, dan menyediakan runding cara dan pengesahan pematuhan undang-undang Bank.
 - Barisan pertahanan ketiga – Jabatan Audit Dalaman akan menyediakan jaminan berkecuali kepada Lembaga Pengarah bahawa keseluruhan Rangka Kerja Pematuhan beroperasi seperti yang sepatutnya.
- Penetapan fungsi pematuhan menyelaras dan mengkoordinasi pengurusan risiko pematuhan dan melaksanakan program pematuhan di seluruh Bank untuk memastikan kecekapan operasi Rangka Kerja Pematuhan; dan

- Menerapkan Rangka Kerja Pematuhan dalam operasi Bank, menjadikan pengurusan risiko pematuhan sebahagian penting daripada aktiviti-aktiviti perniagaan Bank.

Pihak Lembaga dan Pengurusan Bank berikrar untuk memastikan pelaksanaan elemen-elemen dan proses utama seperti berikut bagi budaya pematuhan yang efektif:

- **Prinsip kepimpinan**

- Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan komited sepenuhnya untuk memastikan risiko dan tanggungan-tanggungan pematuhan diuruskan secara berkesan
- Pengurusan di semua peringkat terlibat dalam membina dan mengekalkan budaya pematuhan
- Memperuntukkan sumber yang mencukupi dan sesuai untuk pogram pematuhan

- **Prinsip budaya**

- Budaya pematuhan digalakkan secara meluas di bank; dan
- Amalan yang membina dan menyokong pematuhan adalah digalakkan dan amalan yang mengkompromi pematuhan tidak diterima.

- **Prinsip komunikasi dan latihan**

- Kecekapan pematuhan dan keperluan latihan (secara meluas di Bank) dikenal pasti dan ditangani; dan
- Pengetahuan dan kesedaran pematuhan terus diperkukuhkan dan dimaklumkan kepada semua.

- **Prinsip Penilaian dan identifikasi risiko pematuhan**

- Risiko-risiko dan tanggungan-tanggungan pematuhan dikenal pasti secara proaktif; dan
- Sistem amaran awal diwujudkan untuk mengenal pasti tanggungan-tanggungan pematuhan yang berubah dan baru.

- **Prinsip Pengurusan Pematuhan dan Pengurangan**
 - Polisi-polisi yang berkesan, kawalan dalaman dan proses diwujudkan untuk mengurangkan risiko ketidakpatuhan
 - Polisi dan prosedur sentiasa diwar-warkan untuk memastikan kedua-duanya difahami
 - Terdapat pengawasan pengurusan terhadap kawalan operasi dan pematuhan keseluruhan
- **Prinsip Pemantauan Pematuhan**
 - Prestasi kawalan pematuhan dan program pematuhan dipantau, dinilai dan dilaporkan
 - Program pematuhan kerap dikaji dan ditambah baik secara berterusan.
- **Prinsip resolusi dan laporan pematuhan**
 - Mekanisme yang sesuai diwujudkan dan dikekalkan untuk mengenal pasti, memperolehi, memperhebat, menganalisis dan memberi maklum balas terhadap isu-isu berbangkit atau ketidakpatuhan yang berkaitan dengan tanggungan-tanggungan pematuhan.

PEMATUHAN ANTI-PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (AML/CFT).

Pengubahan Wang Haram semakin membimbangkan di beberapa bidang kuasa terutamanya di kebanyakan sektor perkhidmatan kewangan yang baru. Penjenayah memanfaatkan kelemahan sistem kewangan dalam usaha untuk melindungi asal sebenar hak milik dan hasil kutipan daripada aktiviti jenayah atau yang melanggar undang-undang. Walau bagaimanapun bukan semua aktiviti pengganas dibiayai melalui sumber haram, tetapi kaedah yang digunakan untuk menyulitkan dana hampir sama. Oleh yang demikian, kerajaan dan pihak berkuasa lain, di pelbagai bidang kuasa telah berusaha untuk memperkukuh perundangan dan kawal selia yang sedia ada untuk menghapuskan atau mengurangkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebaliknya, jika ini dibiarkan tanpa ditangani, ia akan menggalakkan aktiviti jenayah secara berterusan dan

akhirnya melemahkan asas sosial dan standard etika masyarakat.

Bank juga mengiktiraf secara jelas kepentingan mengekalkan usaha dan inisiatif berterusan untuk membantu Kerajaan dan BNM dalam memerangi pengubahan wang haram serta pembiayaan aktiviti keganasan menerusi penggunaan sistem perbankan. Dengan memastikan infrastruktur dan proses tersedia, Bank telah mempamerkan komitmen dan sokongan penuhnya dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan, 2001 (AMLATFA) sebagai salah satu tanggungjawab Institusi yang Melapor (RI). Asas utama infrastruktur ini adalah Dasar AML/CFT dan Garis Panduan Dalaman yang menetapkan perkara berikut:

- Peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban kakitangan dalam menangani aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Pendidikan dan latihan yang kerap untuk memupuk kesedaran di kalangan kakitangan mengenai kepentingan AML/ CFT supaya membantu dalam mencegah dan mengesan aktiviti yang mencurigakan;
- Proses *Due Dilligence* pelanggan untuk mengenal pasti dan memprofil pelanggan secara proaktif berdasarkan kepada kriteria utama yang terpilih
- Penggunaan pangkalan data yang dilanggan dan sistem maklumat pengurusan untuk penapisan transaksi pelanggan secara berterusan dalam usaha mengesan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan kepada Unit Perisikan Kewangan (FIU) dan BNM, dilakukan tepat pada masanya;
- Membantu agensi penguatkuasaan dalam menyediakan maklumat yang diperlukan dan transaksi yang mencurigakan tepat pada masanya;

- Memastikan penyimpanan rekod untuk semua pengenalan dan butiran transaksi sejajar dengan keperluan berkanun;
- Platform untuk memajukan dan membincangkan isu yang berkisar sekitar AML/CFT dengan Pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah pada setiap bulan, dalam usaha menegakkan komitmen dan meningkatkan fungsi pemantauan;
- Semakan bebas yang kerap oleh pihak dalaman dan luar untuk menilai kecukupan dan

keberkesanan kawalan dalaman serta keadaan pematuhan terhadap dasar dan garis panduan; dan

- Penguatkuasaan tindakan disiplin yang sewajarnya secara ketat, berdasarkan prosedur disiplin yang telah ditetapkan ke atas kakitangan yang didapati melanggar dasar dan garis panduan berkaitan.

Kesemua entiti, unit perniagaan dan cawangan dalam Bank amat komited untuk mematuhi Dasar dan Garis Panduan AML/ CFT, serta peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.





Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah ia memuliakan tamunya.”
[Riwayat Abu Hurairah ra.]

Orientasi perkhidmatan memacu cabaran







Penyata Kewangan

Kandungan

Laporan Pengarah

Penyata Pengarah

Akuan Berkanun

Laporan Jawatankuasa Syariah

Laporan Juruaudit Bebas

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Pendapatan

Penyata Pendapatan Komprehensif

Gabungan Penyata Perubahan Ekuiti

Penyata Perubahan Ekuiti

Penyata Aliran Tunai

Nota kepada Penyata Kewangan

Penyata Kewangan

Laporan Pengarah

Pengarah-pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2013.

Aktiviti utama

Aktiviti utama Bank ialah perbankan Islam dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.

Aktiviti utama subsidiarinya adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 11 yang mengiringi penyata kewangan ini.

Pada tahun kewangan ini, tiada perubahan penting dalam aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun ini	167,936	167,186

Tiada pindahan yang ketara, daripada rizab atau peruntukan atau sebaliknya sepanjang tahun kewangan ini kecuali yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

Pada hemat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, transaksi atau peristiwa penting dan luarbiasa selain daripada penerimaan pakai kali pertama Rangka Kerja Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan perubahan dalam dasar perakaunan seperti yang dibentangkan dalam Nota 2.2 penyata kewangan.

Rangka Kerja MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") mematuhi sepenuhnya Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") yang terdiri daripada piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012.

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytiharkan oleh Bank sejak akhir tahun kewangan yang lepas.

Di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen kasar akhir untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 sebanyak 26.0 sen setiap unit saham, tolak cukai sebanyak 25% ke atas 1,000,000,000 Saham Biasa, yang dijumlahkan dalam dividen berbayar sebanyak RM195,000,000 akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak memperlihatkan dividen tersebut. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh pemegang saham, ianya akan dikira dalam ekuiti sebagai satu pengagihan keuntungan terkumpul pada tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2014.

Tertakluk kepada kelulusan pemegang saham, dividen akhir yang dicadangkan akan dilabur semula ke dalam Bank melalui langganan saham biasa baru dan berbayar sebanyak RM195,000,000 pada RM 1 sesaham mengikut pemilikan saham masing-masing.

PENGARAH-PENGARAH

Nama pengarah-pengarah Bank yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid

Tuan Haji Ismail Ibrahim

Tuan Haji Abdul Jabbar Abdul Majid

Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Tuan Haji Mohd Izani Ghani

Dato' Azmi Abdullah

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff

Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh

(dilantik pada 27 Ogos 2012)

Dato' Mohamed Hazlan Mohamed Hussain

(dilantik pada 27 Ogos 2012)

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil

(meletakkan jawatan pada 4 Julai 2012)

Dato' Lukman Ibrahim

(meletakkan jawatan pada 29 Ogos 2012)

KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, kepentingan pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan dalam saham Bank dan syarikat yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 sesaham			
	Pada 1.4.2012 / pada tarikh perlantikan	Diperoleh	Pelupusan	Pada 31.3.2013
Kepentingan dalam DRB-Hicom Berhad, syarikat induk: Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh	3,500	-	-	3,500

Menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini yang mempunyai kepentingan dalam saham Bank atau syarikat yang berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan ini.

MANFAAT PENGARAH-PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan ataupun sepanjang tempoh tersebut, tiada terdapat apa-apa aturan yang Bank merupakan pihak yang mana pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham di dalam Bank atau dalam debentur Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada pengarah yang menerima atau berhak untuk menerima manfaat (melainkan manfaat yang terangkum dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau yang belum diterima dan akan diterima oleh pengarah-pengarah tersebut atau gaji tetap kakitangan Bank sepenuh masa seperti yang ditunjukkan dalam Nota 32 dalam penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat yang berkaitan dengan mana-mana pengarah atau firma yang beliau adalah ahlinya, atau dengan syarikat yang beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara kecuali bagi pengarah tertentu yang menerima imbuhan daripada subsidiari kepada syarikat induk.

MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN

- (a) Sebelum penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, pengarah-pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang lapuk dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat diperolehi seperti yang tercatat dalam rekod perakaunan dalam urus niaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan:
 - (i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk, atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; dan
 - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan atau Bank adalah mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan yang timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah yang digunakan untuk penilaian aset atau liabiliti yang sedia ada bagi Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan, melainkan apa yang telah pun diuruskan dalam laporan atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang akan menyebabkan apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) apa-apa gadaian ke atas aset Kumpulan atau Bank sejak akhir tahun kewangan yang menyebabkan liabiliti mana-mana pihak lain; atau
 - (ii) apa-apa liabiliti Kumpulan dan Bank yang tidak timbul dan yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan selain daripada yang termasuk sepanjang perjalanan urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Bank.
- (f) Pada pendapat pengarah-pengarah:
- (i) tiada luar jangkaan atau liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan ini yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Bank untuk menunaikan kewajipan mereka apabila tiba masanya untuk disempurnakan; dan
 - (ii) tiada butiran, urus niaga atau peristiwa yang penting atau luar biasa telah timbul dalam tempoh waktu antara akhir tahun kewangan semasa dengan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Bank dengan ketaranya pada tahun kewangan.

PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA MENGENAI PELAPORAN KEWANGAN

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Penyata Kewangan telah dipatuhi, termasuk yang dinyatakan dalam Garis Panduan mengenai Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan dan Garis Panduan bagi Pengelasan dan Peruntukan Rosotnilai bagi Pinjaman/Pembiayaan.

PERISTIWA PENTING DAN PERISTIWA BERIKUTAN

Tiada peristiwa penting dan peristiwa berikutan sepanjang tahun, selepas tarikh penyata kedudukan kewangan sehingga tarikh penyata kewangan yang telah diluluskan untuk diterbitkan.

TINJAUAN PERNIAGAAN 2012/2013

Liabiliti-liabiliti lain	164,422	-	-	164,422	-	-	164,422
Peruntukan untuk zakat dan cukai	5,228	-	-	5,228	-	-	5,228
Pembiayaan yang dijual dengan rekursa kepada Cagamas	-	-	364,373	364,373	-	-	364,373
Sukuk subordinat	251,128	-	-	251,128	-	-	251,128
Jumlah Liabiliti	16,953,922	-	364,373	17,318,295	-	-	17,318,295
Ekuiti Pemegang Saham							
Modal saham	1,000,000	-	-	1,000,000	-	-	1,000,000
Rizab	361,287	(13,144)	-	348,143	-	-	348,143
Jumlah Ekuiti Pemegang Saham	1,361,287	(13,144)	-	1,348,143	-	-	1,348,143
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemegang Saham	18,315,209	(13,144)	364,373	18,666,438	-	-	18,666,438

2. **Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)**

2.3 **Kesan kewangan daripada penerimaan pakai Rangka Kerja MFRS dan perubahan dalam dasar perakaunan (samb.)**

(d) Penyelarasan penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2012

Bank	FRS pada	Nota	Nota	Kesan	Nota	Nota	MFRS pada
	31 Mac 2012	2.2(c)(i)	2.2(c)(ii)	setelah penggunaan MFRS	2.2(d)(i)	2.2(d)(ii)	31 Mac 2012
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset							
Wang tunai dan dana jangka pendek	4,391,223	-	-	4,391,223	-	-	4,391,223
Tunai dan penempatan dengan institusi kewangan	110,333	-	-	110,333	-	-	110,333
Pelaburan kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	-	-	-	-	45,972	-	45,972
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	6,139,218	-	-	6,139,218	-	-	6,139,218
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	74,494	-	-	74,494	(45,972)	-	28,522
Aset kewangan derivatif Islam	4,150	-	-	4,150	-	-	4,150
Pembiayaan pelanggan	9,050,805	(39,122)	64,910	9,076,593	-	-	9,076,593
Aset-aset lain	37,394	-	-	37,394	-	-	37,394
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	527,721	-	-	527,721	-	-	527,721
Pelaburan dalam subsidiari	6,384	-	-	6,384	-	-	6,384
Aset tidak ketara	-	-	-	-	-	19,133	19,133
Hartanah, loji dan peralatan	81,072	-	-	81,072	-	(19,133)	61,939
Pembayaran prabayar pajakan tanah	251	-	-	251	-	-	251
Aset cukai tertunda (bersih)	52,353	9,780	-	62,133	-	-	62,133
Jumlah Aset	20,475,398	(29,342)	64,910	20,510,966	-	-	20,510,966

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.3 Kesan kewangan daripada penerimaan pakai Rangka Kerja MFRS dan perubahan dalam dasar perakaunan (samb.)

(d) Penyelarasan penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2012 (samb.)

Bank	FRS pada 31 Mac 2012	Nota 2.2(c)(i)	Nota 2.2(c)(ii)	Kesan setelah penggunaan MFRS	Nota 2.2(d)(i)	Nota 2.2(d)(ii)	MFRS pada 31 Mac 2012
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Liabiliti							
Deposit daripada pelanggan	18,158,747	-	-	18,158,747	-	-	18,158,747
Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan institusi kewangan yang lain	11,896	-	-	11,896	-	-	11,896
Bil dan penerimaan belum dibayar	310,324	-	-	310,324	-	-	310,324
Liabiliti kewangan derivatif Islam	5,630	-	-	5,630	-	-	5,630
Liabiliti-liabiliti lain	133,218	-	-	133,218	-	-	133,218
Peruntukan untuk zakat dan cukai	20,511	-	-	20,511	-	-	20,511
Pembiayaan yang dijual dengan rekursa kepada Cagamas	-	-	64,910	64,910	-	-	64,910
Sukuk subordinat	406,079	-	-	406,079	-	-	406,079
Jumlah Liabiliti	19,046,405	-	64,910	19,111,315	-	-	19,111,315
Ekuiti Pemegang Saham							
Modal saham	1,000,000	-	-	1,000,000	-	-	1,000,000
Rizab	428,993	(29,342)	-	399,651	-	-	399,651
Jumlah Ekuiti Pemegang Saham	1,428,993	(29,342)	-	1,399,651	-	-	1,399,651
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemegang Saham	20,475,398	(29,342)	64,910	20,510,966	-	-	20,510,966

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.3 Kesan kewangan daripada penerimaan pakai Rangka Kerja MFRS dan perubahan dalam dasar perakaunan (samb.)

(e) Penyelarasan penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Mac 2012

Kumpulan	FRS pada	Pelarasan	MFRS pada
	31 Mac 2012		31 Mac 2012
	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan daripada pelaburan dana pendeposit dan lain-lain	838,499	-	838,499
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pemegang saham	55,092	-	55,092
Peruntukan bagi kerugian pembiayaan	(41,451)	(21,596)	(63,047)
Baikpulih rosotnilai ke atas pelaburan	10,317	-	10,317
Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pelaburan pendeposit dan dana pemegang saham	(20,752)	-	(20,752)
Jumlah Pendapatan Boleh Diagihkan	841,705	(21,596)	820,109
Pendapatan diagihkan kepada pendeposit	(364,565)	-	(364,565)
Jumlah pendapatan bersih	477,140	(21,596)	455,544
Perbelanjaan kakitangan	(170,947)	-	(170,947)
Overhed dan perbelanjaan lain	(158,571)	-	(158,571)
Kos pembiayaan	(23,478)	458	(23,020)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	124,144	(21,138)	103,006
Zakat	(3,087)	-	(3,087)
Cukai	(36,073)	5,398	(30,675)
Keuntungan bersih bagi tahun	84,984	(15,740)	69,244
Komprehensif lain pendapatan / (kerugian):			
Kerugian bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(24,215)	-	(24,215)
Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	8,159	-	8,159
Rizab turun naik pertukaran mata wang	(470)	-	(470)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, bersih cukai	(16,526)	-	(16,526)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	68,458	(15,740)	52,718

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.3 Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan Rangka Kerja MFRS dan perubahan dalam dasar perakaunan (samb.)

(f) Penyelarasan penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Bank bagi tahun berakhir 31 Mac 2012

Bank	FRS Pada	Pelarasan	MFRS Pada
	31 Mac 2012		31 Mac 2012
	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan daripada pelaburan dana pendeposit dan lain-lain	838,499	-	838,499
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pemegang saham	54,401	-	54,401
Peruntukan bagi kerugian pembiayaan	(47,451)	(21,596)	(69,047)
Baikpulih rosotnilai ke atas pelaburan	16,217	-	16,217
Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pelaburan pendeposit dan dana pemegang saham	(20,752)	-	(20,752)
Jumlah Pendapatan Boleh Diagihkan	840,914	(21,596)	819,318
Pendapatan diagihkan kepada pendeposit	(364,736)	-	(364,736)
Jumlah pendapatan bersih	476,178	(21,596)	454,582
Perbelanjaan kakitangan	(170,256)	-	(170,256)
Overhed dan perbelanjaan lain	(159,204)	-	(159,204)
Kos pembiayaan	(23,231)	-	(23,231)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	123,487	(21,596)	101,891
Zakat	(3,087)	-	(3,087)
Cukai	(36,030)	5,398	(30,632)
Keuntungan bersih bagi tahun	84,370	(16,198)	68,172
Komprehensif lain pendapatan / (kerugian):			
Kerugian bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(24,353)	-	(24,353)
Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	8,159	-	8,159
Rizab turun naik pertukaran mata wang	(470)	-	(470)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, bersih cukai	(16,664)	-	(16,664)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	67,706	(16,198)	51,508

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan subsidiarinya pada 31 Mac 2013.

Penyata kewangan subsidiari Bank disediakan untuk tarikh yang sama dengan tarikh pelaporan Bank, menggunakan dasar perakaunan yang konsisten bagi transaksi dan peristiwa yang berkeadaan sama. Subsidiari disatukan dari tarikh pemerolehan, tarikh Bank mendapat kuasa kawalan dan terus bersatu sehingga tarikh kuasa kawalan tersebut dihentikan. Kawalan ini dicapai apabila Bank mempunyai kuasa untuk mengurus tadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti iaitu mendapat faedah daripada kegiatan-kegiatananya.

Semua baki pendapatan dan perbelanjaan dalam Kumpulan, dan keuntungan dan kerugian tidak direalisasi hasil daripada transaksi dalam Kumpulan dikeluarkan sepenuhnya.

Pemerolehan anak-anak syarikat diambil kira menggunakan kaedah pembelian. Aset diperolehi yang boleh dikenalpasti dan liabiliti serta liabiliti luar jangkaan yang diandaikan dalam kombinasi perniagaan pada asalnya diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehannya. Pelarasan kepada nilai saksama tersebut yang berkaitan dengan kepentingan yang dipegang sebelumnya dianggap sebagai satu penilaian semula dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Kos sesuatu pemerolehan diukur sebagai agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset yang diberi, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan, dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan. Kos berkaitan pemerolehan adalah perbelanjaan yang digunakan dan dimasukkan ke dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang lebihan daripada kos pemerolehan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan direkodkan sebagai muhibah dalam penyata kedudukan kewangan. Dasar perakaunan untuk muhibah dijelaskan dalam Nota 2.5(c). Sebarang lebihan daripada saham Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan anak-anak syarikat atas kos pemerolehan diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian pada tarikh pemerolehan.

Kepentingan bukan-kawalan ("NCI") mewakili bahagian daripada keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam anak-anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan dan dibentangkan secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian Kumpulan dan dalam ekuiti di dalam penyata bersatu kedudukan kewangan.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan anak syarikat, tanpa kehilangan kawalan, dikira sebagai satu transaksi ekuiti. Sekiranya Kumpulan hilang kawalan ke atas sesebuah anak syarikat, ia:

- Tidak mengiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti anak syarikat pada kos tolak rosotnilai;
- Tidak mengiktiraf jumlah kos tolak rosotnilai untuk apa-apa kepentingan bukan-kawalan dalam mantan anak syarikat;
- Tidak mengiktiraf perbezaan terjemahan pertukaran asing kumulatif yang direkodkan dalam ekuiti;
- Mengiktiraf nilai saksama pertimbangan yang diterima;
- Mengiktiraf nilai saksama apa-apa pelaburan yang dikekalkan dalam mantan anak syarikat;
- Mengiktiraf apa-apa lebihan atau defisit dalam keuntungan atau kerugian; dan
- Mengklasifikasi semula bahagian dalam komponen syarikat induk yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kepada keuntungan atau kerugian atau perolehan tersimpan, jika perlu sejajar dengan MFRS yang lain.

Kesemua yang di atas akan dikira dari tarikh hilang kuasa kawalan.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)**2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)****2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting****(a) Pelaburan dalam subsidiari**

Subsidiari adalah entiti yang Kumpulan mempunyai keupayaan untuk mengawal dasar kewangan dan operasi bagi meraih manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan pada ketika ini dipertimbangkan semasa memutuskan sama ada Kumpulan mempunyai kawalan ke atas entiti lain.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat Bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan dan Bank mempunyai pengaruh penting dan ianya bukan anak syarikat ataupun syarikat usahasama. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan berhubung dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilabur tetapi tidak mempunyai kuasa kawalan mahupun kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Dalam penyata kewangan berasingan Bank, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai. Bagi pelupusan pelaburan seumpamanya, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah kos tolak rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira di dalam penyatuan penyata kewangan Kumpulan menggunakan kaedah ekuiti. Syarikat bersekutu merupakan ekuiti yang dikira dari tarikh Kumpulan mendapat pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu.

Dalam mengguna pakai kaedah ekuiti, kepentingan dalam syarikat bersekutu adalah pada kos yang diselaraskan untuk perubahan selepas pemerolehan dalam bahagian Kumpulan pada aset bersih syarikat bersekutu tersebut. Muhibah berkaitan dengan syarikat bersekutu tersebut dimasukkan dalam jumlah kos yang ditolak rosotnilai pelaburan dan tidak dilunaskan atau diuji secara individu untuk kemerosotan.

Penyatuan penyata pendapatan mencerminkan bahagian Kumpulan daripada operasi syarikat bersekutu. Di mana ada perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan juga mengiktiraf perubahan tersebut dan membentangnya, dimana perlu, dalam penyata perubahan dalam ekuiti. Keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi hasil daripada transaksi antara Kumpulan dan syarikat bersekutu disingkir ke tahap kepentingan dalam syarikat bersekutu tersebut. Bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan daripada syarikat bersekutu ditunjukkan di muka hadapan dalam penyata pendapatan yang disatukan dan mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan dalam anak-anak syarikat bagi syarikat bersekutu

(c) Muhibah

Muhibah pada mulanya diukur pada kos. Berikutan daripada pengiktirafan pertama, muhibah diukur pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah yang diperoleh diagihkan, mulai dari tarikh pemerolehan, kepada setiap unit penjanaan tunai yang dijangka meraih manfaat daripada sinergi gabungan tersebut.

Unit penjanaan tunai yang mana muhibah telah diagihkan diuji untuk rosotnilai setiap tahun dan apabila terdapat petanda bahawa unit penjanaan tunai tersebut mungkin dikurang nilainya, dengan membandingkan jumlah dibawa unit penjanaan tunai termasuk muhibah yang diagihkan, dengan jumlah yang boleh didapatkan kembali unit menjana tunai tersebut. Apabila jumlah dalam unit penjanaan tunai yang boleh didapatkan kembali adalah kurang daripada jumlah dibawa, rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi muhibah tidak boleh dikebalikkan dalam tempoh-tempoh berikutnya.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(c) Muhibah (samb.)

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit menjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit menjana tunai tersebut dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi tersebut semasa menentukan untung atau rugi daripada pelupusan operasi tersebut. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama relatif operasi yang dilupuskan dengan bahagian unit menjana tunai yang disimpan.

(d) Aset kewangan

(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya

Kumpulan dan Bank menentukan pengelasan aset kewangan mereka pada pengiktirafan permulaan, dan kategorinya termasuk aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), pembiayaan dan belum terimaan, dipegang hingga matang ("HTM") dan tersedia untuk jualan ("AFS").

Pengelasan aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung pada tujuan dan niat pengurusan memperoleh aset kewangan tersebut dan juga ciri-cirinya. Kesemua aset kewangan diiktiraf di awalnya pada nilai saksama termasuk kos transaksi secara langsung, melainkan dalam kes aset kewangan yang direkodkan pada FVTPL.

Kumpulan dan Bank menentukan pengelasan aset kewangan mereka pada pengiktirafan permulaan, seperti butiran yang dibentangkan di bawah.

1) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urusan niaga ("HFT") dan aset kewangan yang ditetapkan di peringkat awal pada FVTPL. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk urusan niaga adalah derivatif (termasuk derivatif terbenam berasingan) atau sekiranya ianya diperoleh bagi tujuan penjualan dalam masa yang terdekat.

Bagi aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL, kriteria berikut perlu dipenuhi pada pengiktirafan awal:

- penentuan menyingkir atau mengurangkan dengan ketara ketidaktekalannya yang mungkin timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau pengiktirafan keuntungan atau kerugian ke atasnya pada asas yang berbeza, atau
- aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang diurus dan prestasinya dinilai pada nilai saksama sejajar dengan strategi pengurusan risiko atau pelaburan yang didokumenkan dan maklumat mengenai Kumpulan disediakan secara dalaman atas dasar itu kepada kakitangan pengurusan utama entiti.

Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang untuk urusan niaga dan aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Untung bersih atau rugi bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian tidak termasuk perbezaan pertukaran, keuntungan dan dividen pendapatan. Perbezaan pertukaran, keuntungan dan dividen pendapatan. Perbezaan pertukaran, keuntungan dan dividen pendapatan ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

2) Pembiayaan dan jumlah belum terima

Pembiayaan dan jumlah belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset pembiayaan yang dikelaskan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki dengan bank, pembiayaan, pendahuluan dan beberapa jumlah belum terima yang lain. Aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga langsung dan tokokan, dan seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah keuntungan efektif.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)**2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)****2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)****(d) Aset Kewangan (samb.)****(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (samb.)****3) Pelaburan kewangan yang dipegang hingga matang**

Aset dipegang hingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan dan tempoh matang apabila Bank mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan pertama, pelaburan yang dipegang hingga matang diukur pada kos yang terlunas dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan, setelah ditolak rosotnilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pemerolehan dan yuran yang menjadi bahagian penting pada kadar keuntungan efektif. Pelunasan, kerugian yang timbul daripada rosotnilai dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan pelaburan seumpamanya itu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

4) Pelaburan kewangan tersedia untuk jualan

Aset yang tersedia untuk jualan adalah aset kewangan yang disifatkan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak dikelaskan dalam mana-mana tiga kategori yang terdahulu.

Pelaburan yang tersedia untuk dijual termasuk aset kewangan yang dihasrat untuk dipegang dalam tempoh yang tidak ditetapkan, yang mungkin dijual sebagai tindak balas kepada keperluan mudah tunai atau perubahan dalam keadaan pasaran.

Selepas pengiktirafan yang pertama, aset kewangan yang tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Apa-apa untung atau rugi daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali rosotnilai, keuntungan pertukaran asing dan kerugian atas instrumen kewangan dan untung yang dikira dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan sebagai pelarasan pengelasan semula apabila aset kewangan yang tersedia untuk dijual tidak diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak dapat diukur secara andal diukur pada kos tolak rosotnilai.

Dividen daripada instrumen ekuiti yang tersedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran telah disahkan.

(ii) Nyahiktiraf

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila:

- Hak untuk menerima aliran tunai dari aset telah tamat tempoh
- Kumpulan dan Bank telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau menggalas kewajipan untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan kepada pihak ketiga di bawah pengaturan secara "melalui"; dan sama ada:
 - Kumpulan dan Bank telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, atau
 - Kumpulan dan Bank tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(d) Aset Kewangan (samb.)

(ii) Nyahiktiraf (samb.)

Apabila Kumpulan dan Bank telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada satu aset kewangan atau membuat pengaturan secara “melalui” dan tidak memindah dan tidak memegang sebahagian besar risiko dan ganjaran aset serta tidak memindah kawalan aset kewangan, aset kewangan tersebut diiktiraf sehingga terdapat penglibatan berterusan Bank dalam aset kewangan itu. Oleh yang demikian, Kumpulan dan Bank juga mengiktiraf liabiliti kewangan yang berkait. Pemindahan aset dan liabiliti berkait diukur pada satu asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Bank.

(iii) Rosotnilai aset kewangan

Kumpulan dan Bank menilai pada tarikh setiap penyata kedudukan kewangan sama ada terdapat bukti matlamat terdapatnya rosotnilai dalam aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan. Suatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan dianggap terjejas sekiranya dan jika sekiranya terdapat bukti matlamat rosotnilai disebabkan satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (“peristiwa kerugian”) dan bahawa peristiwa kerugian (atau peristiwa) mempunyai kesan ke atas jangkaan aliran tunai masa hadapan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Bukti rosotnilai mungkin termasuk petanda bahawa pelanggan atau sekumpulan pelanggan mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kemungkinan mereka menjadi muflis atau menghadapi penyusunan semula kewangan lain, mungkir atau culas dalam pembayaran untung atau pokok dan yang mana data yang boleh diperhatikan menandakan bahawa terdapat pengurangan anggaran aliran tunai masa hadapan yang boleh diukur, seperti perubahan dalam jumlah tertunggak atau keadaan ekonomi yang selaras dengan kemungkinan yang berlaku.

1) Pembiayaan dan jumlah belum terima

Pengelasan Pembiayaan dan jumlah belum terima sebagai terjejas

Pembiayaan Kumpulan dan Bank dikelaskan sebagai terjejas apabila:

- jumlah pokok atau untung atau kedua-duanya tertunggak selama lebih daripada tiga (3) bulan;
- apabila pembiayaan tertunggak kurang daripada tiga (3) bulan, pembiayaan menunjukkan kelemahan kredit, sama ada rosotnilai telah diperuntukkan atau tidak; atau
- apabila sesuatu pembiayaan yang terjejas dijadualkan semula atau disusun semula, pembiayaan ini akan terus dikelaskan sebagai terjejas sehingga pembayaran berdasarkan terma yang disemak dan/atau yang disusun semula dipatuhi secara berterusan selama tempoh enam (6) bulan.

Proses rosotnilai- Peruntukan penilaian individu

Kumpulan dan Bank menilai jika bukti-bukti rosotnilai wujud bagi pembiayaan dan penerimaan yang dianggap penting secara individu.

Jika terdapat bukti matlamat bahawa berlakunya rosotnilai, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa pembiayaan tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk jangkaan kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaun pada kadar untung berkesan pembiayaan tersebut yang asal. Jumlah dibawa aset tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Proses rosotnilai – Peruntukan penilaian kolektif

Pembiayaan yang secara individunya tidak penting dan yang telah ditaksir didapati menunjukkan tiada bukti berlaku kerugian rosotnilai dikumpulkan bersama untuk penilaian rosotnilai secara kolektif. Pembiayaan ini dikelompokkan di dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data dari portfolio pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap- tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pembiayaan kepada cagaran dan lain-lain), penumpuan risiko-risiko dan data ekonomi (termasuk tahap pengangguran, indeks harga hartanah, risiko Negara dan prestasi Kumpulan individu yang berbeza) diambil kira.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)**2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)****2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)****(d) Aset Kewangan (samb.)****(iii) Rosotnilai aset kewangan (samb.)****Proses rosotnilai – Peruntukan penilaian kolektif (samb.)**

Aliran tunai masa akan datang dalam sekumpulan pembiayaan yang secara kolektif dinilai bagi rosotnilai dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian Kumpulan dan Bank. Sejarah pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang boleh dipantau untuk mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh di mana sejarah pengalaman kerugian dirujuk dan untuk menyingkirkan kesan-kesan syarat dalam tempoh sejarah yang kini tidak lagi wujud.

Anggaran perubahan aliran tunai masa akan datang untuk kumpulan aset perlu mencerminkan dan secara langsungnya konsisten dengan perubahan data berkaitan yang dipantau pada setiap tempoh. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa depan adalah disemak semula secara kerap oleh Kumpulan dan Bank untuk mengurangkan sebarang perbezaan di antara jangkaan kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Proses rosotnilai – Pelupusan akaun

Apabila pembiayaan tidak boleh dikutip semula, ia dilupuskan berdasarkan peruntukan rosotnilai pembiayaan atau pembiayaan terjejas. Pembiayaan sedemikian dilupus selepas prosedur-prosedur yang sepatutnya diselesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemerolehan semula jumlah yang dahulunya dilupuskan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2) Pelaburan kewangan yang tersedia untuk dijual

Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti matlamat bahawa pelaburan kewangan yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual terjejas nilainya.

Dalam kes instrumen hutang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual, Kumpulan dan Bank mentaksir secara individu sama ada terdapat bukti rosotnilai yang sewajarnya berdasarkan kriteria serupa dengan aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan bagi rosotnilai merupakan kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan kos terlunas dan nilai saksama semasa, ditolak kerugian rosotnilai pelaburan dahulunya yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Dalam kes pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, bukti objektif juga termasuk kemerosotan 'ketara' atau 'berpanjangan' dalam nilai saksama pelaburan di bawah kos. Kumpulan dan Bank mentaksir 'ketara' sebagai 25% dan 'berpanjangan' sebagai 12 bulan. Jika terdapat bukti rosotnilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosotnilai pelaburan yang sebelumnya diiktiraf dalam untung atau rugi disingkirkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kerugian rosotnilai pelaburan ekuiti tidak dibalikkan melalui penyata pendapatan; peningkatan dalam nilai saksama selepas rosotnilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Bagi sekuriti ekuiti yang tidak disebut harga dan dibawa pada kos, kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan sekuriti dan nilai semasa daripada anggaran aliran tunai masa akan datang yang didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi sekuriti yang sama. Jumlah kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan kerugian rosotnilai seumpamanya tidak dibalikkan berikutan pengiktirafannya.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(d) Aset Kewangan (samb.)

(iii) Rosotnilai aset kewangan (samb.)

3) Pelaburan kewangan yang dipegang hingga matang

Bagi pelaburan yang dibawa pada kos terlunas di mana terdapat bukti rosotnilai sewajarnya, kerugian rosotnilai dikira sebagai perbezaan antara jumlah bawaan sekuriti dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa akan datang yang didiskaun pada kadar keuntungan efektif asal sekuriti tersebut. Jumlah kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembalikan berikutnya di dalam kerugian rosotnilai diiktiraf apabila pengurangan boleh dikaitkan secara objektif dengan satu peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosotnilai diiktiraf sehinggalah jumlah bawaan aset kewangan tidak melebihi kos terlunas pada tarikh pembalikan. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Penentuan nilai saksama

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, nilai saksama tersebut ditentukan dengan merujuk kepada sebutharga harga pasaran atau menggunakan model penilaian. Bagi instrumen kewangan dengan harga pasaran yang boleh dipantau yang diniagakan dalam pasaran aktif, nilai saksama adalah berdasarkan sebutharga harga pasaran atau sebut harga peniaga.

Bagi semua instrumen kewangan lain, nilai saksama ditentukan menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian. Dalam kes-kes seperti itu, nilai saksama dianggarkan berdasarkan model-model aliran tunai didiskaun dan model penentuan harga opsyen, serta berdasarkan data yang boleh dipantau bagi instrumen kewangan yang serupa dan menggunakan input-input (seperti keluk-keluk hasil) yang ada pada tarikh pelaporan. Bank selalunya menggunakan model penilaian dengan input-input pasaran boleh dipantau dalam menentukan nilai saksama, disebabkan instrumen kewangan yang dipegang tidak begitu rumit.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen-instrumen ekuiti yang tidak disebut harga kerana nilai saksama tidak boleh ditentukan dengan jelas, ia diukur pada kos dan ditaksir rosotnilai pada tarikh pelaporan.

(e) Liabiliti Kewangan

(i) Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh perdagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi satu pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen tersebut.

(ii) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya

Liabiliti Kewangan dikelaskan mengikut isi pengaturan kontraktual yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti Kewangan, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila, Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti Kewangan dikelaskan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau lain-lain liabiliti kewangan.

1) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk Liabiliti Kewangan dipegang untuk urus niaga dan Liabiliti Kewangan ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga termasuk derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan dan Bank yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama, dengan keuntungan atau kerugian terhasil yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas derivative termasuk perbezaan tukaran.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(e) Liabiliti kewangan (samb.)

(ii) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (samb.)

2) Liabiliti Kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Bank termasuk deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada bank dan institusi kewangan, sekuriti hutang, belum bayar, bil dan penerimaan belum bayar dan liabiliti lain.

(a) Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan oleh bank-bank dan institusi kewangan

Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan oleh bank-bank dan institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan.

(b) Sekuriti hutang

Sekuriti hutang yang diterbitkan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti menurut isi terma kontraktual instrumen tersebut. Sekuriti hutang Kumpulan terdiri daripada sukuk subordinat.

Sekuriti hutang ini dikelaskan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan memandangkan terdapat kewajipan kontraktual bagi Kumpulan dan Bank untuk membuat pembayaran pokok atau untung bagi sekuriti hutang tersebut atau kedua-duanya sekali secara tunai dan Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan kontraktual untuk menyelesaikan instrumen kewangan tersebut dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan lain.

Berikutan pengiktirafan permulaan, sekuriti hutang yang diterbitkan diiktiraf pada kos yang terlunas; dengan apa-apa perbezaan di antara kutipan setelah ditolak kos urus niaga dengan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh peminjaman dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

(c) Jumlah belum bayar

Jumlah belum bayar diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang berpunca secara langsung dan seterusnya diukur pada kos yang terlunas menggunakan kaedah keuntungan efektif.

(d) Bil dan penerimaan belum bayar

Bil dan penerimaan belum bayar mewakili bil dan penerimaan Kumpulan dan Bank yang telah didiskaun semula dan tertunggak dalam pasaran.

(e) Liabiliti lain

Liabiliti lain dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama pertimbangan yang dijangka dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(iii) Nyahiktiraf

Sesuatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut ditebus atau dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama berdasarkan terma yang agak besar perbezaannya atau terma liabiliti sedia ada diubah suai dengan agak ketara, perubahan atau pengubahsuaian tersebut disifatkan sebagai nyahiktiraf liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu dan perbezaan dalam jumlah dibawa yang berkaitan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(f) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai (samb.)

(i) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan derivatif seperti pertukaran kadar untung, pertukaran mata wang silang dan kontrak pertukaran asing hadapan.

Instrumen derivatif pada peringkat awal diiktiraf pada nilai saksama, yang biasanya sifar atau amat kecil nilainya pada permulaannya bagi derivatif bukan pilihan dan bersamaan dengan premium pasaran yang dibayar atau diterima bagi pilihan pembelian atau bertulis. Derivatif ini seterusnya diukur semula pada nilai saksamanya. Nilai saksama diperoleh daripada sebut harga harga pasaran dalam pasaran aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini dan teknik penilaian yang merangkumi model aliran tunai dan model penetapan harga pilihan, mengikut kesesuaian.

Semua instrumen kewangan derivatif diukur pada nilai saksama dan dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila ia negatif. Sebarang untung atau rugi yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ianya sebahagian daripada perhubungan lindung nilai.

(ii) Perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan instrumen derivatif untuk mengurus pendedahan kepada kadar untung, mata wang asing dan risiko kredit. Untuk mengurus risiko tertentu, Kumpulan dan Bank menggunakan perakaunan lindung nilai bagi urus niaga yang memenuhi kriteria tertentu.

Pada permulaan perhubungan lindung nilai, Kumpulan dan Bank mendokumenkan perhubungan antara butiran yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai secara formal termasuk sifat risikonya, matlamat dan strategi untuk mengendalikan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan perhubungan lindung nilai tersebut.

1) Nilai saksama lindung nilai

Apabila instrumen kewangan derivatif melindungi nilai perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf, apa-apa keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai diiktiraf dalam untung dan rugi.

Jika instrumen perlindungan nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan perlindungan nilai, perhubungan lindung nilai tersebut ditamatkan. Bagi butiran lindung nilai yang dicatatkan pada kos terlunas, perbezaan di antara nilai dibawa butiran lindung nilai semasa atas penamatan dan nilai muka dilunaskan atas baki tempoh lindung nilai asal menggunakan kadar keuntungan efektif. Jika butiran lindung nilai dinyahiktiraf, pelarasan nilai saksama yang tidak dilunaskan diiktiraf serta merta dalam untung dan rugi.

2) Perlindungan nilai aliran tunai

Bagi perlindungan nilai aliran tunai yang ditetapkan dan layak, bahagian untung atau rugi instrumen perlindungan nilai pada mulanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dalam rizab lindung nilai aliran tunai. Bahagian untung atau rugi instrumen lindung nilai yang tidak berkesan diiktiraf secara serta-merta dalam pendapatan bukan untung. Apabila aliran tunai yang dilindung nilai mempengaruhi penyata pendapatan, untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai tersebut dicatatkan dalam pendapatan yang berkaitan atau baris perbelanjaan dalam untung dan rugi.

Apabila instrumen perlindungan nilai luput atau dijual, ditamatkan, dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan perlindungan nilai, apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain yang ada dalam pendapatan komprehensif lain pada waktu itu kekal dalam pendapatan komprehensif lain dan diiktiraf apabila urus niaga ramalan perlindungan nilai tersebut akhirnya diiktiraf dalam untung dan rugi.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. **Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)**

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(f) **Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai (samb.)**2) **Perlindungan nilai aliran tunai (samb.)**

Apabila urus niaga yang diramalkan dijangka tidak berlaku, untung atau rugi terkumpul yang dilaporkan dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan dengan serta-merta ke untung dan rugi.

Kumpulan dan Bank tidak menggunakan perhubungan perlindungan nilai aliran tunai pada akhir tahun kewangan ini.

(g) **Derivatif tersirat**

Derivatif tersirat dalam instrumen kewangan lain diambil kira secara berasingan sebagai derivatif jika sifat dan risiko ekonominya tidak berkait rapat dengan kontrak hos dan kontrak hos dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Derivatif tersirat yang diasingkan daripada hos ini dibawa pada nilai saksama dalam portfolio perdagangan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(h) **Harta yang dihalang tebus**

Harta yang dihalang tebus ialah harta yang diperoleh bagi menyelesaikan hutang sepenuhnya atau sebahagiannya dinyatakan pada kos dan nilai saksama.

(i) **Aset tidak ketara**

Aset tidak ketara termasuk perisian komputer dan perisian dalam pembangunan.

Aset tidak ketara diiktiraf hanya apabila kos boleh diukur dengan jelas dan terdapat jangkaan faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengannya boleh disumbangkan kepada Kumpulan dan Bank. Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur berdasarkan pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak ketara, yang diperoleh daripada penyatuan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosotnilai terkumpul, kecuali perisian yang dalam pembangunan yang tidak tertakluk kepada pelunasan.

Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun sebaliknya. Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut tempoh anggaran boleh guna. Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas atau belum sedia digunakan dinilai untuk rosotnilai apabila terdapat petunjuk rosotnilai. Tempoh dan kaedah pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada akhir setiap tahun kewangan. Perubahan jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi di masa akan datang yang terkandung dalam aset tidak ketara dikira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan yang bersesuaian, dan disifatkan sebagai perubahan anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam kategori perbelanjaan konsisten dengan fungsi aset tidak ketara.

Aset tidak ketara dilunaskan sepanjang anggaran hayat terbatas guna seperti berikut:

Perisian Komputer	3-10 tahun
-------------------	------------

(j) **Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai**

Semua butiran hartanah, loji dan peralatan pada asalnya dicatatkan pada kos. Kos selanjutnya dirangkumkan ke dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya sekiranya ada kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengan butiran ini akan diperoleh oleh Kumpulan dan Bank dan kos butiran tersebut boleh diukur secara pasti. Apabila bahagian hartanah, loji dan peralatan yang penting perlu diganti secara berkala, Kumpulan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat berguna dan susut nilai khusus. Begitu juga, apabila pemeriksaan besar-besaran dilakukan, kos diiktiraf dalam jumlah dibawa loji dan peralatan tersebut sebagai alat ganti jika kriteria pengiktirafannya dipenuhi. Semua pembaikan dan kos penyenggaraan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(j) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna yang tidak terhad, maka ia tidak disusut nilai. Kerja-kerja baik pulih yang sedang dijalankan juga tidak disusut nilai kerana aset ini belum sedia untuk digunakan.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dilaksanakan menurut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai residualnya atas jangkaan hayat aset tersebut, seperti berikut:

Bangunan atas tanah pegangan bebas	33 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajak dan tanah pegangan pajak	33 tahun atau baki hayat, mana yang lebih singkat
Perabot dan peralatan pejabat	6-7 tahun
Penambahbaikan dan pengubahsuaian bangunan	5 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan komputer	3-5 tahun

Butiran dalam hartanah loji dan peralatan dinyahiktiraf setelah ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada dengan jumlah dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

(k) Pembayaran prabayar pajakan tanah

(i) Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti mana pajakan terhadap aset-aset lain serta elemen tanah dan bangunan ke atas sebuah pajakan bagi tanah dan bangunan telah diambil kira secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan. Pajakan yang tidak memindahkan sejumlah besar risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan operasi, dengan pengecualian berikut:

- Hartanah dipegang di bawah pajakan operasi melainkan ia memenuhi definisi hartanah pelaburan, dikelaskan sebagai hartanah pelaburan berasaskan hartanah demi hartanah dan, sekiranya dikelaskan sebagai hartanah pelaburan, maka ia diambil kira di bawah pajakan kewangan; dan
- Tanah bagi kegunaan sendiri di bawah pajakan operasi, nilai saksama yang tidak boleh diukur secara berasingan daripada nilai saksama bangunan yang ada pada permulaan pajakan, diambil kira sebagai pajakan kewangan, melainkan bangunan itu ternyata dipegang di bawah pajakan operasi.

(ii) Pajakan kewangan

Aset-aset yang dimiliki secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti berbanding dimasukkan sebagai pembiayaan dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar keuntungan yang dikenakan dalam pajakan, apabila praktikal untuk ditentukan; jika tidak kadar pembiayaan tokokan Bank digunakan. Kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

Bayaran pajakan dibahagikan antara kos kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset-aset yang diperolehi, diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar tempoh berkala tetap caj ke atas baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan bagi pajakan aset adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.5(j).

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. **Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)**

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(k) **Pembayaran prabayar pajakan tanah (samb.)**

(iii) **Pajakan operasi**

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan. Agregat faedah insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa ke atas tempoh pajakan mengikut kaedah garis lurus.

Dalam kes pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan berkadar dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan.

Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

(l) **Mata wang asing**

(i) **Mata wang fungsian dan pembentangan**

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di tempat entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga menjadi mata wang fungsian Bank.

(ii) **Urus niaga dan baki mata wang asing**

Urus niaga dalam mata wang asing diukur dalam mata wang fungsian Bank dan subsidiarinya yang berkenaan dan dicatatkan semasa pengiktirafan permulaan dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang hampir sama dengan yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing ditukar pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh ia dilaporkan. Butiran bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing yang diukur pada kos asal ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga permulaannya. Butiran bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran kewangan atau semasa pertukaran butiran kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi perbezaan pertukaran daripada butiran kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara, yang diiktiraf pada mulanya dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab urus niaga mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan semasa pelupusan operasi luar negara berkenaan.

Perbezaan pertukaran akibat daripada terjemahan butiran bukan kewangan dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam untung dan rugi bagi tempoh kecuali bagi perbezaan akibat daripada terjemahan butiran bukan kewangan berkenaan dengan untung dan rugi diktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan sedemikian juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(iii) **Operasi luar negeri**

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi luar negeri yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza daripada mata wang pembentangan, masing-masing ditukarkan ke dalam mata wang pembentangan pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut, yang hampir dengan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut, dan pada kadar pertukaran penutup pada tarikh laporan. Kesemua perbezaan pertukaran yang terhasil dibawa secara langsung ke pendapatan komprehensif dan seterusnya diiktiraf dalam penyata pendapatan setelah pelupusan operasi luar negeri berkenaan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(m) Peruntukan untuk liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi semasa disebabkan peristiwa masa lepas dan berkemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk memenuhi obligasi ini, dan anggaran pasti bagi jumlah ini boleh dibuat. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaun menggunakan kadar sebelum cukai semasa, di mana bersesuaian, risiko khusus kepada liabiliti. Apabila kaedah terdiskaun digunakan, kenaikan dalam peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

(n) Rosotnilai aset bukan kewangan

Kumpulan dan Bank menilai sama ada terdapat petanda bahawa sesuatu aset mungkin terjejas pada setiap tarikh laporan. Jika wujud petanda sedemikian, atau apabila penilaian rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah aset yang boleh diperoleh semula.

Jumlah aset yang boleh diperoleh semula adalah nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual atau nilainya dalam kegunaan, mengikut mana yang lebih tinggi. Bagi tujuan menaksir rosotnilai, aset dikumpulkan di peringkat paling rendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan unit penajaan tunai ("CGU") yang berasingan.

Dalam usaha menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan terdiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pracukai yang mencerminkan taksiran nilai masa wang yang dibuat oleh pasaran semasa dan risiko yang khusus bagi aset tersebut. Apabila jumlah dibawa sesuatu aset melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula, aset tersebut diturun nilai kepada jumlahnya yang boleh diperoleh semula. Rosotnilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diperuntukkan dahulu bagi mengurangkan jumlah dibawa apa-apa muhibah yang diperuntukkan kepada unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudiannya, untuk mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit berkenaan secara pro-rata.

Rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Taksiran dibuat pada setiap tarikh laporan mengenai sama ada terdapat petanda bahawa rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Kerugian rosotnilai yang dahulunya telah diiktiraf dikebalikkan hanya jika terdapat apa-apa perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperoleh semula sejak kerugian rosotnilai terakhir diiktiraf. Jika demikian, jumlah dibawa aset tersebut ditambah kepada jumlah yang boleh diperoleh semula. Peningkatan ini tidak boleh melebihi jumlah dibawa yang sepatutnya ditentukan, ditolak susut nilai, jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini. Berbalik seperti ini diiktiraf dalam untung atau rugi, melainkan aset diukur pada jumlah yang dinilai semula, yang dalam hal ini, berbalik dianggap sebagai kenaikan penilaian semula. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak berbalik dalam tempoh yang berikutnya.

(o) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan baki bank dengan bank-bank dan institusi kewangan lain, serta deposit jangka pendek yang mudah ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk pada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(p) Aset dan liabiliti luar jangkaan

Apabila aliran keluar manfaat ekonomi kemungkinan besar tidak diperlukan, atau jumlah berkenaan tidak dapat dianggarkan secara pasti, obligasi tersebut didedahkan sebagai liabiliti luar jangkaan, kecuali kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah sangat tipis. Obligasi yang mungkin wujud, yang kewujudannya akan hanya disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangkaan kecuali kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah sangat tipis.

Aset luar jangkaan adalah aset yang mungkin berbangkit daripada peristiwa masa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh sama ada berlaku atau tidaknya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang berada di luar kawalan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi menzahirkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi akan mengalir masuk, tetapi tidak dapat dipastikan dengan tepat.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)**2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)****2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)****(q) Manfaat kakitangan****(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Bank. Ketidakhadiran yang diberi pampasan yang berkumpul jangka pendek seperti cuti tahun berbayar, diiktiraf seiringan dengan perkhidmatan yang diberi oleh pekerja, dan ini meningkatkan kelayakan mereka untuk ketidakhadiran yang diberi pampasan pada masa depan. Ketidakhadiran yang diberi pampasan tidak berkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Pelan caruman yang ditentukan

Pelan caruman yang ditentukan adalah pelan manfaat yang mana Kumpulan dan Bank membayar caruman tetap ke dalam entiti yang berasingan atau dana dan tidak akan mempunyai apa-apa obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tersebut tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh semasa dan tahun kewangan sebelumnya. Sumbangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung dan rugi seperti yang ditanggung. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

(r) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat terdapatnya kemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank dan pendapatan tersebut boleh diukur dengan pasti. Kriteria pengiktirafan khusus berikut hendaklah dipenuhi sebelum pendapatan diiktiraf:

(i) Untung dan pendapatan daripada pembiayaan

Bagi semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas, aset kewangan yang menerima untung yang dikelaskan sebagai AFS dan instrumen kewangan yang ditetapkan pada FVTPL, pendapatan atau perbelanjaan untung dicatatkan menggunakan kadar untung efektif, iaitu kadar yang mendiskaun pembayaran atau penerimaan tunai masa hadapan secara tepat sepanjang jangka hayat instrumen kewangan tersebut atau tempoh yang lebih singkat, mengikut kesesuaian, kepada jumlah dibawa bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut. Pengiraan ini mengambil kira semua terma kontraktual instrumen kewangan tersebut (contohnya, pilihan pembayaran) dan merangkumi apa-apa fi atau kos tambahan yang berpunca secara langsung daripada instrumen tersebut dan merupakan bahagian yang melengkapi kadar untung berkesan, tetapi bukan kerugian kredit masa depan.

Bagi aset kewangan yang terjejas, apabila nilai aset kewangan telah diturunkan akibat daripada kerugian rosotnilai, untung/pendapatan pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar untung yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosotnilai.

(ii) Pengiktirafan fi dan pendapatan lain

Pengaturan pembiayaan, fi pengurusan dan penyertaan, komisen taja jamin, fi jaminan dan fi broker diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan akruan menggunakan kaedah pembahagian masa. Fi daripada aktiviti penasihat dan pembiayaan korporat diiktiraf setelah ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun selepas setiap peringkat tugas berkenaan selesai.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Bank untuk menerima pembayaran ditetapkan.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.5 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(s) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas untung atau rugi bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunggak. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan yang belum berbayar bagi untung boleh cukai tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah ditetapkan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Secara prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan setakat yang terdapat kemungkinan akan wujud untung boleh cukai yang boleh digunakan untuk menolak perbezaan, kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara yang berpunca daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan semasa urus niaga, tidak menjejaskan untung perakaunan mahupun untung boleh cukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan berkuat kuasa dalam tempoh aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kedudukan kewangan tersebut. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa, kecuali apabila ia berpunca daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, yang dalam hal ini, cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia berpunca daripada gabungan perniagaan yang merupakan pemerolehan, yang dalam hal ini cukai tertunda tersebut dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil atau apa-apa kelebihan kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan yang boleh dikenal pasti yang melebihi kos gabungan tersebut.

(t) Zakat

Ini mewakili zakat perniagaan. Ia merupakan jumlah yang wajib dibayar oleh Bank sebagai mematuhi prinsip Syariah. Peruntukan zakat dikira berdasarkan kaedah 2.5% daripada pertumbuhan dana para pemegang saham.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

2. **Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)**2.6 **Piawaian dan penakrifan yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Dasar perakaunan yang belum diterima pakai dan belum efektif oleh Kumpulan dan Bank yang telah dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB"):

- MFRS 3 *Gabungan Perniagaan (IFRS Business Combinations issued by IASB Mac 2004)*
- MFRS 7 *Instrumen Kewangan: Pendedahan - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 7)*
- MFRS 9 *Instrumen Kewangan*
- MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan*
- MFRS 11 *Pengaturan Bersama*
- MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain*
- MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*
- MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan - Pembentangan item Daripada Pendapatan Komprehensif Lain (Pindaan kepada MFRS 101)*
- MFRS 119 *Faedah Pekerja (Semakan semula)*
- MFRS 127 *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan (IAS 27 Penyata Kewangan Disatukan dan Asing yang dipinda oleh IASB pada Disember 2003)*
- MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan (IAS 27 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011)*
- MFRS 128 *Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usahasama (IAS 28 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011)*
- Pindaan kepada MFRS 1 *Penerimaan pakai Kali Pertama Standard Pelaporan Kewangan - Pinjaman Kerajaan*
- Pindaan kepada MFRS 1 *Penerimaan pakai Kali Pertama Standard Pelaporan Kewangan (Penambahbaikan Kitaran Tahunan 2009-2011)*
- Pindaan kepada MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan: Bimbingan Peralihan*
- Pindaan kepada MFRS 11 *Pengaturan Bersama: Bimbingan Peralihan*
- Pindaan kepada MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain: Bimbingan Peralihan*
- Pindaan kepada MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan (Penambahbaikan Kitaran Tahunan 2009-2011)*
- Pindaan kepada MFRS 116 *Hartanah, loji dan peralatan (Penambahbaikan Kitaran Tahunan 2009-2011)*
- Pindaan kepada MFRS 132 *Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan (Penambahbaikan Kitaran Tahunan 2009-2011)*
- Pindaan kepada MFRS 134 *Pelaporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Kitaran Tahunan 2009-2011)*
- Interpretasi IC 20 *Kos Perlucutan dalam Fasa Pengeluaran Lombong Permukaan*
- Pindaan kepada Interpretasi IC 2 *Saham Ahli Dalam Entiti Koperasi Dan Instrumen Serupa*

Mac 2004) dan MFRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan (IAS 27 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan disemak semula oleh IASB pada Disember 2003)

Ini adalah versi awal MFRS 3 dan MFRS 127 yang mana entiti boleh guna pakai sekiranya dengan mengguna pakai MFRS 10 Penyata Kewangan disatukan, ia membawa kepada penyatuan sebuah syarikat atau entiti pelaburan yang sebelumnya tidak disatukan dan kawalan diperoleh sebelum tarikh kuat kuasa MFRS 3 dan MFRS 127 yang dikeluarkan oleh MASB pada November 2011. Kumpulan dan Bank tidak menjangka kesan ketara kepada penyata kewangan setelah menerima pakai MFRS 10 apabila penggunaan versi awal MFRS 3 dan MFRS 127 diperlukan.

Pindaan kepada MFRS 7 - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

Pindaan ini memerlukan sebuah entiti mendedahkan maklumat tentang hak-hak untuk ditolak selesai dan juga pengaturan berkaitan (contohnya perjanjian kolateral). Pendedahan adalah diperlukan untuk semua instrumen kewangan yang ditolak selesai mengikut MFRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan ("MFRS 132"). Pendedahan ini juga digunapakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf tetapi tertakluk kepada pengaturan tolakan induk berkuatkuasa atau pengaturan seumpamanya sama ada ianya ditolak selesai sejajar dengan MFRS 132. Pindaan ini tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan dan Bank dan akan berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)

2.6 Piawaian dan penakrifan yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa (samb.)

MFRS 9 Instrumen Kewangan

MFRS 9, seperti yang diterbitkan, mencerminkan fasa pertama IASB walaupun tarikh untuk penerimaan pakainya tertakluk kepada Draf Pendedahan yang baru dikeluarkan tentang penggantian MFRS 139 dan diguna pakai untuk pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti seperti ditakrifkan oleh MFRS 139. Piawaian ini pada awalnya berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tetapi pindaan kepada MFRS 9 Instrumen Kewangan (Instrumen Kewangan - Tarikh Kuat Kuasa Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan) "Amendments to MFRS 9 Financial Instruments (Financial Instruments- Mandatory Effective Date of MFRS 9 and Transition Disclosures)", dikeluarkan pada bulan Disember 2011, mengalihkan tarikh mandatori untuk berkuatkuasa kepada 1 Januari 2015. Dalam fasa berikutnya, IASB akan menangani rosotnilai dan perakaunan lindung nilai. Kumpulan dan Bank akan menilai kesan penggunaan fasa pertama daripada MFRS 9 selaras dengan fasa-fasa lain apabila dikeluarkan, untuk menentukan implikasi kewangan atas penggunaan piawaian ini.

MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan ("MFRS 10")

MFRS 10 menggantikan keperluan MFRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan "Consolidated and Separate Financial Statements ("MFRS 127")" yang menyentuh tentang perakaunan untuk penyata kewangan yang disatukan dan Interpretasi IC 112 Penyatuan - Entiti Khas "IC Interpretation 112 Consolidation — Special Purpose Entities". Yang kekal dalam MFRS 127 adalah terhad kepada perakaunan bagi syarikat-syarikat subsidiari, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan.

Kumpulan dan Bank sedang menilai kesan menerima pakai MFRS 10, sejauh mana kedudukan kewangan dan prestasinya boleh terjejas dengan penggunaan piawaian baru ini.

MFRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain ("MFRS")

MFRS 12 meliputi semua keperluan pendedahan tentang kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa pendedahan baru juga diperlukan. Salah satu perubahan paling penting diperkenalkan oleh MFRS 12 adalah entiti kini dikehendaki mendedahkan pertimbangan yang dibuat sama ada ia mengawal entiti lain. Kebanyakan perubahan ini adalah pendedahan tambahan yang diperkenalkan oleh IASB sebagai reaksi kepada krisis kewangan.

Justeru, Kumpulan dan Bank perlu mendedahkan maklumat lebih lanjut mengenai entiti berstruktur yang disatukan dan yang tidak disatukan yang mana ia terlibat atau menaja. Piawaian ini akan hanya memberikan kesan kepada pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas penyata kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Bank.

MFRS 13 Pengukuran Nilai Saksama

MFRS 13 tidak berubah apabila sebuah entiti diperlukan untuk menggunakan nilai saksama, tetapi sebaliknya, menyediakan bimbingan tentang bagaimana mengukur nilai saksama aset dan liabiliti kewangan dan bukan kewangan apabila dikehendaki atau dibenarkan oleh MFRS. Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan kesan ketara terhadap penyata kewangannya apabila menerima piawaian ini kecuali untuk keperluan pendedahan tambahan.

Pindaan kepada MFRS 101 - Pembentangan Item Komprehensif Lain

Pindaan kepada MFRS 101 mengubah pengumpulan perkara-perkara yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif lain. Perkara yang boleh dikelaskan semula (atau dikitar semula) kepada keuntungan atau kerugian pada satu tempoh masa akan datang (contohnya, keuntungan bersih ke atas lindung nilai pelaburan bersih, perbezaan pertukaran atas terjemahan operasi asing, pergerakan bersih ke atas aliran tunai lindung nilai dan kerugian atau keuntungan bersih ke atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual) akan dibentangkan berasingan daripada perkara yang tidak akan dikelaskan semula (contohnya keuntungan dan kerugian aktuari atas perancangan faedah yang diperinci). Pindaan ini memberi kesan kepada pembentangan sahaja dan tidak mempunyai kesan kepada kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Bank.

Pindaan ini berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)**2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (samb.)****2.6 Piawaian dan penakrifan yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa (samb.)****MFRS 127 Penyata Kewangan Berasingan (IAS 27 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011)**

Sebagai kesan daripada MFRS 10 dan MFRS 12 yang baru, piawaian MFRS 127 kini terhad kepada perakaunan syarikat-syarikat subsidiari, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan. Bank menyediakan penyata kewangan berasingan tetapi tidak menjangkakan kesan ketara kepada penyata kewangan berikutan penerimaan pakai pindaan ini.

MFRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usahasama (IAS 28 seperti yang dipinda oleh IASB pada Mei 2011)

Berikutan kesan daripada MFRS 11 dan MFRS 12 yang baru, MFRS 128 dinamakan semula sebagai MFRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usahasama. Piawaian baru ini menerangkan penggunaan kaedah ekuiti untuk pelaburan dalam usahasama sebagai tambahan kepada syarikat bersekutu. Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan kesan ketara kepada penyata kewangannya dengan penerimaan pindaan ini.

3. Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran berkenaan. Anggaran dan andaian perakaunan kritikal yang digunakan adalah penting bagi penyata kewangan dan bidang-bidang yang melibatkan pertimbangan dan kerumitan yang amat tinggi, seperti berikut:

3.1 Anggaran nilai saksama sekuriti yang tersedia untuk jualan (Nota 5(b)) dan instrumen kewangan derivatif (Nota 6)

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, yang mana nilai saksama tidak boleh diperolehi daripada pasaran aktif, nilai saksama ini ditentukan menggunakan pelbagai teknik taksiran, termasuk penggunaan model matematik. Meskipun Kumpulan dan Bank secara am mengunakan model taksiran yang diiktiraf secara meluas dengan input pasaran yang boleh diperhatikan, namun pertimbangan diperlukan yang mana data pasaran yang boleh diperhatikan tidak disediakan. Pertimbangan seperti ini biasanya merangkumi andaian bahawa peserta-peserta lain dalam pasaran akan gunakan dalam taksiran mereka, termasuk andaian mengenai keluk hasil kadar untung, kadar pertukaran, kemudahubuhan serta kadar prabayaran dan kemungkiran.

3.2 Rosotnilai pelaburan kewangan yang dipegang hingga matang dan yang tersedia untuk dijual (Nota 5(b), 5(c) dan 29)

Kumpulan dan Bank menyemak pelaburan kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang dan tersedia untuk jualan pada setiap tarikh laporan untuk menilai sama ada ia terjejas atau tidak. Ini memerlukan pertimbangan yang serupa yang digunakan bagi penilaian pembiayaan individu.

Kumpulan dan Bank juga turut mencatatkan perubahan rosotnilai pada pelaburan tersedia untuk dijual apabila terdapat pengurangan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama yang lebih rendah daripada kosnya. Penentuan apa yang disifatkan sebagai 'ketara' atau 'berpanjangan' memerlukan pertimbangan. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan dan bank menilai, antara lain, faktor, perubahan harga pasaran masa lampau dan tempoh dan setakat mana nilai saksama sesuatu pelaburan adalah kurang daripada kosnya.

3.3 Kerugian rosotnilai atas pembiayaan (Nota 7 dan 28)

Kumpulan dan Bank menyemak semula pembiayaan ketaranya secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosotnilai sepatutnya dicatatkan dalam keuntungan atau kerugian. Khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam membuat anggaran jumlah dan tempoh masa aliran tunai masa akan datang bila menentukan kerugian rosotnilai. Dalam membuat anggaran aliran tunai tersebut, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan pelanggan dan nilai kolateral yang direalisasikan. Anggaran ini adalah berdasarkan andaian tentang beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin akan berlainan, membawa perubahan kepada peruntukan di masa akan datang.

3. Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (samb.)

3.3 Rosotnilai atas pembiayaan (Nota 7 dan 28) (samb.)

Pembiayaan yang telah dinilai secara individu yang tidak perlu rosotnilai dan semua pembiayaan yang tidak begitu penting dinilai secara kolektif, dalam kumpulan aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa, untuk menentukan sama ada peruntukan sepatutnya dibuat disebabkan peristiwa yang membawa kerugian di mana terdapat bukti wajar tetapi kesan daripadanya masih belum nyata. Peruntukan penilaian kolektif mengambil kira data dari portfolio pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pembiayaan kepada kolateral dan lain-lain) dan pertimbangan ke atas kesan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu yang berbeza)

Rosotnilai ke atas pembiayaan dibentangkan secara lebih terperinci dalam Nota 28

3.4 Cukai pendapatan (Nota 37)

Pertimbangan pengurusan yang utama diperlukan dalam menganggar peruntukan bagi cukai pendapatan, memandangkan mungkin terdapat tafsiran yang berbeza mengenai undang-undang cukai yang hasil muktamadnya tidak dapat ditentukan sehingga ke satu tarikh kemudian. Liabiliti bagi cukai diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan perlu dibayar. Proses membuat anggaran mungkin memerlukan nasihat pakar diperoleh mana yang sesuai. Apabila liabiliti muktamad cukai yang ditaksir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri berbeza daripada jumlah yang dicatatkan pada permulaan, perbezaan ini akan mempengaruhi perbelanjaan cukai pendapatan dan peruntukan untuk cukai tertunda dalam tempoh anggaran tersebut disemak atau apabila liabiliti cukai muktamad ditetapkan.

3.5 Cukai tertunda (Nota 16)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian cukai yang tidak digunakan setakat terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh cukai akan wujud bagi membolehkan kerugian cukai ditolak daripadanya. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan paras keuntungan boleh cukai pada masa hadapan yang mungkin diperoleh di samping strategi perancangan cukai di masa hadapan.

4. (a) Wang tunai dan dana jangka pendek

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tunai dan baki di bank-bank dan institusi kewangan lain	240,226	162,535	169,013
Wang panggilan dan penempatan antara bank dengan tempoh matang tidak melebihi satu bulan	2,996,279	4,228,688	6,030,940
	3,236,505	4,391,223	6,199,953

(b) Tunai dan penempatan dengan institusi kewangan lain

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Bank Islam berlesen	105,189	110,333	251,012

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

5. Pelaburan kewangan

(a) Pelaburan kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian

	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Sekuriti tidak disebut harga di Malaysia:			
Kumpulan			
Dana ekuiti swasta	84,373	50,772	10,800
Bank			
Dana ekuiti swasta	79,573	45,972	-

(b) Tersedia untuk dijual

Pada nilai saksama, atau pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai bagi pelaburan kewangan tertentu:

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Pada nilai saksama</u>			
Sekuriti kerajaan dan bil perbendaharaan:			
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	3,383,061	3,737,482	1,972,826
Instrumen pasaran wang:			
Sijil hutang Islam boleh niaga	-	55,570	-
Sekuriti disebut harga di Malaysia:			
Saham disebut harga	44,182	48,023	24,994
Unit amanah	-	-	9,910
	44,182	48,023	34,904
Sekuriti tidak disebut harga:			
Sekuriti hutang swasta Islam di Malaysia	2,942,983	2,150,770	2,241,814
Sukuk Cagamas	120,938	116,266	136,245
Sekuriti Hutang Swasta Islam Asing dan Sukuk	62,460	91,924	68,501
	3,126,381	2,358,960	2,446,560
Kerugian rosotnilai terkumpul	(91,264)	(65,448)	(98,208)
	6,462,360	6,134,587	4,356,082
<u>Pada Kos</u>			
Sekuriti tidak disebut harga:			
Saham di Malaysia	4,631	4,631	4,105
Jumlah sekuriti yang tersedia untuk dijual	6,466,991	6,139,218	4,360,187

5. Pelaburan kewangan (samb.)
(b) Tersedia untuk dijual (samb.)

Struktur kematangan instrumen pasaran wang, tersedia untuk dijual adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Matang dalam tempoh setahun	-	55,570	-

(c) Dipegang hingga matang

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada kos pelunasan			
Sekuriti hutang swasta Islam asing tidak disebut harga di Malaysia	575	30,583	30,646
Kerugian rosotnilai terkumpul	-	(2,061)	(2,061)
Jumlah sekuriti yang dipegang hingga matang	575	28,522	28,585

(i) Penyelarsan sekuriti dipegang hingga matang adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	28,522	28,585	28,585
Peruntukan tambahan pada tahun semasa	-	45,909	-
Dikelaskan semula daripada pelaburan kewangan dipegang hingga matang kepada pelaburan kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	-	(45,972)	-
Penebusan pada tahun tersebut	(27,947)	-	-
Pada akhir tahun	575	28,522	28,585

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

6. Instrumen kewangan derivatif islam

Jadual di bawah menunjukkan nilai saksama instrumen kewangan derivatif, yang dicatatkan sebagai aset atau liabiliti, berserta jumlah nosionalnya. Jumlah nosional tersebut, yang dicatatkan pada jumlah kasar adalah jumlah aset yang mendasari, aset tersebut, kadar rujukan atau indeks derivatif dan adalah asas ukuran perubahan nilai derivatif tersebut. Jumlah nosional menunjukkan volum transaksi yang tertunggak pada akhir tahun dan tidak menunjukkan sama ada risiko pasaran mahupun risiko kredit.

Kumpulan dan Bank	31 Mac 2013		
	Jumlah kontrak/ nosional	Nilai saksama	
		Aset	Liabiliti
	RM'000	RM'000	RM'000
Derivatif urus niaga:			
Kontrak pertukaran asing			
- Kontrak hadapan mata wang Kurang daripada setahun	54,230	2,862	(24)
- Swap mata wang Kurang daripada setahun	213,422	1,500	(1,021)
- Mata wang lain Kurang daripada setahun	127,472	126	(134)
	395,124	4,488	(1,179)
Derivatif lindung nilai: Derivatif lindung nilai:			
Swap kadar keuntungan Islam (IPRS) Lebih daripada setahun	875,000	-	(7,726)
Jumlah	1,270,124	4,488	(8,905)

Termasuk dalam derivatif lindung nilai adalah derivatif yang perakaunan lindung nilai digunakan oleh Kumpulan dan Bank. Jumlah pokok dan nilai saksama derivatif yang perakaunan lindung nilai digunakan oleh Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

Kumpulan dan Bank	31 Mac 2013		
	Jumlah kontrak/ nosional	Nilai saksama	
		Aset	Liabiliti
	RM'000	RM'000	RM'000
Swap kadar keuntungan Islam (IPRS)	575,000	-	(3,837)

Lindung nilai atas nilai saksama

Lindung nilai atas nilai saksama digunakan oleh Kumpulan dan Bank untuk melindungi mereka daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan disebabkan perubahan dalam kadar keuntungan. Instrumen kewangan yang dilindung nilai untuk risiko kadar untung termasuk pembiayaan pelanggan oleh Kumpulan dan Bank.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2013, Kumpulan dan Bank mengiktiraf rugi bersih sebanyak RM3,837,303 (2012: RM3,730,445) atas instrumen lindung nilai. Jumlah untung bersih atas butiran yang dilindung nilai yang disebabkan oleh risiko yang dilindung nilai berjumlah RM7,363,236 (2012: RM1,256,623).

Jumlah kontrak/ nosional	31 Mac 2012		Jumlah kontrak/ nosional	1 April 2011	
	Nilai saksama			Nilai saksama	
	Aset	Liabiliti		Aset	Liabiliti
RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
110,486	1,983	(272)	52,994	770	(302)
569,975	2,082	(1,383)	256,702	1,384	(558)
189,753	85	(86)	1,487,300	3,023	(2,968)
870,214	4,150	(1,741)	1,796,996	5,177	(3,828)
75,000	-	(3,889)	75,000	-	(158)
945,214	4,150	(5,630)	1,871,996	5,177	(3,986)

Jumlah kontrak/ nosional	31 Mac 2012		Jumlah kontrak/ nosional	1 April 2011	
	Nilai saksama			Nilai saksama	
	Aset	Liabiliti		Aset	Liabiliti
RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
75,000	-	(1,865)	-	-	-

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

7. Pembiayaan pelanggan

(i) Mengikut jenis

Kumpulan	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kemudahan tunai	208,538	181,842	367,763
Pembiayaan berjangka			
- Pembiayaan perumahan	8,398,544	6,469,716	4,828,099
- Pembiayaan bersindiket	141,177	86,143	143,617
- Sewa beli belum diterima	1,153,637	1,165,170	1,397,081
- Pajakan belum diterima	146,559	176,859	191,584
- Pembiayaan berjangka lain	7,459,009	6,688,931	4,294,746
Resit amanah	107,256	116,428	147,916
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah penerimaan kredit	742,214	722,131	779,186
Pembiayaan kakitangan	120,362	111,101	94,761
Kredit pusingan	616,204	491,233	356,088
Sukuk	50,488	-	-
	19,143,988	16,209,554	12,600,841
Tolak : Pendapatan belum diterima	(8,520,066)	(6,715,082)	(4,753,075)
Pembiayaan kasar	10,623,922	9,494,472	7,847,766
Tolak: Peruntukan bagi pembiayaan rosotnilai:			
- Peruntukan penilaian kolektif	(242,843)	(268,297)	(244,228)
- Peruntukan penilaian individu	(28,453)	(161,904)	(108,531)
Jumlah bersih pembiayaan	10,352,626	9,064,271	7,495,007

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(i) Mengikut jenis (samb.)

Bank	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kemudahan tunai	208,538	181,842	367,763
Pembiayaan berjangka			
- Pembiayaan perumahan	8,398,544	6,469,716	4,828,099
- Pembiayaan bersindiket	141,177	86,143	143,617
- Sewa beli belum diterima	1,153,637	1,165,170	1,397,081
- Pajakan belum diterima	146,559	176,859	191,584
- Pembiayaan berjangka lain	7,477,403	6,707,253	4,312,620
Resit amanah	107,256	116,428	147,916
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah penerimaan kredit	742,214	722,131	779,186
Pembiayaan kakitangan	120,362	111,101	94,761
Kredit pusingan	616,204	491,233	356,088
Sukuk	50,488	-	-
	19,162,382	16,227,876	12,618,715
Tolak : Pendapatan belum diterima	(8,520,066)	(6,715,082)	(4,753,075)
Pembiayaan kasar	10,642,316	9,512,794	7,865,640
Tolak: Peruntukan bagi pembiayaan rosotnilai:			
- Peruntukan penilaian kolektif	(242,843)	(268,297)	(244,228)
- Peruntukan penilaian individu	(34,453)	(167,904)	(108,531)
Jumlah bersih pembiayaan	10,365,020	9,076,593	7,512,881

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(ii) Mengikut kontrak

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Bai' Bithaman Ajil (jual beli dengan pembayaran tertangguh)	4,237,413	4,012,321	2,830,101
Ijarah (sewaan)	147,550	287,697	260,690
Ijarah Thumma Al-Bai (sewaan yang berakhir dengan jual beli)	1,001,324	1,024,090	1,207,059
Inah (jualan dan beli balik)	238,175	263,365	449,754
Tawarruq (murabahah komoditi)	2,961,096	1,979,340	1,301,019
Bai Al Dayn (jual beli hutang)	753,857	732,250	805,213
Murabahah (jual beli kos ditambah keuntungan)	922,188	714,268	652,739
Istisna' (jual beli tempahan)	295,890	453,524	301,566
Qard (pinjaman ihsan)	66,193	27,309	16,344
Shirkah Mutanaqisah (pengurangan perkongsian untung rugi)/Musharakah (perkongsian untung rugi)	236	308	23,281
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Bai' Bithaman Ajil (jual beli dengan pembayaran tertangguh)	4,237,413	4,012,321	2,830,101
Ijarah (sewaan)	147,550	287,697	260,690
Ijarah Thumma Al-Bai (sewaan yang berakhir dengan jual beli)	1,001,324	1,024,090	1,207,059
Inah (jualan dan beli balik)	238,175	263,365	449,754
Tawarruq (murabahah komoditi)	2,961,096	1,979,340	1,301,019
Bai Al Dayn (jual beli hutang)	753,857	732,250	805,213
Murabahah (jual beli kos ditambah keuntungan)	922,188	714,268	652,739
Istisna' (jual beli tempahan)	295,890	453,524	301,566
Qard (pinjaman ihsan)	66,193	27,309	16,344
Shirkah Mutanaqisah (pengurangan perkongsian untung rugi)/Musharakah (perkongsian untung rugi)	18,630	18,630	41,155
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(iii) Mengikut jenis pelanggan

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Institusi bukan perbankan tempatan	438,890	445,254	37,042
Perusahaan perniagaan tempatan			
- Perusahaan industri kecil	269,238	420,518	728,478
- Lain-lain	2,449,268	2,713,808	2,700,579
Kerajaan dan badan-badan berkanun	608,510	602,147	135,190
Individu	6,841,465	5,292,442	4,224,569
Entiti tempatan lain	2,885	5,340	5,520
Entiti asing	13,666	14,963	16,388
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Institusi bukan perbankan tempatan	438,890	445,254	37,042
Perusahaan perniagaan tempatan			
- Perusahaan industri kecil	269,238	420,518	728,478
- Lain-lain	2,453,832	2,718,682	2,711,531
Kerajaan dan badan-badan berkanun	622,340	615,595	142,112
Individu	6,841,465	5,292,442	4,224,569
Entiti tempatan lain	2,885	5,340	5,520
Entiti asing	13,666	14,963	16,388
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(iv) Mengikut kepekaan kadar keuntungan

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kadar tetap:			
Pembiayaan perumahan	999,855	782,599	849,438
Sewa beli belum diterima	1,003,454	1,017,029	1,201,348
Lain-lain	4,580,985	4,279,145	2,764,311
Kadar boleh ubah:			
Pembiayaan perumahan	1,810,632	1,536,955	1,114,763
Lain-lain	2,228,996	1,878,744	1,917,906
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kadar tetap:			
Pembiayaan perumahan	999,855	782,599	849,438
Sewa beli belum diterima	1,003,454	1,017,029	1,201,348
Lain-lain	4,585,549	4,284,019	2,769,263
Kadar boleh ubah:			
Pembiayaan perumahan	1,810,632	1,536,955	1,114,763
Lain-lain	2,242,826	1,892,192	1,930,828
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(v) Mengikut sektor

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pertanian	51,001	50,424	75,846
Perlombongan dan kuari	2,381	2,032	4,049
Perkilangan	707,878	571,540	670,143
Elektrik, gas dan air	134,743	129,063	144,710
Pembinaan	488,928	701,667	775,252
Pembelian hartanah:			
- Kediaman	2,890,830	2,389,811	2,014,190
- Bukan kediaman	269,340	232,143	255,494
Hartanah	129,267	126,348	16,937
Borong, runcit dan restoran	475,284	649,352	601,139
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	336,166	309,664	155,913
Perkhidmatan kewangan, takaful dan perniagaan	491,216	529,448	154,028
Pembelian sekuriti	92	119	86
Pembelian kenderaan pengangkutan	1,010,295	1,024,737	1,207,546
Kredit penggunaan	2,909,624	1,932,640	1,316,730
Komuniti, khidmat sosial dan peribadi	104,537	229,889	384,158
Kerajaan dan badan berkanun	622,340	615,595	71,545
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pertanian	51,001	50,424	75,846
Perlombongan dan kuari	2,381	2,032	4,049
Perkilangan	712,442	576,414	675,095
Elektrik, gas dan air	134,743	129,063	144,710
Pembinaan	494,928	701,667	781,252
Pembelian hartanah:			
- Kediaman	2,890,830	2,389,811	2,014,190
- Bukan kediaman	269,340	232,143	255,494
Hartanah	129,267	126,348	16,937
Borong, runcit dan restoran	475,284	649,352	601,139
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	336,166	309,664	155,913
Perkhidmatan kewangan, takaful dan perniagaan	491,216	529,448	154,028
Pembelian sekuriti	92	119	86
Pembelian kenderaan pengangkutan	1,010,295	1,024,737	1,207,546
Kredit penggunaan	2,909,624	1,932,640	1,316,730
Komuniti, khidmat sosial dan peribadi	112,367	243,337	391,080
Kerajaan dan badan berkanun	622,340	615,595	71,545
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(vi) Mengikut kematangan baki kontrak

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kematangan dalam tempoh setahun	2,360,594	2,081,549	2,470,365
Lebih daripada setahun hingga lima tahun	3,852,107	3,464,400	3,231,243
Lebih daripada lima tahun	4,411,221	3,948,523	2,146,158
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kematangan dalam tempoh setahun	2,360,594	2,081,549	2,470,365
Lebih daripada setahun hingga lima tahun	3,852,107	3,464,400	3,231,243
Lebih daripada lima tahun	4,429,615	3,966,845	2,164,032
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

(vii) Mengikut kawasan geografi

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tempatan	10,602,355	9,450,720	7,753,291
Luar pesisir Labuan	21,567	43,752	94,475
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tempatan	10,620,749	9,469,042	7,771,165
Luar pesisir Labuan	21,567	43,752	94,475
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

7. Pembiayaan pelanggan (samb.)

(viii) Mengikut tujuan ekonomi

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pembelian sekuriti	92	119	86
Pembelian kenderaan pengangkutan	1,010,295	1,024,737	1,207,546
Pembelian hartanah:			
– Kediaman	2,892,026	2,391,204	2,015,791
– Bukan kediaman	269,341	232,570	255,963
Pembelian aset tetap (tidak termasuk hartanah)	1,061,774	1,278,061	448,398
Kegunaan peribadi	2,909,624	1,932,640	1,316,730
Pembinaan	526,512	735,147	810,779
Modal kerja	500,543	375,431	239,508
Tujuan lain	1,453,715	1,524,563	1,552,965
	10,623,922	9,494,472	7,847,766

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pembelian sekuriti	92	119	86
Pembelian kenderaan pengangkutan	1,010,295	1,024,737	1,207,546
Pembelian hartanah:			
– Kediaman	2,892,026	2,326,294	2,015,791
– Bukan kediaman	269,341	232,570	255,963
Pembelian aset tetap (tidak termasuk hartanah)	1,061,774	1,278,061	448,398
Kegunaan peribadi	2,909,624	1,932,640	1,316,730
Pembinaan	526,512	735,147	816,779
Modal kerja	500,543	375,431	239,508
Tujuan lain	1,472,109	1,607,795	1,564,839
	10,642,316	9,512,794	7,865,640

Termasuk dalam pembiayaan pelanggan ialah pembiayaan korporat yang dilindung nilai oleh derivatif kadar keuntungan. Lindung nilai ini memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai dan kadar pembiayaan dibawa pada nilai saksama.

Pendedahan kredit maksimum pembiayaan pelanggan berjumlah RM573.3 juta (2012: RM73.3 juta). Perubahan terkumpul dalam nilai saksama pembiayaan yang disebabkan oleh perubahan dalam risiko kadar untung menghasilkan jumlah untung sebanyak RM8,619,859 (2012: RM1,256,623) dan perubahan bagi tahun semasa ialah untung berjumlah RM7,363,236 (2012: RM1,256,623). Perubahan dalam nilai saksama pembiayaan yang diperuntukkan disebabkan oleh perubahan dalam risiko keuntungan telah dikira dengan menentukan perubahan dalam keuntungan dalam penyebaran untung yang tersirat dalam nilai saksama sekuriti yang diterbitkan oleh entiti dengan sifat kredit yang serupa.

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

8. Rosotnilai pembiayaan

(i) Pergerakan dalam rosotnilai pembiayaan

	Kumpulan	Bank
	RM'000	RM'000
Pada 31 Mac 2012		
Pada 1 April 2011	378,343	378,343
Dikelaskan sebagai rosotnilai bagi tahun kewangan	371,687	377,687
Dikelaskan semula sebagai berbayar bagi tahun kewangan	(174,373)	(174,373)
Dipungut pada tahun kewangan	(115,245)	(115,245)
Dihapus kira pada tahun kewangan	(14,068)	(14,068)
Pada 31 Mac 2012	446,344	452,344
Nisbah rosotnilai pembiayaan kasar kepada jumlah pembiayaan	4.7%	4.8%
Pada 31 Mac 2013		
Pada 1 April 2012	446,344	452,344
Dikelaskan sebagai rosotnilai bagi tahun kewangan	271,605	271,605
Dikelaskan semula sebagai berbayar bagi tahun kewangan	(143,533)	(143,533)
Dipungut pada tahun kewangan	(155,741)	(155,741)
Dihapus kira pada tahun kewangan	(153,307)	(153,307)
Pada 31 Mac 2013	265,368	271,368
Nisbah rosotnilai pembiayaan kasar kepada jumlah pembiayaan	2.5%	2.5%

8. Rosotnilai pembiayaan (samb.)

(ii) Pergerakan dalam peruntukan bagi rosotnilai pembiayaan

	Kumpulan	Bank
	RM'000	RM'000
<u>Peruntukan penilaian kolektif</u>		
Pada 31 Mac 2012		
Pada 1 April 2011	244,228	244,228
Peruntukan yang dibuat (Nota 28)	264,200	264,200
Jumlah dimasuk kira semula (Nota 28)	(227,163)	(227,163)
Jumlah dihapus kira	(12,968)	(12,968)
Pada 31 Mac 2012	268,297	268,297
Sebagai % daripada pembiayaan kasar, tolak peruntukan bagi penilaian individu	2.9%	2.9%
Pada 31 Mac 2013		
Pada 1 April 2012	268,297	268,297
Peruntukan yang dibuat (Nota 28)	368,321	368,321
Jumlah dimasuk kira semula (Nota 28)	(366,720)	(366,720)
Jumlah dihapus kira	(27,055)	(27,055)
Pada 31 Mac 2013	242,843	242,843
Sebagai % daripada pembiayaan kasar, tolak peruntukan bagi penilaian individu	2.3%	2.3%
<u>Peruntukan penilaian individu</u>		
Pada 31 Mac 2012		
Pada 1 April 2011	108,531	108,531
Peruntukan yang dibuat (Nota 28)	64,029	70,029
Jumlah dimasuk kira semula (Nota 28)	(10,656)	(10,656)
Jumlah dihapus kira	-	-
Pada 31 Mac 2012	161,904	167,904
Pada 31 Mac 2013		
Pada 1 April 2012	161,904	167,904
Peruntukan yang dibuat (Nota 28)	21,876	21,876
Jumlah dimasuk kira semula (Nota 28)	(29,874)	(29,874)
Jumlah dihapus kira	(125,453)	(125,453)
Pada 31 Mac 2013	28,453	34,453

Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Mac 2013 (19 Jamadil Awal 1434H) (samb.)

8. Rosotnilai pembiayaan (cont'd)

(iii) Pembiayaan rosotnilai mengikut kawasan geografi

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tempatan	243,801	439,870	372,045
Luar pesisir Labuan	21,567	6,474	6,298
	265,368	446,344	378,343

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tempatan	249,801	445,870	372,045
Luar pesisir Labuan	21,567	6,474	6,298
	271,368	452,344	378,343

8. Rosotnilai pembiayaan (samb.)

(iv) Pembiayaan rosotnilai mengikut sektor

	Kumpulan		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Perkilangan	10,220	40,874	24,660
Pembinaan	57,083	175,116	71,810
Pembelian hartanah:			
- Kediaman	84,590	100,192	159,345
- Bukan kediaman	10,313	8,128	12,206
Hartanah	-	9,342	-
Borong, runcit dan restoran	15,620	32,082	33,360
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	137	80	45
Perkhidmatan kewangan, takaful dan perniagaan	31,020	10,292	9,713
Pembelian sekuriti	18	50	84
Pembelian kenderaan pengangkutan	29,306	36,543	34,933
Kredit penggunaan	26,086	30,555	23,928
Komuniti, khidmat sosial dan peribadi	975	3,090	8,259
	265,368	446,344	378,343

	Bank		
	31 Mac 2013	31 Mac 2012	1 April 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Perkilangan	10,220	40,874	24,660
Pembinaan	63,083	175,116	71,810
Pembelian hartanah:			
- Kediaman	84,590	100,192	159,345
- Bukan kediaman	10,313	8,128	12,206
Hartanah	-	9,342	-
Borong, runcit dan restoran	15,620	32,082	33,360
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	137	80	45
Perkhidmatan kewangan, takaful dan perniagaan	31,020	16,292	9,713
Pembelian sekuriti	18	50	84
Pembelian kenderaan pengangkutan	29,306	36,543	34,933
Kredit penggunaan	26,086	30,555	23,928
Komuniti, khidmat sosial dan peribadi	975	3,090	8,259
	271,368	452,344	378,343

